

Jilid IV
Bil. 7



Hari Rabu
19hb Mac, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 997]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Kegelisahan Rakyat di Sabah [Ruangan 1054]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1060]

USUL-USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 1060]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 1129]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

- „ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (KOTA SETAR).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

Yang Berhormat TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO' MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Pantai).
- „ TUAN MUTANG TAGAL, (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

- Yang Berhormat TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 19hb Mac, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

YAYASAN PEMBANGUNAN
EKONOMI ISLAM
MALAYSIA

1. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil yang telah dicapai oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) sejak mula dilancarkan dan bagaimanakah sambutan orang-orang Islam terhadap skim amal jariah dan berapa banyakkah jumlah yang telah dapat dipungut, dan adakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan sebuah koperasi Islam yang besar di negara ini; kalau ada, bila dan kalau tidak, kenapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, sejak dilancarkan pada bulan Julai, 1984, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia telah pun menjalankan kegiatan-kegiatan di bidang ekonomi dan amal jariah. Pada tahun 1985 sumbangan yang diterima melalui skim sumbangan amal jariah melalui potongan gaji bulanan secara sukarela adalah melebihi \$1 juta dan \$½ juta

telah pun dibelanjakan untuk kegiatan-kegiatan amal jariah dan bakinya telah dilaburkan untuk menambah pendapatan yayasan tersebut.

Sambutan yang diberikan oleh para pekerja Islam di dalam sektor awam dan swasta kepada skim ini adalah amat menggalakkan. Seramai 125,819 orang para pekerja Islam di sektor awam dan swasta telah bersetuju menyertai skim ini yang akan menghasilkan sumbangan bulanan sebanyak \$204,588. Sementara itu, orang ramai boleh memberi sumbangan dengan mendapatkan resit amal jariah di semua Pejabat Pos, Bank Islam Malaysia Berhad dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji Negeri.

Pada masa sekarang, Kerajaan belum lagi bercadang untuk menubuhkan sebuah Koperasi Islam yang besar di negara ini.

Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa sehingga tahun 1985 lebih \$1 juta wang yang dapat dipungut dan \$½ juta daripadanya telah dibelanjakan untuk amal-amal jariah. Saya ingin tahu apakah bentuk perbelanjaan yang digunakan pada masa ini dan adakah apa-apa rancangan yang tertentu untuk dilaburkan atau dibelanjakan wang yang dipungut itu dari masa ke semasa?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya jangka bentuk perbelanjaan yang pertama yang dimaksudkan itu adalah dalam bidang amal jariah. Ada beberapa skop dalam lapangan ini. Pertamanya dalam aktiviti yang kita boleh kaitkan dengan bidang amal ibadah, bidang pendidikan dan ilmu pengetahuan, bidang kebajikan awam dan juga bidang pembangunan ekonomi. Jadi, dalam rangka yang saya sebutkan tadi kita memberi bantuan-bantuan kepada surau, masjid, menyediakan kemudahan kepada para jemaah ke Mekah pun termasuk juga membantu institusi-institusi pendidikan, menghadihkan kitab agama dan lain-lain lagi.

Yang kedua, dalam bidang ekonomi ini, seperti yang saya katakan tadi ini juga merupakan satu daripada perkara yang kita telah lakukan melalui derma dan sumbangan orang ramai itu, iaitu kita laburkan ke dalam projek-projek ataupun syarikat-syarikat yang diizinkan mengikut agama Islam.

Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut setahu saya kakitangan perkhidmatan awam seluruh Malaysia lebihkurang berjumlah 800,000 orang termasuk yang bukan Islam. Saya ingin tahu, apakah mutu Tabung Ekonomi Islam menerusi Yayasan Amal Jariah ini sanggup pula menerima sekiranya ada daripada penderma-penderma dari bukan Islam menderma ke dalam tabung ini.

Saya ingin tahu juga, apakah pihak Tabung Ekonomi Islam ini ada mengedarkan borang-borang untuk amal jariah ini kepada seluruh anggota Parlimen Malaysia?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, dari segi menerima ini khususnya daripada kakitangan, sebenarnya mengikut yang

saya fahamkan setelah dikaji tidak ada salahnya kalau kita menerima derma daripada kakitangan walaupun yang bukan beragama Islam.

Yang kedua, sama ada perkara yang sama telah diedar kepada Ahli-ahli Parlimen, saya kurang pasti tetapi dari segi risalah-risalah yang telah kita edarkan seperti yang saya bawa beberapa contoh di sini yang memberi penerangan mengenai program yayasan ini, saya percaya banyak Ahli-ahli Parlimen yang sudahpun membacanya.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau sudah tahu, hendak edar buat apa? Derma sahajalah.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam sebagaimana telah ditubuhkan, adakah bagi pihak Menteri yang berkenaan telah memperkenalkan yayasan ini kepada negara-negara Islam yang lain sebab negara-negara Islam yang lain ada didapati orang-orang kaya yang ingin menderma ke tempat-tempat seumpama ini didapati dalam negaranya tidak ada yayasan seperti ini. Adakah telah diperkenalkan kepada negara-negara Islam luar negeri?

Yang kedua, daripada kumpulanwang ini adakah boleh diberi bantuan kepada orang-orang yang berkemalangan di musim haji di Mekah Mukaramah dan di Madinah seperti hilang wang atau kebakaran dan sebagainya. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, adakah termasuk bantuan-bantuan seperti ini?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama sama ada Yayasan ini

telah diperkenalkan keluar negeri, saya ingin mengatakan setakat ini kita cuba memperkemas dahulu segala kutipan atau derma yang kita dapat dalam negeri. Ini pun banyak lagi ruang-ruang yang perlu kita kemaskinikan dan banyak lagi peluang-peluang dan derma yang sepatutnya kita dapat. Dari segi untuk kita mendapat derma di luar negeri ini, ini perlu dikaji juga dari segi dasar kerana terdapat juga badan-badan lain yang meminta derma di luar negeri. Jadi kita juga tidak mahu menubuhkan satu badan seolah-olah atau semata-mata untuk ditujukan kutipan di luar negeri, walaupun cadangan ini satu cadangan yang baik yang juga sedang dikaji dari segi jangka panjang.

Fasal yang kedua mengenai sama ada Yayasan ini boleh memberi apa-apa pertolongan sebagai aktiviti amal jariahnya kepada jemaah-jemaah kita yang barangkali terkandas ataupun menghadapi masalah di Mekah, sukacita saya nyatakan di sini walaupun dari segi kons. pnya boleh berbuat demikian tetapi sejumlah besar daripada bantuan-bantuan kepada jemaah kita di Mekah sebenarnya sudah pun boleh dilakukan oleh pihak lain seperti Tabung Haji yang mempunyai persediaan khusus akan hal ini.

DAKYAH MEMBURUKKAN IMEJ NEGARA

2. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar ada pihak-pihak yang menyebarkan dakyah memburukkan negara di luar negeri. Jika sedar sudahkah dikenal pasti siapa mereka dan apakah tindakan atau langkah-langkah yang akan diambil.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Hajj): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang

sedar bahawa terdapat segelintir orang-orang di luar negeri yang cuba untuk memburukkan imej negara kita di luar negeri. Umumnya tuduhan-tuduhan yang menjadi tumpuan mereka ini adalah kebebasan dan hak asasi manusia, yang dikatakan mereka telah tercabul di Malaysia dengan wujudnya undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) 1975.

Golongan yang terlibat dalam kegiatan ini, terutamanya adalah Amnesty International, yang beribu pejabat di London. Selain daripada itu, baru-baru ini, satu percubaan juga telah dibuat oleh seorang anggota Parlimen Eropah, yang berpendirian sosialis, untuk memburukkan negara kita dengan membesar-besarkan isu kebebasan dan hak asasi manusia ini dalam konteks Akta dan Peraturan-peraturan yang disebutkan tadi. Usaha ini telah pun dilaksanakan oleh anggota Parlimen tersebut melalui suatu sidang akhbar yang telah diadakan di Belgium pada tanggal 13hb Februari, 1986.

Pendekatan Kementerian Luar Negeri terhadap kegiatan-kegiatan seperti ini ialah berdasarkan kepada perspektif bahawa pertamanya, tidak ada sebuah negara pun di dunia ini yang sunyi daripada kritikan-kritikan, baik dari dalam mahupun dari luar negeri satu-satu negara itu. Keduanya kadang kala kritikan itu adalah ditimbulkan oleh pihak-pihak yang sama ada "hard-core" atau yang berlainan ideologi atau nilai hidupnya. Mereka ini menilai sesuatu keadaan berdasarkan ideologi ataupun nilai hidup mereka ataupun masyarakatnya sendiri dan mahukan ukuran tersebut diterapkan pada masyarakat negara-negara lain. Golongan seperti ini tidak akan berpuas hati selagi apa yang terdapat di sesuatu negara itu tidak sesuai dengan pandangan dan pegangan mereka.

Bagaimanapun Kementerian Luar Negeri sentiasa meneliti perkembangan-perkembangan mengenai perkara ini serta mengambil sikap tidak melayani secara langsung kegiatan-kegiatan kumpulan ini untuk mengelakkan dari memberi publisiti yang memang diinginkan oleh golongan seperti ini.

Di sebaliknya pula, Kementerian Luar Negeri mengambil langkah-langkah tertentu lainnya dalam usaha untuk mengatasi masalah ini. Di antara langkah-langkah ini termasuklah mengaturkan temubual dan dialog para wartawan asing, yang mewakili akhbar-akhbar yang terkemuka di negara mereka, dengan para pemimpin-pemimpin kita bila-bila sahaja ada kesempatan dengan tujuan untuk memberikan gambaran yang jelas dan sebenarnya mengenai apa juga isu berkaitan dengan negara kita yang mungkin menjadi persoalan kepada pihak-pihak tertentu di luar negeri.

Dalam pada itu, usaha untuk memberikan penerangan dan penjelasan mengenai keadaan yang sebenar di negara kita tetap diteruskan sebagai usaha yang berterusan oleh para Duta dan Pesuruhjaya Tinggi kita di luar negeri dalam rangka tugas penting mereka.

Adalah juga diperhatikan bahawa ada pihak-pihak tertentu dari Malaysia sendiri yang telah menjalankan kegiatan-kegiatan, melalui setengah-setengah pelajar-pelajar kita di luar negeri, yang mempunyai kesan yang negatif kepada negara kita.

Beberapa langkah telah pun diambil oleh Kementerian Luar Negeri dalam usaha untuk mengatasi masalah ini. Di antaranya termasuklah mengiriskan akhbar-akhbar tempatan kita kepada pusat-pusat pelajar kita di luar negeri dan mengadakan perjumpaan di antara wakil-wakil Kerajaan kita dengan

pelajar kita tersebut, di samping langkah-langkah lain yang biasanya diusahakan oleh perwakilan-perwakilan kita di luar negeri sendiri, seperti mengadakan perjumpaan di antara pihak mereka dengan pelajar-pelajar kita tadi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri sama ada kesan daripada usaha-usaha yang dijalankan di kalangan para pelajar Malaysia yang menyebabkan dakyah-dakyah buruk ini telah menampakkan tanda yang baik dan bahawa dakyah-dakyah ini sekarang sudah kurang. Sekiranya ini tidak berlaku, apakah pihak Kementerian sedang memikirkan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk diusahakan pada masa akan datang memandangkan bahawa pelajar-pelajar ini pergi keluar negeri kebanyakannya atas biasiswa Kerajaan dan mereka sepatutnya berterima kasih dan bersyukur kepada Kerajaan kerana membantu persekolahan mereka.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya begitulah, sepatut mereka sedar iaitu Kerajaan sentiasa memberi pertolongan kepada mereka untuk belajar di sana tetapi ada orang-orang kita juga yang kadang kala memburukkan imej. Tetapi kesan-kesan yang dibuat oleh perwakilan kita di luar negeri sekarang ini adalah baik yang memberikan penjelasan dan penerangan. Dengan adanya penjelasan dan penerangan mereka sedar di atas hasrat dan tujuan Kerajaan sebenar-benarnya iaitu membawa negara kita kepada negara yang lebih baik lagi dari segi kehidupan ekonomi, ketenteraman dan juga kestabilan ekonomi dan politik. Sentiasalah perwakilan-perwakilan kita di luar negeri akan berusaha supaya pelajar-pelajar kita tidak mendengar dakyah-dakyah yang tidak

benar ini dan dengan penjelasan ini kita berharap dan berdoa, moga-moga mereka ini sedar di atas hasrat Kerajaan yang sebenarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut mengenai kegiatan-kegiatan oleh pihak-pihak yang tertentu di mana kegiatan mereka menyebabkan propaganda yang memburukkan imej negara. Adakah Kerajaan menganggap antara kegiatan-kegiatan ini kegiatan-kegiatan serupa penangkapan Presiden MCA, parti yang kedua besarnya dalam Barisan Nasional, atas pecah amanah, penipuan kes Pan-El dan adakah Kementerian Luar Negeri membuat satu analisa betapa keburukan yang timbul daripada kes semacam ini terhadap imej negara kita?

Kedua, mengenai kegiatan Amnesty International dan lain-lain, mengenai hak asasi dan perkara-perkara bersabit, bukankah antara langkah Kerajaan boleh ambil untuk mengurangkan kegiatan buruk itu ialah supaya kita buat satu kajian untuk meminda Akta-akta semacam ISA, semacam Peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) supaya hak-hak asasi bolehlah dapat dihormati dalam negara kita?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat Mulia menjawab soalan-soalan itu, saya ulangi bahawa soalan asal ialah, minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar ada pihak-pihak yang menyebarkan dakyah memburukkan negara di luar negeri. Ini menjadi, dengan izin, operative clause dalam soalan tersebut. Saya serahkan kepada Yang Berhormat Mulia untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kepada yang relevant.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab perkara ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, kalau saya tidak jawab nanti dia kata saya tidak jawab pula, jadi baiklah saya menerangkan seberapa yang boleh. Untuk pengetahuan Yang Berhormat yang berkenaan, saya sukalah mengatakan secara umum (general policy), kita akan memberikan apa sahaja penjelasan di atas apa yang berlaku di sini. Kita tidak menyusutkan. Di atas penangkapan (charge) di mahkamah itu, sebagai peguam beliau tahulah ada perkataan yang mana setengah-setengah hakim ada berkata, kalau Yang Berhormat masih ingat, dengan izin, "the mere fact of a charge is a misfortune." Di atas itu, saya rasa kita patutlah serahkan hal ini kepada hakim ataupun mahkamah. Kita tidak susut di atas perkara-perkara yang berlaku semacam ini, tetapi apa yang telah berlaku kita tidak susutkan. Sebaliknya jikalau ada orang-orang yang ditangkap, banyak orang yang ditangkap tetapi ada yang dilepaskan. Jadi, sebab itulah saya katakan tadi, the maxim, "the mere fact of a charge is a misfortune." Jadi, di atas itulah kita tidak akan menyusut dan kita telah pun memberi penjelasan dan kita tidak boleh susutkan perkara ini kerana pelajar-pelajar tentulah tahu dan kita tidak susutkan, Yang Berhormat.

Bersabit dengan ISA, barangkali Dewan yang mulia ini sedar ISA ini kita semata-mata hendak mententeramkan keadaan yang berlaku dahulu bahkan kita telah berjaya mengatasi masalah emergency baik pun yang pertama atau yang ada sekarang di atas undang-undang yang terdapat sekarang iaitu ISA. Barangkali ada juga ada setengah-setengah negara yang developed yang telah pun sofistikated mengatakan ISA ini adalah bagus. Mereka kata pula, dengan izin, "in order to be kind it is better to be cruel" [*Tepuk*]. Jadi, dengan sebab itulah

saya rasa yang kita duduk begini, yang ada Parlimen, Yang Berhormat duduk di sini pun saya rasa oleh sebab ISA juga. Jadi, saya rasa kita patut panjangkan dan tidak perlu dipinda.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri, bagaimana jawapan Yang Berhormat Mulia tadi bahawa ada juga rakyat kita ini yang terlibat dengan memburukkan negara kita di luar negeri. Jadi, adakah mereka ini boleh ditangkap ataupun dicamkan dan ditangkap jika mereka balik? Dan setakat ini adakah kita telah menangkap mereka ini?

Yang kedua, adakah berlaku bahawa pemimpin-pemimpin politik terutama pemimpin yang keciwa dengan politik mereka dalam negara ini cuba memburukkan negara ini di luar negeri terutama negara jiran seperti Singapura, ada juga negara-negara lain dan saya rasa kalau yang keciwa ini tentulah parti Pembangkang. Adakah dapati mereka ini terlibat dengan perkara-perkara memburukkan negara kita ini di luar negeri?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, siapa yang terlibat itu "TSTlah". Jadi, saya tidak perlu terangkan. Jadi, bersabit dengan pertanyaan boleh ditangkap atau tidak mereka ini jikalau balik ke Malaysia, saya pun sudah terlupa fasal undang-undang ini tetapi kalau saya tidak salah, tiap-tiap satu kes jenayah mestilah hanya berlaku dalam negara kita ataupun jurisdiction dalam negeri sahaja yang mana kita boleh ambil tindakan. Walau bagaimanapun, pihak kita sentiasa mengawasi keadaan ini dan jikalau ada perkataan yang disebut adalah salah di bawah sisi jenayah dan akan mengakibatkan keburukan dan jatuhnya di dalam salah satu seksyen dalam undang-undang kita, maka kita terpaksa mengambil tindakan demi menjaga

kepentingan negara, demi menjaga perpaduan dan sebagainya, jikalau keadaan seperti itu maka terpaksa kita mengambil tindakan.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri, dalam jawapan Yang Berhormat Mulia tadi beliau ada menyatakan, pihak-pihak dari luar di antaranya ialah Amnesty International dan juga pihak-pihak di dalam negeri adalah memburukkan imej negara kita. Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat Mulia Menteri menyedari bahawa kita selalu mendapat surat rayuan dari Amnesty International yang bagi senarai orang yang ditahan di dalam negara ini di bawah ISA, adakah pihak Kementerian atau Kerajaan menyiasat siapakah berikan maklumat kepada Amnesty International yang menyenaraikan dalam surat rayuan yang saya sebutkan tadi? Adakah ini menunjukkan bukti Amnesty International dapat kerjasama atau bantuan dari pihak-pihak di dalam negara kita supaya mereka dapat maklumat yang begitu detail?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Seperti saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, adalah benar iaitu salah satu yang banyak menghantar rayuan ini ialah Amnesty International. Saya sukalah mengatakan iaitu saya sebagai Menteri Luar Negeri sentiasa menerima surat yang semacam ini, kalau tidak salah saya sekurang-kurangnya tiga surat satu minggu dan saya tengok cara semacam perkataan yang digunakan dan saiklostail, dia bubuh nama saya dan tiap-tiap minggu kandungan surat itu semacam sahaja. Jadi, ada orang digaji khas nampaknya menulis surat ini. Tidak ada kerja lain, dia dibayar gaji khas untuk tulis surat ini kepada Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri semua negara-negara yang ada dalam dunia ini. Saya pun ada berbincang

perkara ini dengan rakan sejawat saya, Menteri-menteri Luar yang lain dan mereka pun menyatakan semacam itu juga surat yang diterima oleh mereka.

Jadi, saya sukalah mengatakan nampaknya ada satu-satu konspirasi di antara mereka ini yang menekankan kepada negara-negara yang tertentu. Kita sahaja negara yang sedikit sekali saya rasa, jikalau dilihat di dalam rekod-rekod ada negara-negara lain yang ditekankan banyak. Boleh dikatakan semua negara ASEAN pun ada; tahun ini dia buat negara Malaysia yang menjadikan sasaran (target), tahun lepas negara ASEAN yang lain. Tahun ini nampaknya Malaysia telah dipilih oleh mereka menjadikan sasaran dalam ASEAN. Jadi, kita sentiasalah mengawasi sepertimana saya sebutkan tadi, orang-orang yang sentiasa ada kaitan dalam negara kita dan kita harap mereka akan memberikan imej yang baik, memberikan apa penjelasan yang sebenarnya berlaku di negara kita.

Kerananya negara kita, Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan "human rights" ini terkandung satu persatu di dalam Perlembagaan kita dan ini tercatat di atas kebebasan bercakap (freedom of speech) dan kebebasan gerak-geri (freedom of action) dan sebagainya dan ini terjamin, tetapi jikalau kita lebih daripada "freedom of speech" ini kita mungkin didakwa. Kita tak bolehlah katakan Yang Berhormat daripada satu-satu tempat adalah penyamun, pencuri, tak boleh begitu, jikalau dia sebenar tidak penyamun dan pencuri. Ini bermakna ada hadnya (limitation) di atas "freedom of speech".

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri telah menerangkan bahawa pihak Kerajaan sedar ada pihak-pihak yang menyebarkan dakyah-dakyah

memburukkan imej negara di luar negeri. Atas keyakinan bahawa perbuatan yang seumpama ini akan terus berlaku selagi dunia ini wujud. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri sehingga setakat ini adakah pihak Kementerian mempunyai cukup tenaga di dalam menghadapi masalah yang mencabar yang akan berlaku berterus-terusan dan jika tidak cukup, apakah langkah-langkah positif yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi melengkapkan unit yang diberi tugas tertentu bagi melawan segala dakyah-dakyah palsu ini.

Soalan yang kedua, memandang kepada suasana di negara kita ini saya ingin bertanya adakah setakat ini terdapat pegawai-pegawai kita sendiri yang ditugaskan di luar negeri yang memainkan peranan melempar batu sembunyi tangan. Jika ada, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian? Sekian.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya rasa tenaga pegawai-pegawai kita ini setakat mana yang kita terdapat sekarang ini kita ikhtiar seberapa yang boleh untuk mengatasi kesulitan menghadapi ataupun membawakan penjelasan-penjelasan, penerangan-penerangan yang dibawakan oleh golongan-golongan yang tertentu untuk memburukkan imej negara kita ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, seperti juga yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat sekejap tadi, saya rasa walaupun tenaga begitu banyak dan cukup pada fikiran kita, selagi mereka hendak buat, mereka ini boleh buat. Jadi, kalau dunia ini semacam kita semua, saya rasa tak apa, tetapi malangnya dunia ini ada golongan-golongan yang tak sefahaman dengan kita.

Bersabit dengan soalan yang kedua, iaitu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Adakah pegawai-pegawai kita?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Ya, pegawai yang berkenaan itu buat masa sekarang ini kita tidak terdapat lagi yang nampaknya mereka ini tidak memberikan penjelasan yang akan mengakibatkan keburukan kepada negara kita. Kita sentiasalah mengawasi supaya mereka ini menjalankan tugas mereka mengikut dasar-dasar Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Peter Chin Gan Oon.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Peter Chin Gan Oon tidak hadir)

BAYARAN HOSPITAL KEPADA PESAKIT

4. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menghapuskan bayaran hospital yang dikenakan kepada pesakit-pesakit; berapa bilangan pesakit yang dimasukkan ke dalam Wad Kelas Tiga di hospital-hospital Kerajaan di Sarawak dalam bulan-bulan November dan Disember 1982 dan bulan Januari, 1983 dan daripada bilangan ini berapa yang telah diberi pengecualian penuh terhadap skim pembayaran rawatan semenjak dikuatkuasa perintah pada 1hb Disember, 1982.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak bercadang untuk menghapuskan bayaran hospital yang dikenakan kepada pesakit-pesakit. Bilangan pesakit-pesakit Kelas Tiga yang dimasukkan ke hospital di Sarawak dalam bulan November, 1982 ialah seramai 7,568 orang, bulan Disember, 1982 ialah seramai 7,566 orang dan Januari, 1983 ialah seramai 6,899 orang. Perintah Fee (Perubatan) 1982 hanya dilaksanakan di Sarawak pada 1hb

Februari, 1985 dan bukannya pada 31hb Disember, 1982 seperti di Semenanjung Malaysia. Maka oleh itu, tidak ada pengecualian diberikan menurut Perintah Fee (Perubatan) 1982.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah garis panduan dalam pemberian pengecualian penuh terhadap skim pembayaran rawatan ini.

Kedua, adakah skim pembayaran rawatan ini dihadkan di Hospital Besar sahaja atau dikenakan di Pusat Kesihatan di luar bandar.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soal nombor dua dahulu, tidak ada apa-apa pembayaran yang dikenakan di pusat-pusat kesihatan, iaitu rawatan di kawasan luar bandar.

Garis panduan kepada pihak penguasa hospital-hospital memang sudah ada dan ini adalah tertakluk kepada pendapatan keluarga itu dan kemampuan pesakit atau keluarga mereka untuk membayar pada masa itu. Mereka terpaksa mengisi satu borang di mana pegawai penguasa dapat mengecualikan sepenuhnya atau sebahagian bayaran untuk hospital.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan adakah beliau menyedari bagi pesakit-pesakit yang miskin yang tidak ada kemampuan untuk membayar bayaran hospital yang kadangkala sangat besar, kuasa untuk mengesahkan bahawa pesakit-pesakit tersebut tidak ada kemampuan selalunya terpulang kepada Wakil Rakyat yang mengesahkan bahawa mereka tidak ada kemampuan. Adakah syarat-syarat yang memberi kuasa atau hak kepada Ahli Parlimen

atau Wakil Rakyat supaya mereka boleh membuatkan pengesahan yang saya sebutkan tadi.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Kuasa pengecualian diletak dengan pegawai yang menjaga hospital.

PERJANJIAN BARANGAN ANTARABANGSA

5. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapakah Amerika Syarikat tidak setuju dengan perjanjian-perjanjian barangan antarabangsa seperti Perjanjian Timah Antarabangsa.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab mengapakah Amerika Syarikat tidak bersetuju dengan perjanjian-perjanjian barangan antarabangsa adalah lebih diketahui oleh negara itu sendiri. Walau bagaimanapun, daripada kenyataan-kenyataan dasar yang diucapkan oleh negara tersebut telah difahamkan bahawa pihak Amerika Syarikat menganggap perjanjian barangan sebagai campurtangan di dalam pasaran, manakala negara tersebut percaya yang mengamalkan dasar pasaran bebas di mana harga barangan adalah ditentukan oleh faktor pasaran, iaitu penawaran dan permintaan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun Amerika Syarikat mengamalkan pasaran bebas, bolehkah Yang Berhormat menyatakan adakah Amerika Syarikat mengenakan sekatan-sekatan tertentu terhadap kemasukan barang-barang yang utama dari negara-negara membangun seperti Malaysia ini.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tidak ada apa-apa sekatan yang dikenakan ke atas barangan utama Malaysia yang dieksport ke Amerika Syarikat, seperti getah, timah, minyak kelapa sawit, koko dan lain-lain. Sekatan yang dikenakan adalah kebanyakan di atas barangan-barangan pembuatan.

SETTINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

6. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Wilayah Persekutuan menerangkan sejauh mana proses pengurangan bilangan setinggian telah dimulakan di Wilayah Persekutuan. Apakah kesulitan yang dihadapi oleh kerajaan dalam menjalankan program penempatan semula setinggian-setinggian di Wilayah Persekutuan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, pengawalan terhadap kawasan-kawasan setinggian di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur telah dilakukan oleh Kerajaan semenjak tahun 1969 lagi. Dalam tahun 1978 sebuah bahagian kawalan dan penempatan setinggian telah ditubuhkan di bawah Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur bagi menguatkuasakan Ordinan Kuasa-kuasa Perlu Dharurat (Pembersihan Setinggian) 1969. Penguatkuasaan ini dilakukan secara membuat rondaan ke kawasan-kawasan setinggian dengan tujuan menentukan agar tidak berlakunya pertambahan kawasan setinggian yang sedia ada ataupun pembukaan kawasan yang baru.

Secara khusus pengawalan ini dilakukan kepada tanah-tanah Kerajaan dan tanah-tanah rizab Kerajaan. Kerajaan menerima hakikat bahawa kawasan setinggian ialah manifestasi dari keadaan sosio ekonomi penduduk bandar. Sebahagian besar daripada golongan ini mempunyai pendapatan yang

rendah, tambahan pula Kerajaan sendiri tidak mampu menyediakan perumahan kos rendah sama ada untuk disewa atau dibeli dengan secukup-cukupnya. Selain daripada itu masih terdapat tanah-tanah Kerajaan yang sama ada terbiar ataupun tidak dapat di kawal dengan berkesan. Pengawalan kawasan-kawasan setinggan semenjak tahun 1978 telah dapat menstabilkan bilangan setinggan serta mnyekat dari wujudnya kawasan-kawasan setinggan yang baru. Usaha untuk mengurangkan jumlah penduduk setinggan telah dijalankan pada masa sebelum tahun 1985 dengan cara memindahkan setinggan-setinggan ke rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur.

Apabila tanah yang diduduki mereka dibangunkan untuk sesuatu projek Kerajaan ataupun apabila rumah-rumah mereka terlibat dengan bencana alam. Di antara tahun 1975 sehingga Disember, 1985 seramai 8,955 keluarga setinggan telah dipindahkan ke rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Bagaimanapun usaha ini bergantung kepada kemampuan Dewan Bandaraya untuk menyediakan rumah-rumah pangsa bagi tujuan tersebut. Memandangkan kepada kemelesetan ekonomi negara serta kelemahan kedudukan kewangan Kerajaan sendiri, Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil langkah yang baru, iaitu dengan memulakan rancangan pembangunan semula kawasan setinggan yang dilakukan secara pengswastaan. Rancangan ini akan melibatkan 6 kawasan setinggan yang terkemuka dan akan menempatkan semula kira-kira 8,042 keluarga setinggan dalam masa diantara 2 hingga 4 tahun yang akan datang ini.

Sukalah saya menyatakan di sini bahawa rancangan pembangunan semula kawasan setinggan ini telah mendapat sokongan dan persetujuan

penduduk-penduduk setinggan yang terlibat secara langsung. Oleh itu walaupun timbulnya salah faham dan salah anggapan mengenai aspek kos tanah umpamanya, rancangan ini merupakan satu usaha penting untuk mengatasi masalah kemiskinan dalam bandar.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kawalan setinggan bukanlah satu cara ataupun satu penyelesaian yang berkesan untuk mengatasi masalah setinggan ini memandangkan bahawa ramai penduduk yang telah berhijrah dari luar bandar ke bandar untuk mencari pekerjaan dan ini ditambah pula hendak mencari tempat tinggal. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa salah satu cara yang efektif ialah untuk membina rumah kos rendah ataupun rumah pangsa secara besar-besaran untuk mengatasi masalah ini. Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu, apakah kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti untuk dimajukan oleh pihak swasta mengenai masalah setinggan yang telah ada disebutkan oleh Menteri yang berkenaan.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa masalah semua setinggan ini adalah bergantung juga dengan soal kemiskinan di kawasan luar bandar. Oleh itu, masalah kemiskinan dalam bandar ada hubungan yang begitu rapat dengan kemiskinan diluar bandar di mana keadaan ini boleh menyebabkan penghijrahan daripada luar bandar ke kawasan bandar. Oleh itu, sudah tentulah bagi kita hendak mengatasi masalah kemiskinan dalam bandar ini tidaklah usaha-usaha itu dapat dihadkan hanya kepada satu usaha yang dilakukan ke kawasan-kawasan dalam bandar semata-mata. Selain daripada soal kemiskinan di luar bandar, saya juga sedar bahawa

pertambahan penduduk setinggan telah berlaku di kawasan bandar, mungkin yang dapat di kawal ialah darisegi bilangan rumah baru setinggan yang dibina untuk mereka yang berhijrah ke dalam bandar. Bilangan rumah-rumah yang dibina ini oleh dikawal secara rondaan, dan kawalan oleh pihak Dewan Bandaraya.

Bagaimanapun, kita sedia maklum bahawa sesebuah rumah setinggan itu yang dibina, bukan hanya menempatkan satu keluarga, tetapi kadangkala terdapat dua tiga dapur dalam sesebuah rumah yang berkenaan. Oleh itu walaupun tidak terdapat pertambahan dari segi rumah setinggan secara fizikal dan tidak terdapat pertambahan wujudnya kawasan-kawasan baru di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur ini, tetapi memang berlaku keadaan di mana rumah-rumah setinggan diubahsuai interiornya, bahagian dalamnya dan menjadikan tempat atau rumah lebih dari satu keluarga pada satu ketika.

Selain daripada itu, saya percaya Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sedar bahawa saya sedar tentang soal bahawa cara untuk mengatasi masalah setinggan ini ialah dengan pembinaan rumah kos rendah dengan cara yang besar-besaran. Oleh sebab itulah Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil langkah untuk membina rumah kos rendah walaupun dalam keadaan kemelesetan ekonomi, dalam keadaan Kerajaan tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk membiayai pembinaan rumah-rumah ini. Dan secara tindakan positif daripada Kementerian Wilayah Persekutuan sepertimana saya telah nyatakan bahawa lebih 8,000 unit rumah kos rendah akan dibina di beberapa kawasan yang telah dikenalpasti. Rancangan yang pertama yang telah pun diletakkan batu asas serta dilakukan upacara menanam cerucuknya iaitu sebuah kawasan setinggan yang terkenal di Kuala

Lumpur iaitu di Kampung Pandan di mana upacara meletakkan batu asas serta upacara penanaman cerucuk bagi projek itu telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri sendiri pada 9hb Mac yang lalu. Ini merupakan satu usaha yang jelas menunjukkan bahawa tanpa disuruh ataupun didesak oleh pihak yang tidak terlibat dengan Kerajaan di sebelah bahagian yang lain dari Kerajaan, Kerajaan mengambil sikap yang positif yang bertimbang rasa dengan cara membangunkan kawasan setinggan yang terlibat secara direct.

Bukan kita memilih kawasan-kawasan lain untuk membangunkan dengan rumah-rumah kos rendah tetapi kita terus menerus, secara langsung membangunkan kawasan yang berkenaan dan kawasan Kampung Pandan Tengah dengan bilangan setinggan sebanyak seramai 1,600 keluarga setinggan, yang bermakna kalau kali 5, 8,000 penduduk telah merupakan kawasan yang pertama untuk dibangunkan semula dengan pembinaan dengan sebanyak lebih-kurang 2,000 unit rumah kos rendah.

Ada 5 lagi kawasan yang telah dikenalpasti dan kawasan-kawasan ini akan juga dibangunkan secara pengswastaan dan juga akan merupakan kawasan-kawasan setinggan yang besar di dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Kawasan-kawasan ini ialah Kampung Sentosa seperti Kampung Sentosa, sebuah kampung setinggan yang terkenal dari segi sebuah tempat yang sentiasa banjir apabila berlaku hujan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, juga mempunyai penduduk setinggan lebih kurang dalam 1,000 lebih atau 2,000 keluarga setinggan di kawasan itu. Kampung Pasir, Wardiburn mempunyai lebih hampir 1,600 keluarga juga akan dibangunkan semula. Kawasan Kampung Chubadak yang juga merupakan 1,000 lebih

keluarga akan dibangunkan semula dan kawasan Selayang Bakti yang mempunyai beratus keluarga setinggan turut akan dibangunkan semula dan beberapa tempat yang lain yang sedang dikenalpasti oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

DEPO/SUB-DEPO/KEDAI JIMAT PERNAS

7. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan berapa jumlah Depo, Sub-Depo dan Kedai Jimat PERNAS yang telah diwujudkan. Berapa "turnover" bagi tahun 1985.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 1985, PERNAS Edar Sdn Bhd mempunyai 34 buah depo di seluruh Semenanjung Malaysia. Sebanyak 99 buah sub-depo dan 314 buah kedai jimat PERNAS telah diwujudkan dan beroperasi di seluruh Semenanjung Malaysia.

Jumlah "turnover" PERNAS Edar pada tahun 1985 ialah sebanyak \$137,410,894.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kriteria-kriteria ataupun syarat-syarat yang digunakan oleh PERNAS Edar untuk memilih peserta-peserta yang dibantu oleh PERNAS Edar ini dan saya minta bertanya, berapa banyak penglibatan kewangan yang telah digunakan oleh PERNAS Edar untuk menjayakan rancangan ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat itu agak banyak dan saya memohon izin untuk menjawab secara bertulis.

Penglibatan yang banyak yang dikatakan Yang Berhormat itu, saya harap Yang Berhormat tidak terkeliru

dengan angka yang saya berikan. Angka yang saya berikan pada bahagian kedua soalan itu adalah "turnover" ataupun pusingan perniagaan dalam tahun yang lalu dan bukanlah ongkos untuk menjalankan PERNAS Edar Sdn Bhd. Ini adalah "turnover" iaitu pendapatan secara gross.

Sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru, apabila PERNAS telah ditubuhkan, PERNAS Edar Sdn Bhd sebagai salah satu anak syarikat milikan PERNAS itu memanglah telah memerlukan perbelanjaan di peringkat awal tetapi kita telah mengetahui juga bahawa anak syarikat ini telah berkembang dengan baik selama bertahun-tahun itu dan masih lagi memberi sumbangan kepada pencapaian ataupun usaha mencapai cita-cita Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Ismail bin Said: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah yang sebenarnya matlamat projek kedai jimat ini diwujudkan dan setakat ini sejauh manakah pencapaian yang dicapai bagi menuju matlamatnya?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, matlamatnya yang unggul ialah untuk seperti yang saya katakan tadi, mencapai tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru dari segi menseimbangkan ekonomi dan masyarakat di negara kita ini dan dengan mengadakan kedai-kedai PERNAS ini iaitu depo-depo, sub-depo-sub-depo dan kedai-kedai jimat-cermat di seluruh negara iaitu di Semenanjung supaya pihak-pihak bumiputera kita dapat berkecimpung melalui bimbingan dan bantuan daripada PERNAS Edar di Semenanjung ini.

Kedua, memanglah dengan mengadakan depo-depo dan sub-depo-sub-depo dan kedai-kedai jimat-cermat ini akan menyenangkan lagi

pihak-pihak bumiputera ataupun peniaga-peniaga bumiputera dan bukan bumiputera untuk mendapat bekalan-bekalan mereka daripada edaran, sub-edaran dan kedai-kedai jimat-cermat ini.

Saya mengakui bahawa perkara ini bukan senang dilaksanakan, akan tetapi matlamatnya ialah yang saya katakan tadi.

PENDAPATAN PENEROKA FELDA

8. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah imbangan yang telah atau yang akan diselaraskan oleh pihak yang berkenaan terhadap peneroka-peneroka FELDA berikutan dengan kemelesetan Ekonomi serta berkurangnya permintaan-permintaan Luar Negeri terhadap barangan seperti minyak kelapa sawit, adakah ianya menjejaskan pendapatan-pendapatan peneroka-peneroka kita; dan
- (b) adakah pengambilan-pengambilan peneroka baru akan dikurangkan, jika ya, berapa peratus; jika tidak, bagaimanakah langkah-langkah yang dilaksanakan untuk menjamin pendapatan-pendapatan peneroka agar tidak membimbangkan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi serta berkurangnya permintaan-permintaan luar negeri terhadap barangan seperti minyak kelapa sawit telah menjejaskan juga pendapatan peneroka-peneroka FELDA. Harga pasaran sawit yang merosot secara

langsung mengakibatkan kemerosotan pendapatan di kalangan peneroka-peneroka FELDA. Bagi mengimbangkan keadaan ini, jaminan pendapatan telah dilaksanakan oleh FELDA bagi membolehkan peneroka menerima pendapatan bersih sebanyak \$350.00 sebulan untuk rancangan sawit yang telah memasuki sistem blok dan \$250.00 untuk rancangan getah.

Kutipan bayaran kembali tidak akan dibuat apabila keadaan tersebut berlaku dan ianya hanya akan dikutip sebagai tunggakan bila mana keadaan hasil mencapai musim kemuncak.

Di samping itu, FELDA juga menggalakkan peneroka-peneroka menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi sampingan seperti projek-projek perusahaan kecil, Buku Hijau dan ternakan supaya dapat menambahkan pendapatan, tidaklah hanya bergantung kepada hasil ladang.

Pengambilan peneroka-peneroka baru bagi menyertai rancangan FELDA tidak akan dikurangkan. Matlamat pengambilan peneroka dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima iaitu 1986-1990 ialah seramai 30,000 orang iaitu 6,000 keluarga peneroka setahun. Langkah-langkah sepertimana yang saya sebutkan tadi akan terus dilaksanakan dan digiatkan lagi bagi menjamin pendapatan peneroka berada di tahap yang wajar.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tadi ada Menteri mengatakan bahawa keadaan ekonomi meleset ini bahawa pendapatan terjamin yang diberi kepada peneroka-peneroka ialah sebanyak \$350.00 sebulan dan mereka digalakkan supaya mencari pendapatan sampingan dalam keadaan-keadaan yang merungsingkan ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri supaya pendapatan dinaikkan sehingga \$400.00? Ada rancangan-rancangan seperti di FELDA Chengi umpamanya

sebagai contoh, mereka mendesak supaya PNF ini apabila sampai ke rancangan, dibenarkan sehingga \$100.00, bukannya \$50.00.

Yang kedua, dari segi pengambilan peneroka-peneroka baru, kita lupa bahawa ada masyarakat kaum bumiputera Orang Asli di kawasan saya tidak kurang daripada 10,000 orang, mereka telah memohon bertahun-tahun tetapi tidak ada jawapan. Kita hendak tahu, apakah dasar yang dijalankan oleh pihak Kerajaan mengenai pengambilan mereka ini, sebabnya mereka selalu bertanya kepada saya, "syusyah syangat" Yang Berhormat, saya lama dah jemu memohonnya [*Ketawa*].

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu sama ada pencatit boleh catit macam mana ejaannya [*Ketawa*].

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi jaminan pendapatan minima, kita meletakkan \$350.00 adalah satu tahap yang wajar kerana kita boleh taruh apa juga bahkan kalau kita menetapkan \$600.00 setelah buat kiraan untuk seorang peneroka, Kerajaan terpaksa menanggung lebih kurang \$18 juta sebulan bagi 94,000 keluarga lebih kurang. Maka itulah sebabnya kita memikirkan \$350.00 itu adalah wajar di samping memberi jaminan terhadap bekalan ataupun kemudahan-kemudahan kredit menerusi PNF ataupun Perbadanan Peniaga FELDA untuk mendapatkan keperluan harian iaitu makanan dan sebagainya.

Kita juga menggalakkan usaha-usaha sampingan ini. Saya rasa adalah lebih penting kerana usaha-usaha sampingan ini akan menggerakkan lagi semangat penerokaan orang-orang FELDA itu sendiri iaitu pergi ke horizon baru ataupun kegiatan-kegiatan baru seperti memelihara biri-biri yang kebetulan dalam usaha

pembiakan kacukan yang bermutu di mana FELDA sendiri dan juga agensi-agensinya pembangunan tanah yang lain sedang berusaha untuk menambahkan baka-baka yang baik dan kebetulan kita telah mewujudkan baka 50% kacukan dengan "docept horn" yang begitu menarik dan hanya malangnya bapa atau kambing jantan docept horn yang kita import, ada juga yang telah mati kerana mungkin agaknya kita letakkan sampai 100 ekor kambing betina dengan satu jantan. Jadi, timbullah masalah satu daripadanya telah mati. Kita sedang mengkaji bagaimana hendak membiakkan kacukan yang baik.

Dan masalah pengambilan peneroka-peneroka baru khususnya bagi Orang-orang Asli, kita sedang mencuba di beberapa rancangan untuk mengambil kira penyertaan Orang-orang Asli dan kita menemui beberapa kegagalan kerana mungkin penyesuaian untuk duduk tetap menimbulkan masalah dan mereka telah meninggalkan rancangan tetapi FELDA tidak akan berputus asa, sedang juga berusaha.

Tetapi selain daripada itu Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah sedang mengatur bersama-sama dengan Jabatan Orang Asli untuk memberi pembangunan secara in-situ di mana FELCRA akan membantu untuk membangunkan tanaman-tanaman kekal di tanah-tanah rizab Orang Asli sendiri untuk meningkatkan pendapatan mereka tetapi kita tidak pernah menutupkan pintu FELDA bagi Orang-orang Asli.

Timbalan Yang di-Pertua: Bapa kambing pun mati juga!

TARAF KEWARGANEGARAAN— PERMOHONAN

9. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan meringankan

beberapa peraturan yang keras mengenai permohonan bagi warganegara oleh pemohon-pemohon yang tidak dapat mengemukakan Sijil Beranak walaupun lahir di sini seperti pemeriksaan tulisan dalam Bahasa Malaysia memandangkan kepada faktor bahawa pemohon-pemohon ini adalah semata-mata dari luar bandar, biasanya tanpa berpelajaran dan juga dari golongan yang tinggi usia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk meminda peraturan yang dikuatkuasakan sekarang bagi pemohon-pemohon taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 19 Perlembagaan Malaysia, oleh kerana setiap pemohon itu dikehendaki mempunyai pengetahuan Bahasa Malaysia yang secukupnya.

KAWASAN PEMBANGUNAN NELAYAN—PROGRAM

10. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah faedah-faedah yang boleh dinikmati oleh nelayan-nelayan di dalam kawasan Pembangunan Nelayan;
- (b) bagi kawasan-kawasan yang telah pun dilaksanakan adakah terdapat perubahan-perubahan terutama dari segi taraf hidup nelayan-nelayan;
- (c) setakat ini berapakah jumlah wang yang telah dan sedang dilaksanakan bagi kawasan Pembangunan Nelayan;
- (d) bagi negeri Perak adakah Daerah Krian telah disenaraikan untuk rancangan Pembangunan Nelayan. Jika ya, bilakah akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhat Wan): Tuan Yang di-Pertua, faedah yang boleh dinikmati oleh nelayan di dalam Kawasan Pembangunan nelayan antaranya ialah program-program seperti Skim Kemudahan Kewangan bagi pemilikan dan peningkatan bot yang lebih besar, projek ternakair dan khidmat sokongan pemasaran.

Di samping itu Kerajaan telah menyediakan program-program sosial termasuk penyediaan kemudahan asas, peningkatan kemahiran serta kelas-kelas tadika dan bimbingan untuk keluarga nelayan.

Bagi menjamin keselamatan nelayan semasa menangkap ikan dan masa hadapan anak-anak mereka, Kerajaan juga telah mengadakan skim perlindungan nelayan di bawah skim Takaful dan Tabung Pelajaran Anak-anak Nelayan.

Bagi kawasan-kawasan yang telah dilaksanakan sebagai Kawasan Pembangunan Nelayan memang terdapat perubahan dari segi taraf hidup nelayan. Nelayan-nelayan yang menyertai projek seperti peningkatan bot, ternakair dan sebagainya telah mendapat pendapatan yang lebih tinggi.

Setakat ini 9 buah Kawasan Pembangunan Nelayan telah pun dilancarkan dan satu lagi kawasan Pembangunan Nelayan iaitu di Kuala Trengganu dan Marang akan dilancarkan pada tahun ini.

Sembilan kawasan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (1) Besut.
- (2) Kelantan Utara.
- (3) Kuala Pahang dan Nenasi.
- (4) Sedili.
- (5) Manjong.

- (6) Kuala Muda dan Yan.
- (7) Mersing.
- (8) Kuala Kedah.
- (9) Perlis dan Pulau Langkawi.

Daerah Krian adalah dalam perancangan untuk dilaksanakan Kawasan Pembangunan Nelayan menjelang tahun 1989.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 11 hingga 30 adalah diberi di bawah ini]

KERETA PROTON SAGA— PERANCANGAN

3. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Perdana Menteri menyatakan kenapakah ketika perancangan Kereta Proton Saga, pihak Jepun tidak mengambil kira dalam kenyataan bahawa kami mempunyai tujuan untuk mengeksportkan kereta-kereta ini kepada negara-negara yang mengenakan ciri-ciri keselamatan bahawa Kereta Proton Saga yang ada sekarang tidak memuaskan, dan sama ada kereta ini mempunyai tonjolan tajam di bahagian dalam yang boleh menyebabkan kematian kepada penumpang-penumpangannya semasa berlakunya satu kemalangan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut konsep asal (original concept) Projek Kereta Nasional, peringkat permulaan pengeluaran kereta nasional ialah bagi pasaran dalam negeri sahaja. Pilihan konsep ini adalah berdasarkan kajian kemungkinan pada tahun 1982 yang menunjukkan pasaran dalam negeri yang baik. Walau bagaimanapun, oleh kerana kekurangan permintaan kereta penumpang akibat kemelesetan

ekonomi sekarang, adalah wajar bagi kita mempercepatkan hasrat untuk memasuki pasaran eksport. Sungguhpun kereta nasional adalah untuk pasaran dalam negeri, suka saya menjelaskan bahawa adalah tidak benar ciri-ciri keselamatan diabaikan. Pada peringkat pembangunan, kereta Proton Saga telah menjalani segala ujian di Jepun termasuk "crash test". Ujian ini menunjukkan bahawa Proton Saga mempunyai ciri-ciri keselamatan setanding dengan kereta-kereta lain dalam kelasnya yang dipasang di Malaysia. Kereta Proton Saga juga telah mendapat kelulusan Jenis Kenderaan (Type Approval) dari Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dalam mematuhi keperluan peraturan-peraturan di bawah Kaedah-kaedah Kereta-kereta Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959.

Yang Berhormat mungkin juga maklum bahawa tiap-tiap negara mempunyai piawaian masing-masing dan tiada piawaian yang menyeluruh (universal standard) bagi semua negara. Sebagai contoh, sekiranya piawaian di Britain dipatuhi ini tidak bermakna kita boleh masuk pasaran Amerika Syarikat dengan piawaian yang sama.

PELARIAN KAMPUCHEA/ VIETNAM

11. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapa banyak sumbangan perikemanusiaan yang telah diberi oleh Kerajaan berhubung dengan masalah pelarian-pelarian Kampuchea di perbatasan Thai-Kampuchea. Dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah orang-orang pelarian Vietnam yang masih ramai berada di Pulau Bidong, Trengganu dan berapakah jumlah mereka sebenarnya yang masih berada di negara kita.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Masalah pelarian Kampuchea di perbatasan Thai-Kampuchea adalah masalah yang dikendalikan oleh Kerajaan Thai sendiri dengan kerjasama dan bantuan UNHCR, dan Bulan Sabit Merah. Malaysia secara langsung tidak terlibat dalam isu ini. Namun demikian, Malaysia pada tiap-tiap tahun ada memberi sumbangan sukarela untuk membolehkan UNHCR menjalankan kegiatan-kegiatan perikemanusiaan dengan membantu pelarian-pelarian dari Kampuchea di perbatasan Thai-Kampuchea. Sumbangan ini berjumlah US\$10,000 setahun.

Mengenai langkah-langkah yang diambil dalam menghadapi masalah pelarian Vietnam, Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha untuk meminta negara-negara ketiga meningkatkan pengambilan Vietnam di Khemah-khemah pelarian di Pulau Bidong dan Sungei Besi supaya dipindahkan ke negara-negara ketiga dengan secepat mungkin. Di samping itu Malaysia sentiasa meminta pihak Vietnam supaya mengambil tindakan tegas mengelakkan rakyat Vietnam dari melarikan diri melalui laut dan sebaliknya berusaha meminta rakyat Vietnam yang hendak keluar dari negara itu, menggunakan saluran resmi di bawah "Orderly Departure Programme".

Sebagai memenuhi ketetapan Persidangan Geneva 1979, Malaysia menerima kemasukan pelarian Vietnam hanya dalam konteks negara "first asylum" dengan jaminan bahawa pelarian ini akan dipindahkan ke negara-negara ketiga dan Malaysia tidak akan dibebankan dengan saki baiknya.

Sehingga pertengahan Mac 1986, jumlah pelarian Vietnam di Khemah Pelarian Pulau Bidong dan Sungei Besi ialah 8,024 orang.

PENGGUNAAN TENAGA SOLAR

12. Tuan Mohd. Yussof bin Haji Yakob minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah ada sesuatu pengkajian atau rancangan Kementerian untuk pembekal tenaga solar memandangkan bahawa negara kita ini mengalami peratusan sinaran matahari yang begitu tinggi.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Memang benar Malaysia mengalami peratusan sinaran matahari yang tinggi kerana negara kita terletak di kawasan khatulistiwa yang juga dipanggil "the solar belt of the world", iaitu di antara garisan 30° Utara dan 30° Selatan. Pihak-pihak institusi pengajian tinggi dan pusat-pusat penyelidikan di negara kita ada membuat kajian-kajian mengenai penggunaan tenaga solar. Buat masa sekarang, penggunaan tenaga solar tidaklah begitu menggalakkan kerana kos pelaburannya adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan tenaga-tenaga lain yang ada sekarang.

FAMA—KAJIAN PEMASARAN

13. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan telah menjalankan kajian pemasaran dengan mendalam terutamanya oleh FAMA ke atas hasil-hasil pertanian bagi negeri Kedah dan lain-lain negeri kerana Dasar Pertanian Negeri Kedah telah dikesilkan iaitu bagi mengeluarkan bahan-bahan pertanian terutamanya buah-buahan selain dari padi. Kalau sudah, apakah maklumat-maklumat yang diperolehi serta strategi pemasaran masa depan.

Tuan Luhut Wan: FAMA dari setahun ke setahun telah menjalankan kajian-kajian pasaran dan pemasaran untuk mengetahui keadaan-keadaan pasaran semasa dan juga untuk membuat unjuran. Kajian-kajian

pemasaran ini adalah merupakan salah satu program utama FAMA di dalam tugasnya sebagai agensi pembangunan pemasaran hasil-hasil pertanian. Secara amnya kajian-kajian yang dilakukan oleh FAMA merangkumi aspek-aspek pembekalan, permintaan, tingkahlaku pasaran, institusi pemasaran, kos dan jidar pemasaran. Kajian-kajian yang dinyatakan di atas dilaksanakan ke seluruh negara terutamanya bagi negeri-negeri merupakan pengeluar utama sesuatu komoditi yang berkaitan dan yang merupakan kawasan penggunaan utama hasil-hasil pertanian.

FAMA telah menjalankan banyak kajian pemasaran pada masa lampau untuk mengkaji sistem pemasaran dan memproses bagi hasil-hasil pertanian seperti koko, kacang tanah, kobis, ayam, jagung, buah-buahan dan sebagainya.

Bagi tahun 1985 sahaja, FAMA telah menjalankan beberapa kajian pemasaran di kawasan Kedah/Perlis dan negeri-negeri lain, iaitu pertamanya, kajian Penggunaan Isirumah bagi hasil-hasil pertanian yang tertentu. Makluman yang diperolehi ialah penggunaan per kapita bagi hasil-hasil pertanian yang dapat membantu dalam anggaran penggunaan atau keperluan hasil-hasil pertanian. Keduaanya, Kajian Penggunaan Institusi Hotel dan Restoran bagi semua negeri di Semenanjung. Makluman yang diperolehi ialah penggunaan beberapa komoditi oleh hotel dan restoran untuk menambahkan maklumat penggunaan isirumah. Ketiganya, Kajian Penggunaan Bahan Mentah Bagi Kilang Memproses. Maklumat-maklumat yang diperolehi ialah bahan-bahan mentah yang dibeli oleh kilang-kilang memproses, termasuk kuantiti, harga yang kapasiti kilang. Kajian ini juga menambahkan makluman bagi Kajian Penggunaan Isirumah. Keempatnya, Kajian Potensi Pasaran

bagi hasil-hasil pertanian bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia. Makluman yang diperolehi ialah pengeluaran dan keluasan yang diperlukan bagi sesuatu hasil pertanian berdasarkan keperluan dalam negeri, pasaran eksport dan gantian import.

Pada tahun 1984, beberapa kajian telah dijalankan iaitu pertamanya Kajian Kesediaan Bekalan Bagi Sayur-sayuran di Melaka. Maklumat yang didapati ialah nama dan alamat petani, jenis sayuran yang ditanam dan keluasan. Keduaanya, Kajian Pemasaran Ikan Air Tawar di Pulau Pinang, Perak, Johor dan Selangor. Makluman yang diperolehi ialah sistem pemasaran ikan air tawar dan cara pemasarannya.

Banyak lagi kajian yang telah dijalankan sebelum tahun 1984/85, tetapi adalah terlalu banyak untuk disebutkan di sini. Keputusan dari kajian-kajian ini telah pun diterbitkan dan boleh diperolehi.

Kementerian Pertanian telah menentukan negeri Kedah sebagai zon pengeluar utama mempelam. Selaras dengan ini pihak FAMA telah mengadakan kegiatan promosi buah mempelam seperti penghantaran sampel ke luar negeri, galakan pasaran di hotel dan di pusat-pusat pasaran utama. Pada awal tahun 1986 telah menjalankan kajian bekalan bagi mengetahui maklumat-maklumat yang berkaitan dengan penanam-penanam serta juga menganggar potensi pengeluaran dari setiap ladang berkenaan di samping tingkahlaku pengguna ke atas buah mempelam.

Di dalam Rancangan Malaysia Kelima FAMA telah mengatur beberapa strategi untuk mempertingkatkan khidmat nasihat pasaran dan pemasaran. Beberapa kajian telah dirancang untuk dilaksanakan seperti "market mapping" bagi setiap kawasan

pengeluaran utama hasil-hasil pertanian di seluruh negara, pengesanan bekalan dalam dan luar negeri, tingkahlaku pengguna ke atas kehendak mereka terhadap barangan hasil-hasil pertanian dan membuat unjuran potensi, penawaran, dan permintaan dari semasa ke semasa. Di samping khidmat nasihat, FAMA sedang menggalakkan penyertaan petani-petani melibatkan diri secara langsung dalam pemasaran selaras dengan Dasar Pertanian Negara. Langkah-langkah mewujudkan Pasar Tani di seluruh negara, mewujudkan pusat-pusat perkhidmatan ladang iaitu merupakan kemudahan pengumpulan diletakkan di kawasan pengeluaran bagi kemudahan petani-petani mengumpulkan hasil-hasil pertanian untuk dijual, sistem jual janji yang bertujuan untuk memastikan petani-petani dapat berinteraksi dengan pasaran secara ikat perjanjian dan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan dilakukan sebagai strategi pemasaran FAMA di masa hadapan.

GRED PADI

14. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan cara baru Kementerian bagi mengenalpasti gred padi dengan lebih segera supaya dapat mengelakkan dari kerja larut malam dan pembarisan lori-lori padi begitu panjang dan berjam-jam lamanya di kompleks LPN antara lain juga dapat mengelak berlaku penyelewengan jual 2 kali atau jual ke lain kompleks.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): LPN sentiasa menjaga kaedah-kaedah penggredan padi yang diamalkannya bagi menentukan gred padi sama ada panjang ataupun sederhana serta untuk menentukan kandungan wap basah, kekotoran, padi muda dan padi

hampa supaya setiap pembelian dapat dibuat berdasarkan berat bersih padi. Urusan ini adalah dijalankan dengan cukup teliti bagi menjaga kepentingan petani.

Dalam usaha mempercepatkan proses penggredan padi, sebagai langkah mengatasi masalah kesesakan dan menunggu lama oleh lori-lori yang membawa padi ke kompleks LPN, beberapa tindakan adalah sentiasa diambil terutama di musim kemuncak penuaian. Antara tindakan-tindakan itu ialah dengan menambah Pembantu Pemilih Padi Sementara di Kompleks-kompleks dan Pusat-pusat belian yang membuat pembelian padi yang banyak. Kerja-kerja pengendalian pula dilanjutkan sehingga jam 6.00 petang. Selepas dari waktu ini keadaan hari adalah semakin gelap dan tidak membolehkan kerja-kerja penggredan dijalankan. Di samping itu, ada beberapa kumpulan penggred padi bekerja serentak pada sesuatu masa untuk menyegerakan urusan pembelian padi di kompleks-kompleks LPN.

Mengenai penyelewengan seperti penjualan padi dua kali, ianya sentiasa diawasi oleh LPN.

PROGRAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT NELAYAN

15. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sehingga kini sejauh manakah berjaya dan berkesannya Program Pembangunan Masyarakat Nelayan yang telah dilancarkan bagi taraf sosial dan kehidupan para nelayan diseluruh negara; dan
- (b) berapakah peruntukan yang telah diluluskan di bawah program ini bagi tahun 1985 dan juga tahun 1986.

Tuan Luhut Wan:

- (a) Kerajaan telah melaksanakan beberapa Program Pembangunan Masyarakat Nelayan dan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan. Mengikut kajian Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, kadar kemiskinan di kalangan nelayan telah menurun daripada 73.2% di tahun 1970 kepada 63% di tahun 1975. Pada tahun 1980, kadar ini telah menurun kepada 45.3% dan seterusnya kepada 44.7% dalam tahun 1983.
- (b) Peruntukan yang diluluskan kepada LKIM di bawah program pembangunan masyarakat nelayan ialah sebanyak \$3,954,900 dalam tahun 1985 dan \$4,070,000 dalam tahun 1986.

**PELABUR TEMPATAN/
ASING—GALAKAN**

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada pihak Kerajaan sedar akan masalah mendapatkan pelaburan daripada pelabur-pelabur tempatan dan asing; jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan selain daripada memberi amnesti kepada pendapatan dari luar negeri dan penyediaan kemudahan asas. Sementara menunggu usaha-usaha ini berhasil, bagaimanakah pihak Kerajaan akan melancarkan pembangunan sektor industri sedangkan pelaburannya sendiri adalah terhad. Adakah Pelan Induk Industri mempertimbangkan pertumbuhan ekonomi yang lemah pada masa ini dan seterusnya, masalah

pengembangan pasaran, apakah andaian-andaian yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menerangkan keyakinannya terhadap kejayaan Plan Induk ini; seterusnya, apakah andaian-andaian yang telah dibuat semasa pelan ini dirangkakan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Kerajaan memang sedar akan masalah mendapatkan pelaburan daripada pelabur-pelabur tempatan dan asing dan dengan itu telah mengambil, di antara lain, langkah-langkah seperti berikut untuk menggalakkan lebih pelaburan dalam sektor perkilangan:

- (i) Memperkenalkan galakan pelaburan yang baru di bawah Belanjawan 1986;
- (ii) Mengubahsuaikan garis panduan penyertaan ekuiti pelabur asing;
- (iii) Melonggarkan peruntukan Akta Penyelarasan Perindustrian 1985;
- (iv) Pengurangan kadar tarif untuk tenaga letrik, panggilan telefon antarabangsa dan teleks;
- (v) Penubuhan "New Investment Fund" dan memperluaskan senarai barangan yang layak untuk Export Credit Refinancing.

Disamping itu, Kerajaan akan terus lagi bergiat menggalakkan pelaburan bukan sahaja melalui seminar-seminar pelaburan tempatan dan rombongan-rombongan pelaburan ke negara-negara yang maju, bahkan akan terus mengkaji suasana pelaburan dan akan mengambil tindakan yang sesuai untuk menarik pelabur. Kajian-kajian yang lebih mendalam hasil daripada projek Pelan Induk Perindustrian, akan juga dijalankan bagi membantu kegiatan-kegiatan penggalakan ini.

Kerajaan juga akan menubuhkan Jawatankuasa-Jawatankuasa khas untuk mengawasi pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian. Namun demikian nampaknya keadaan kemelesetan ekonomi yang ujud sekarang telah menimbulkan keraguan tentang kejayaan pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian ini. Akan tetapi, Kerajaan yakin keadaan kemerosotan sekarang adalah untuk jangka pendek sedangkan Pelan Induk Perindustrian adalah untuk jangka panjang, iaitu selama sepuluh tahun. Kerajaan juga yakin bahawa dalam jangkamasa sepuluh tahun ini, Malaysia mempunyai kebolehan untuk menjadi sebuah negara perindustrian yang berjaya sekiranya syor-syor yang terdapat dalam Pelan Induk Perindustrian itu dilaksanakan dengan berkesan.

HARGA BARANGAN UTAMA— MENSTABILKAN

17. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah progam dan strategi Kerajaan khususnya Kementerian Perusahaan Utama di dalam usaha bagi menjamin dan menstabilkan harga barangan komoditi utama negara ini, berikutan kesan ekonomi dunia sekarang.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Berikutan daripada keadaan ekonomi dunia sekarang, Kerajaan telah, sedang dan akan mengadakan program-program dan strategi-strategi dalam usaha bagi menjamin dan menstabilkan harga barangan utama negara ini.

Salah satu daripada usaha-usaha yang dibuat ialah Kerajaan sentiasa menghantar misi-misi perdagangan ke pasaran-pasaran baru disamping berusaha supaya negara-negara pengimport mengurang atau menghapuskan sekatan tarif dan bukan tarif yang dikenakan terhadap

barangan utama Malaysia. Satu kejayaan yang dicapai baru-baru ini ialah Malaysia telah mendapat persetujuan Kerajaan Jepun untuk menghapuskan cukai import ke atas minyak kelapa sawit sebanyak 3% dan juga Kerajaan Korea Selatan untuk mengurangkan cukai import minyak isirong kelapa sawit daripada 30% kepada 25%.

Melalui Perjanjian Antarabangsa Getah Asli (INRA), harga getah asli dapat dipertahankan daripada terus merosot melalui operasi stok penimbal dan telah mengeluarkan dari pasaran dunia lebih kurang 370,000 tonne getah asli. Bagi membiayai stok penimbal ini Kerajaan Malaysia telah menyumbangkan sebanyak \$244 juta manakala bakinya sebanyak \$689 juta telah diperolehi dari negara-negara lain yang menjadi ahli INRA.

Di peringkat dalam negeri pula agensi-agensi Kerajaan seperti MARDEC dan RISDA terus membeli getah dari pekebun-pekebun kecil pada harga yang berpatutan dalam pasaran yang lembab dan sebagai saluran pemasaran alternatif bagi pekebun-pekebun kecil. Mengikut kajian, dengan wujudnya pembelian MARDEC di kawasan-kawasan yang tertentu harga getah adalah lebih baik berbanding di kawasan-kawasan yang tidak terdapat kegiatan MARDEC. Pada tahun 1984 dan 1985, MARDEC telah membeli sebanyak 134,100 tonne dan 141,500 tonne getah asli daripada pekebun-pekebun kecil.

Di samping itu Kerajaan telah mengkaji semula duti eksport getah di mana harga permulaan dan perkiraan duti telah dinaikkan kepada \$2.10 sekilo sejak April 1985. Ini bermakna bahawa jika harga getah RSS 3 kurang daripada \$2.10 sekilo seperti yang terdapat pada masa ini cukai eksport tidak dipungut. Demikian juga harga permulaan dalam perkiraan duti eksport timah telah ditetapkan pada

\$26.40 sekilo mulai April 1982 dan oleh itu tidak ada cukai eksport timah dikenakan pada masa ini.

Salah satu strategi lagi ialah memperhebatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dalam sektor barangan utama untuk menambah produktiviti, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan mutu. Bagi industri getah asli, usaha-usaha dalam bidang ini termasuklah mencari klon-klon baru yang boleh menambah pengeluaran, buruh dalam penorehan dan pemungutan latek, pemindahan inovasi penyelidikan kepada pekebun-pekebun kecil, memberi sokongan kepada industri berasaskan getah, meningkatkan mutu teknikal getah dan menambah kegunaan getah asli. Bagi kelapasawit pula, usaha-usaha penyelidikan PORIM mengenai teknik tisu didek dapat mengeluarkan 200,000 biji benih yang bermutu tinggi pada tahun 1986 dan bertambah kepada 1 juta biji benih pada tahun 1980. Di samping itu PORIM mengeluarkan 2.5 juta biji benih terpilih pada tahun 1986 yang boleh menanam kawasan seluas 15,626 hektar dan PORIM merancang untuk meningkatkannya sehingga 5 juta biji benih pada tahun 1987. PORIM juga menjalankan penyelidikan terhadap penggunaan baja, pengurangan penggunaan buruh, pengilangan dan pemprosesan, meningkatkan kegunaan akhir dan pemakanan serta vitamin E daripada kelapasawit di samping memberi khidmat nasihat teknikal dan tekno-ekonomi.

Bagi meningkatkan nilai tokok barangan utama Malaysia, Kerajaan telah, sedang dan akan berusaha mempercepatkan industri berasaskan sumber melalui Pelan Induk Perindustrian di mana industri berasaskan sumber adalah diberi tekanan.

Untuk mengwujudkan satu sistem penemuan harga bagi barangan utama, Kerajaan memperbaiki operasi perjalanan Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) di samping memperkenalkan kontrak-kontrak baru seperti kontrak bagi SMR 20 untuk diniagakan dalam KLCE.

Akhir sekali Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperkuat perhubungan perdagangan dengan negara-negara pembelian barangan utama Malaysia termasuk negara-negara sosialis yang merupakan pasaran besar dan makin bertambah bagi eksport barangan utama Malaysia. Kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan perdagangan dua hala dengan negara-negara yang menghadapi masalah pertukaran wang asing dan menggunakan dagangan timbal-balas bagi membantu menghadapi masalah ini.

Saya yakin dan berharap dengan usaha-usaha yang telah, sedang dan dijalankan masalah yang dihadapi oleh sektor barangan utama berikutan dari kesan ekonomi sekarang dapat dikurangkan dan membolehkan sektor ini lebih kukuh untuk menyumbangkan kepada kemajuan ekonomi dan sosial negara pada masa hadapan.

JENAYAH KOMERSIAL

18. Dr Chen Man Hin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada terdapat satu jabatan khas untuk mengendalikan jenayah-jenayah komersial dan jika ya nyatakan sama ada kakitangan-kakitangan yang sesuai telah diupah untuk mengendali jenayah-jenayah yang sofistikated dalam bidang sekuriti dan kewangan tinggi (high finance).

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia, terdapat satu Bahagian Jenayah

Perdagangan yang bertanggungjawab menyiasat jenayah-jenayah komersial. Bahagian ini berkebolehan dan berkemampuan menyiasat kes-kes komersial yang "sophisticated", dengan izin, dan yang melibatkan "high finance" dengan izin.

MARDEC—USAHASAMA DENGAN PELABUR ASING

19. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Perusahaan Utama menjelaskan benarkah MARDEC ada menjalankan usahasama dengan pelabur-pelabur asing dalam perusahaan pembuatan barang-barang daripada getah. Jika benar:

- (a) menyatakan apakah nama syarikat-syarikat itu dan apakah jenis barang-barang buatan yang

<i>Nama Syarikat</i>	<i>Jenis Barangan</i>	<i>Tempat/Negeri</i>
(i) Malaysian Carbon Sdn Bhd	Carbon black	Port Dickson, Negeri Sembilan
(ii) Ansel Malaysia Sdn Bhd	Sarong tangan dan barang-barang "moulded" seperti lapik kaki kereta (car mat)	Negeri Melaka
(iii) Heveafil Sdn Bhd	Tali getah (Rubber thread)	Selangor
(iv) MARCO Shoes Sdn Bhd	Kasut	Pandamaran, Port Kelang, Selangor
(v) Mardec Irving Moore Rubber Sdn Bhd	Tiup getah dan barang-barang "moulded"	Bayan Lepas, Pulau Pinang
(vi) Plaat Malaysia Sdn Bhd	Barang daripada getah untuk kegunaan di rumah, topi mandi, baju hujan dan sebagainya	Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, dalam tahun 1983 dan 1985 MARDEC telah diarah untuk menjual 3 daripada syarikat usahasamanya yang telah menunjukkan prestasi yang baik kepada Perbadanan Nasional Berhad. Syarikat-syarikat yang berkenaan ialah Malaysia Carbon Sdn Bhd, Ansell Malaysia Sdn Bhd dan Heveafil Sdn Bhd.

dikeluarkan oleh syarikat itu dan di mana letaknya kilang-kilang itu; dan

- (b) berapa peratuskah equiti yang dimiliki oleh MARDEC dalam tiap-tiap syarikat yang berkenaan dan bagaimana prestasi perjalanan syarikat yang tersebut.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Adalah benar bahawa MARDEC telah berjaya menarik pelabur-pelabur asing bagi menubuhkan syarikat-syarikat usahasama dalam usaha meningkatkan lagi tahap penggunaan getah asli dalam negeri. MARDEC telah terlibat dalam beberapa buah syarikat usahasama yang mengeluarkan barangan berasaskan getah seperti berikut:

- (b) Peratus equiti yang dimiliki oleh MARDEC dalam syarikat-syarikat usahasama yang masih dipegang oleh MARDEC adalah seperti berikut:

- (i) Marco Shoes Sdn Bhd—30%
- (ii) Plaat Malaysia Sdn Bhd—69%

- (iii) Mardec-Irving Moore Rubber (M) Sdn Bhd—
82%

Mengenai prestasi syarikat-syarikat MARDEC yang masih belum diambil alih oleh PNB adalah pada keseluruhannya tidak menunjukkan prestasi yang baik berikutan daripada keadaan kemelesetan ekonomi dunia. Plaat Malaysia Sdn Bhd di peringkat syarikat telah mendapat keuntungan dalam tahun 1982 hingga 1984 tetapi anak syarikatnya iaitu Plaat Rubber Sdn Bhd telah mengalami kerugian secara berterusan daripada tahun 1982 hingga tahun 1985 akibat daripada pengurangan jumlah jualan disebabkan oleh keadaan kemelesetan ekonomi dunia. Oleh yang demikian Plaat Malaysia Sdn Bhd diperingkat kumpulan telah menunjukkan kerugian. Namun demikian Plaat Malaysia Sdn Bhd telah berupaya mempelbagaikan jenis-jenis barang keluarannya dan oleh yang bagi tahun 1986 adalah dijangka ia akan beroleh keuntungan.

Pagi MARDEC Irving Moore pula syarikat ini setelah ditubuhkan, kemelesetan ekonomi dunia pun berlaku ada dengan itu syarikat tersebut telah menghadapi masalah memasarkan barang keluarannya terutamanya di pasaran utamanya di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun usaha-usaha sedang diambil untuk mengatasi masalah ini dan adalah dijangka bagi tahun akan datang MARDEC Irving Moore ini boleh mencapai keuntungan. Mengenai syarikat MARCO Shoes pula ia telah berjaya mendapat keuntungan dalam tahun 1981-1982 tetapi telah

mengalami kerugian dalam tahun 1983-1984 akibat daripada kejatuhan penjualannya disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia di mana permintaan terhadap barang keluarannya adalah terjejas. Walau bagaimanapun dalam tahun 1985 syarikat ini telah berjaya mencapai sedikit keuntungan.

HAK ISTIMEWA ORANG-ORANG MELAYU— MENGHAPUSKAN

20. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah reaksi dan tindakan Kerajaan dengan ura-ura segolongan rakyat berkepentingan dirinya sendiri untuk menghapuskan hak-hak Keistimewaan Orang-orang Melayu. Bagaimanakah hasil siasatan yang telah dijalankan dan tidakkah ianya bersalahan dengan Akta Hasutan Negara kita.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Apa pihak-pihak tertentu telah mengeksploitasi isu-isu sensitif untuk kepentingan politik yang mana boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Kerajaan sedang mengikuti setiap perkembangan dan tindak laku mereka yang tidak bertanggungjawab ini dari masa kesemasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, siasatan lanjut mengenai perkara ini masih diteruskan.

PILIHANRAYA KECIL BALUNG— KERTAS UNDI PALSU

21. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau telah menerima satu laporan polis yang dibuat oleh BERJAYA mengenai kertas undi palsu yang didapati dalam pilihanraya kecil

Balung baru-baru ini; jika ya, nyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan peristiwa seumpama itu tidak akan berlaku dalam pilihanraya-pilihanraya yang akan datang dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan politik wang tidak adakan berlaku dalam pilihanraya umum akan datang.

Dato' Mohamed Khalil bin Yakob: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah menerima laporan polis yang dibuat oleh Parti BERJAYA mengenai kertas undi palsu yang didapati dalam pilihanraya kecil kawasan Balung baru-baru ini.

Mengenai politik wang pula, kalau yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, perbuatan memancing undi dengan menggunakan wang, memang telah sedia ada peruntukan undang-undang di dalam Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya, 1954 dan sesiapa yang melakukan kesalahan tersebut boleh dihukum apabila mengetahui kegiatan serupa ini berlaku.

PERDAGANGAN/PERMODALAN MALAYSIA—CHINA

22. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kemajuan yang tercapai setakat ini dalam usaha menggalakkan perdagangan dan permodalan antara Malaysia dan China, empat bulan selepas lawatan Perdana Menteri yang bersejarah. Apakah perjanjian-perjanjian perdagangan yang baru yang telah ditandatangani setakat ini dan yang akan dipersetujui pada masa hadapan, apakah insentif-insentif baru yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan untuk merangsangkan lagi perdagangan Malaysia-China.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Jangka masa empat bulan selepas lawatan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri ke China adalah terlalu awal untuk melaporkan kemajuan, kerana rundingan-rundingan mengenai perdagangan dan pelaburan memakan masa sebelum sesuatu persetujuan atau kejayaan dapat dicapai. Bagaimanapun, perjanjian mengelakkan Cukai Dua Kali yang ditandatangani semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ke China dijangka akan membantu meningkatkan perhubungan perdagangan dan permodalan antara kedua-dua negara. Di samping itu, wakil-wakil dari sektor swasta yang menganggotai rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah berjaya menandatangani beberapa perjanjian perdagangan dan pelaburan dengan pihak China. Antaranya ialah pesanan pembelian serta-merta berjumlah M\$60 juta dan pesanan jangkaan yang dianggarkan berjumlah M\$146 juta. Di samping itu kedua-dua pihak juga telah berjaya menandatangani perjanjian usahasama yang dianggarkan bernilai M\$484 juta.

Kerajaan tidak bercadang untuk menyediakan insentif-insentif yang khusus dalam usaha meningkatkan perdagangan dengan Negeri China. Insentif-insentif umum yang sedia ada pada masa ini dikira sudah memadai untuk tujuan meningkatkan perdagangan antara Malaysia dan Negeri China.

PENDATANG HARAM INDONESIA

23. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pendatang haram Indonesia yang sedia ada di Malaysia;
- (b) jumlah pendatang-pendatang haram Indonesia yang diusir keluar tahun 1985;

- (c) jumlah jenayah serius (diberi kedua-dua bilangan dan peratus) yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Indonesia di Malaysia dalam tahun 1985;
- (d) apakah formula dan strategi Pasukan Petugas Tujuh mempunyai untuk menghadapi masalah pendatang-pendatang haram Indonesia di Malaysia.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian Dalam negeri tidak mempunyai angka pendatang haram Indonesia atau mana-mana warganegara asing yang berada di Malaysia oleh kerana mereka sentiasa

mengelakkan diri daripada dikesan oleh pihak berkuasa. Sebaliknya Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan tegas untuk mengesan, menangkap dan mengusir keluar mana-mana pendatang haram yang dikesan di negara ini tanpa mengira negara asal mereka.

Sepanjang tahun 1985 seramai 13,107 orang pendatang haram Indonesia telah diusir ke negara asal mereka.

Jumlah jenayah serius yang dilakukan oleh pendatang haram Indonesia di Malaysia dalam tahun 1985 adalah seperti berikut:

<i>Jenis Jenayah</i>	<i>Jumlah Kejadian</i>	<i>Jumlah yang Dilakukan oleh Pendatang Haram Indonesia</i>	<i>Peratus yang Dilakukan oleh Pendatang Haram Indonesia</i>
Bunuh	327	16	4.89%
Samun (Senjatapi)	1,005	26	2.59%
Pecah Rumah/Curi	25,505	376	1.4%

Sungguhpun pada dasarnya Kerajaan bersetuju untuk memperluaskan tanggungjawab Pasukan Petugas VII bagi mencegah kemasukan pendatang haram ke Malaysia, pihak Kementerian Dalam Negeri sedang mengenalpasti serta mengatur cara-cara dan langkah-langkah yang sesuai untuk dilaksanakan bagi benar-benar meningkatkan keberkesanan usaha mencegah kemasukan pendatang haram ke negara ini.

(Soalan No. 24. Sila lihat Jawapan No. 7 pada 14-3-86)

HARGA MINYAK MENTAH DI PASARAN

25. Tuan Mohd. Idris bin Mohd Basri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan

mengapakah harga minyak belum lagi diturun memandangkan harga minyak mentah di pasaran dunia telah jatuh dan adakah beliau sedar bahawa syarikat-syarikat minyak dalam negara ini membisu sahaja kerana mereka sedang menikmati keuntungan yang lumayan kerana harga minyak mentah telah turun.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya memohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Setapak bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Padang Serai pada 26hb Mac, 1986 dan juga soalan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Keluang pada 22hb April, 1986 memandangkan ketiga-tiga soalan yang dikemukakan adalah mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, harga runcit barang-barang petroleum iaitu petrol premium, petrol regular, diesel, minyak tanah dan LPG dalam pasaran dalam negeri adalah dikawal oleh Kerajaan. Kerajaan menetapkan harga-harga ini berdasarkan Mekanisma Harga Barang-barang Petroleum yang mengambilkira elemen-elemen berikut:

- (i) Kos barangan (product posting)
- (ii) Kadar pertukaran matawang Dollar US/Ringggit
- (iii) Kos operasi
- (iv) Kadar komisyen pengedar
- (v) Kadar duti

Mengikut formula ini harga runcit barang-barang petroleum dikaji setiap tiga bulan. Jika dalam bulan kajian yang berkenaan didapati harga runcit boleh diubah, maka harga runcit baru akan dikuatkuasakan mulai bulan yang berikutnya. Kali terakhir kajian dibuat mengikut formula ini ialah dalam bulan Januari, 1986. Ini bererti bahawa kajian harga yang akan datang ialah pada bulan April, 1986. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan di mana harga minyak mentah di pasaran dunia telah turun dengan begitu rendah, maka Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menurunkan harga barang-barang petroleum sewajarnya. Justeru itu harga-harga barang-barang petroleum telah diturunkan di seluruh negara, mulai 1hb Mac, 1986.

TANAMAN KEPADA SUBSIDI

26. **Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa benih koko, aspharagus, kopi dan teh yang diperuntukkan bagi Bahagian Kelima, (Limbang dan Lawas) bagi tahun 1985 melalui Jabatan Pertanian adalah tidak

mencukupi kerana ramai petani-petani di Sarawak, khususnya di Limbang dan Lawas ingin membangun tanah mereka dengan menanam koko, aspharagus, kopi dan teh. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian supaya benih yang cukup dibekalkan pada tahun 1986. Apakah jaminan yang diberi oleh Kementerian supaya mutu benih yang dibekalkan itu adalah benih yang baik dan yang akan memberi hasil yang banyak.

Tuan Luhut Wan: Jabatan Pertanian Sarawak ada mengeluarkan beberapa bahan tanaman untuk di sumbangkan kepada petani-petani yang menyertai rancangan subsidi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Apabila bahan tanaman ini tidak boleh diperolehi di kawasan setempat ataupun apabila pengeluaran jabatan tidak mencukupi, maka jabatan ini akan membelinya dari negeri lain bagi memenuhi permintaan mereka. Di bawah Rancangan Malaysia Ke 5, rancangan-rancangan telah dibuat bagi meningkatkan pengeluaran bahan-bahan tanaman ini oleh Jabatan Pertanian terutamanya benih-benih koko.

Bagi menentukan bahawa hanya bahan-bahan tanaman yang baik mutunya serta tinggi hasilnya sahaja dikeluarkan, maka Jabatan Pertanian sering mengimport dan menilai jenis-jenis yang dapat menahan serangan penyakit utama dan serangga dan dibuktikan dapat memberi hasil yang tinggi sahaja disyorkan untuk tanaman.

LAPANGAN TERBANG BARU SARAWAK—PROJEK PEMBANGUNAN

27. **Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Pengangkutan menyatakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima, berapakah jumlah peruntukan Negeri Sarawak, di antaranya berapakah pembahagian untuk sektor membina

lapangan terbang baru dan memperbaiki lapangan terbang dan di Negeri Sarawak ada berapakah lapangan terbang akan siap di bawah Rancangan Malaysia Kelima; sila jelaskan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML), Kementerian saya telah mengadakan rancangan bagi beberapa projek pembangunan di Malaysia termasuk projek-projek lapangan terbang di Negeri Sarawak dan Sabah. Di antara projek-projek lapangan terbang yang diberi keutamaan untuk dilaksanakan di Negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelima adalah seperti berikut:

- (i) Lapangan Terbang Baru Sibu.
- (ii) Lapangan Terbang Kuching — Pembangunan lanjutan.
- (iii) Lapangan Terbang Miri — Pembangunan lanjutan.
- (iv) Pembangunan Padang-padang Terbang Luar Bandar di Long Seridan, Long Semado dan Mukah.

Dari projek-projek tersebut, Lapangan Terbang Baru Sibu merupakan satu projek lapangan terbang baru yang dijadualkan untuk dibina dan disiapkan dalam RML. Bagaimanapun, pelaksanaan serta jadual siap projek ini adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Peruntukan Kewangan sebenar untuk setiap projek berkenaan adalah terkandung dalam buku RML yang akan dibentangkan di Dewan ini pada Mesyuarat Parlimen kali ini.

KOMUNIKASI PENTADBIR/ KERAJAAN DENGAN PENSYARAH UNIVERSITI

28. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan saluran perhubungan yang berkesan serta tentukan yang tersedia ada bagi komunikasi di antara pihak pentadbir (dan seterusnya pihak Kerajaan) dengan pensyarah-pensyarah serta mahasiswa/i, memandangkan Akta Universiti-universiti dan Kolej-kolej Universiti, 1975 adalah kurang berkesan dan memuaskan daya intelek para pensyarah serta mahasiswa/i, apakah di antaranya aspek-aspek yang sedang dikaji oleh pihak Kementerian. Mengapakah pihak Kerajaan telah membiarkan keadaan ketidakpuasan dan kongkongan ke atas pembangunan akhlak para pensyarah dan mahasiswa melarat sebegitu lama, walhal ketegangan sudah wujud sejak beberapa tahun yang lepas.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Komunikasi di antara pihak pentadbir, juga pihak Kerajaan dengan pensyarah-pensyarah serta mahasiswa-mahasiswi adalah berjalan dengan baik. Pihak pentadbir dan Kerajaan sendiri selalu mengadakan perbincangan dan cuba menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pensyarah dan mahasiswa.

Akta Universiti dan kolej universiti 1975 tidak bertujuan untuk menekan dan mengongkong mana-mana pihak. Sebaliknya Akta tersebut telah dapat mewujudkan suasana tenteram dan menggalakkan bagi perkembangan pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan intelek sesuai dengan keperluan negara.

**PUSAT PENGENDALIAN
BARANGAN UDARA DI
LAPANGAN TERBANG
SULTAN ISMAIL
JOHOR BAHRU**

29. Tuan Bahari bin Harun minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail, Johor Bahru sebagai pusat pengendalian barangan utama (air cargo centre) seperti yang diura-urakan beberapa tahun dahulu;
- (b) berapa ramaiakah penumpang-penumpang yang menggunakan lapangan terbang bagi tahun 1982, 1983, 1984 dan 1985.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:

- (a) Memang menjadi hasrat Kerajaan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail, Johor Bahru sebagai pusat pengendalian barangan udara. Untuk tujuan ini, beberapa tindakan telah pun diambil oleh Kerajaan termasuk mengadakan kemudahan-kemudahan serta perbincangan-perbincangan dengan beberapa pihak tertentu seperti syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa. Bagaimanapun, sambutan yang diterima daripada syarikat-syarikat penerbangan adalah kurang menggalakkan. Namun demikian, adalah didapati bahawa jumlah kargo yang dikendalikan oleh Lapangan Terbang Sultan Ismail telah meningkat dari 1.1 juta kilogram pada tahun 1982 kepada 1.6 juta kilogram pada tahun 1985. Kementerian saya akan terus mengambil tindakan yang didapati sesuai untuk

meningkatkan lagi penggunaan Lapangan Terbang Sultan Ismail dari segi pengangkutan barangan udara.

- (b) Bilangan penumpang-penumpang yang menggunakan Lapangan Terbang Sultan Ismail pada tahun 1982 ialah seramai 192,664 orang; pada tahun 1983; 207,159 orang; pada tahun 1984; 221,718 orang dan pada tahun 1985, 237,616 orang. Kadar purata tahunan untuk pertumbuhan trafik penumpang bagi tempoh dari tahun 1982 kepada tahun 1985 ialah 7.2%.

CARUMAN KWSP

30. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan timbangkan menurunkan caruman EPF oleh majikan sebagai salah satu cara mengatasi akibat resesi ekonomi ke atas perindustrian-perindustrian dalam negara kita.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Pada masa ini kadar minima caruman kepada KWSP yang ditetapkan ialah 11% (daripada gaji pekerja) bagi majikan dan 9% bagi pekerja. Oleh kerana kadar-kadar yang ditetapkan itu adalah berpatutan, Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkannya. Bagaimanapun, jika keadaan memerlukannya, Kerajaan bersedia mengkaji semula kadar-kadar tersebut.

**USUL MENANGGUHKAN
MESYUARAT DI
BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18**

**KEGELISAHAN RAKYAT DI
SABAH**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sementara Ahli Yang Berhormat akan

bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), saya ingin menyatakan bahawa Peraturan Mesyuarat 18 (1) juga memberi kuasa kepada saya menyunting teks usul yang Ahli Yang Berhormat akan bacakan. Setelah meneliti usul yang Ahli Yang Berhormat kemukakan kepada saya, saya berpendapat bahawa sebab nombor 8 di mukasurat 3 adalah dengan sendirinya merupakan satu usul tersendiri ataupun substantive motion, maka saya memutuskan supaya Ahli Yang Berhormat membaca sehingga sebab yang Nombor 7 sahaja. Sila, Ahli Yang Berhormat.

3.37 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk meminta izin untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat bagi tujuan merunding satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dalam persidangan Dewan pada hari ini berhubung dengan meningkatnya ketakutan, kegelisahan dan kekerasan yang terancang di Sabah sejak seminggu ini. Sebenarnya perkara ini sekarang lebih mendesak, lebih patut disegerakan apabila dibanding dengan masa saya kemukakan notis oleh kerana sekarang sedang berlaku satu kerusuhan di Kota Kinabalu, dua orang ditembak mati, kebakaran kenderaan, kebakaran godown, riots berlaku di Kota Kinabalu sekarang iaitu sejak jam 9.30 pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, usul saya berbunyi:

“Bahawa Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, untuk mohon menangguhkan Majlis Mesyuarat bagi tujuan merunding satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan di bawah

Peraturan Mesyuarat 18 (1) yakni meningkatnya ketakutan, kegelisahan, rasa tidak selamat dan kekerasan yang terancang yang berlaku sejak seminggu ini di Sabah;

Bahawa perkara ini adalah satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan berdasarkan sebab-sebab berikut:

- (1) satu pola yang jelas telah timbul akan pengenggaran undang-undang dan ketenteraman awam secara sistematik yang dijalankan oleh kumpulan-kumpulan dan pemimpin-pemimpin yang boleh dicam dengan jelasnya untuk menjalankan satu kempen agitasi dan peningkatan ketakutan, rasa tidak selamat, kegelisahan dan kekerasan yang terancang di Sabah yang bertujuan mewujudkan keadaan yang akan memberi sebab serta mempelawa campurtangan Pusat dengan cara pengambilan alih Kerajaan Negeri dan penganan pemerintahan darurat;
- (2) kempen yang terancang ini telah berjaya sejak seminggu ini menerusi demonstrasi, letupan bom, pembakaran dan sekarang kerusuhan yang dilakukan untuk mencedera dan membunuh rakyat Malaysia dan kematian yang terbaru sekali ialah kematian seorang penjual suratkhbar, Chong Tong Sing di Sandakan semalam dan hari ini dua orang lagi serta pemusnahan hartabenda awam dan persendirian yang menyebabkan sekolah-sekolah, kedai-kedai dan

pejabat-pejabat di Kota Kinabalu, Sandakan dan lain-lain tempat terpaksa ditutup;

- (3) bahawa pelarian-pelarian Filipino di Sabah yang dianggarkan dalam lingkungan 300,000 telah diperalatkan oleh "desperado-desperado" politik untuk melakukan insiden-insiden dan kekerasan yang menimbulkan implikasi-implikasi jangka panjang yang berat mengenai hak orang-orang asing iaitu pelarian-pelarian Filipino untuk mencampurtangan dalam hal ehwal politik domestik Malaysia;
- (4) bahawa kempen terancang ini untuk meningkatkan ketakutan, rasa tidak selamat, kegelisahan dan kekerasan disusuli pula dengan satu percubaan untuk mencetuskan konflik perkauman dan ugama yang jika tidak dicegah akan menukar Malaysia menjadi seperti Lubnan atau Sri Lanka yang dilanda dengan persengketaan ugama.
- (5) Bahawa pengingkaran secara terbuka dan sistematik undang-undang dan ketenteraman awam sejak seminggu ini telah melemahkan keyakinan orang ramai terhadap pihak berkuasa, termasuk pihak Polis untuk mempertahankan undang-undang kerana adalah jelas bahawa kempen terancang ini untuk meningkatkan ketakutan, rasa tidak selamat, kegelisahan dan kekerasan di Sabah tidak akan sampai ke tahap ini sekiranya pihak

berkuasa telah sejak mula-mula lagi mengambil tindakan yang tegas untuk menghentikan kegiatan-kegiatan seumpama itu;

- (6) Bahawa Kerajaan Malaysia tidaklah dilihat sebagai merestui kempen terancang ini yang bertujuan memeras-ugut sistem demokrasi dengan mengsabotajkan penganjuran pilihanraya umum negeri Sabah, dan bahawa Kerajaan dan Parlimen hendaklah menunjukkan rasa keperihatinannya tentang kehilangan nyawa, pemusnahan kepada harta benda dan pengingkaran dan pencabaran secara terbuka undang-undang dan ketenteraman awam yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan yang boleh dikenali dengan mudahnya di Sabah;
- (7) Parlimen hendaklah mengadakan satu perbahasan tergepar mengenai keadaan di Sabah untuk memperlihatkan keseriusannya dan rasa pandang beratnya dengan mana ia memandang perkembangan-perkembangan di Sabah seminggu ini dan ini tidak boleh dibuat semasa perbahasan am ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan di-Raja, sungguhpun Ahli-ahli Parlimen boleh menyentuh keadaan di Sabah.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Yang Berhormat Ahli dari

Kota Melaka pagi ini. Teks usul itu adalah seperti yang telah dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu:

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) perkara itu bagi kepentingan orang ramai;
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti dan menyemak perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya dapati bahawa:

- (a) dari segi tertentu, bolehlah saya terima ia sebagai perkara tertentu;
- (b) dari segi kepentingan orang ramai, saya menerima ia sebagai mempunyai kepentingan orang ramai;
- (c) walau bagaimanapun, saya berpendapat perkara ini tidak perlu disegerakan sehingga menangguhkan persidangan hari ini, kerana segala tindakan telah pun diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah yang terkandung dalam Usul Ahli Yang Berhormat itu.

Selain daripada itu, ternyata bahawa perkara yang sama telah pun dibangkitkan dalam membahar Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan saya yakin bahawa pihak Kerajaan akan menjawab dan membuat statement tertentu berkenaan dengan perkembangan di

negeri Sabah dalam jawapan Kerajaan kelak. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini (*Tepuk*).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT TEKNOLOGI MARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pelajaran; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalim daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia

TuanKu pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam." (18hb Mac, 1986)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan saya telah dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan akan mula menjawab pada pukul 6.00 petang, maka saya menarik balik keputusan menghadkan masa, dan memandangkan didapati ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, maka saya membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat berucap sepanjang mana yang suka, tetapi ingat-ingatlah pada orang lain yang hendak berucap juga. Dengan itu, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai menyambung ucapannya.

3.45 ptg.

Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan semalam yang saya sentuh tentang pengkhianat negara hendaklah dibawa ke mahkamah dijatuhkan hukuman dengan berat dan tuntutan balik wang \$2.5 billion itu. Cuma dengan inilah rakyat baru puas hati, pemimpin-pemimpin negara dan Kerajaan barulah tidak dimarah-marah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap sedikit berkenaan masalah pengangguran. Sebenarnya, masalah pengangguran yang dihadapi sekarang adalah yang paling serius sejak negara kita mencapai kemerdekaan. Keadaan ini disebabkan oleh kejatuhan harga bahan-bahan mentah, kegagalan sebilangan industri dan kemelesetan ekonomi negara.

Saya rasa gembira kerana Kerajaan telah berusaha hendak mengatasi masalah pengangguran. Yang paling ketara ialah merancang hendak membina 80,000 unit rumah kos rendah di antara tahun 1986 dan 1988. Langkah ini tetap memberi peluang

kerja kepada penganggur-penganggur, walau bagaimanapun saya berpendapat bahawa langkah ini tidaklah mencukupi.

Kerajaan kita pernah menandatangani perjanjian Buruh dengan Kerajaan Indonesia, saya fikir masanya sudah sampai dan sesuai untuk Kerajaan menamatkan perjanjian tersebut dengan serta-merta agar peluang-peluang pekerjaan diberi kepada penganggur-penganggur tempatan, di samping itu kemasukkan pendatang-pendatang haram harus dikawal ketat.

Saya rasa bangga dan mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Buruh, beliau bukan sahaja berusaha menyelesaikan masalah pengangguran, malah telah pun mengambil langkah-langkah yang wajar terhadap majikan-majikan yang mengupah pendatang-pendatang haram bekerja.

Saya juga difahamkan bahawa di Seremban dan Kuala Lumpur, pendatang-pendatang haram telah bersaing dengan penjaja-penjaja tempatan, tindakan yang cepat dan tegas harus diambil oleh pihak-pihak berkuasa mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu langkah lagi untuk mengatasi masalah pengangguran ialah dengan membuka lebih banyak tanah supaya penganggur-penganggur boleh bertani.

Negara kita masih mempunyai banyak tanah yang belum dibuka, tambahan pula Dasar Ekonomi Baru juga menggalakkan rakyat lebih bergiat dalam bidang pertanian. Sekiranya Kerajaan menggalakkan rakyat menceburi bidang pertanian tanpa memberi sebarang tanah, tujuan dan matlamat tidak akan tercapai. Sekiranya Kerajaan tidak ingin membahagikan tanah kepada petani-petani secara langsung, Kerajaan boleh

sewa ataupun mengeluarkan lesen tumpangan sementara. Langkah ini sekurang-kurangnya lebih baik daripada membiarkan tanah-tanah itu lapang sahaja.

Rancangan Buku Hijau yang suatu ketika dahulu telah gagal, hasil pertanian Malaysia tidak setanding dengan negara-negara jiran. Ini adalah akibat sikap Kerajaan yang terlalu kedekut dalam membuka serta membahagi tanah-tanah kepada rakyat yang benar-benar dahagakan tanah untuk bercucuk tanam.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan biasanya dikaitkan dengan petani-petani luar bandar. Pekebun-pekebun sayur di Kampung-kampung Baru, penjaja-penjaja dalam bandar, pekerja-pekerja ladang dan lain-lain lagi. Golongan inilah yang sentiasa menghadapi masalah perumahan, tanah serta kemudahan asas. Bagaimanapun yang mengembirakan ialah Kerajaan tidak lupa akan keadaan hidup rakyat yang miskin. Walaupun ekonomi negara kita sedang menghadapi berbagai kesulitan, Kerajaan tetap berusaha untuk menjaga kehidupan, kebajikan serta kesihatan penduduk-penduduk luar bandar dengan membekal air paip, elektrik, jalan-jalan dan sebagainya. Dengan ini taraf kehidupan rakyat luar bandar dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengalaman lepas apabila harga petrol naik boleh kata hampir semua harga barang naik. Akan tetapi apabila harga petrol turun, harga barang yang dahulunya naik itu tidak turun. Maklumlah usahawan kita, peniaga kita, pekedai kita cuma pandai naik, tidak tahu turun. Sikap usahawan dan peniaga ini harus diperbetulkan. Sekiranya mereka tidak tahu menurun Kerajaan berhak mengajar mereka. Kini harga minyak mentah telah turun dengan rendah. Harga petrol di

pasaran tanahair juga ikut turun. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah mengumumkan bayaran elektrik industri, hotel dan lombong dikurangkan antara 10% hingga 20%. Langkah ini harus dipuji dan disambut baik oleh bidang yang berkenaan. Akan tetapi setelah ditinjau balik, alangkah tidak adil bagi pengguna-pengguna rumah dan kedai maka haraplah Menteri yang berkenaan dapat kaji semula kekurangan bayaran elektrik dan hendaklah ianya meliputi semua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa pada masa negara kita menghadapi berbagai cabaran, kepentingan negara mestilah diutamakan daripada kepentingan-kepentingan yang lain. Hanya dengan demikian, barulah kemajuan, kemakmuran dan keamanan negara dapat terjamin.

Akhirnya, saya dengan sukacitanya menyokong Usul Terima Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Padang.

3.53 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk menyokong Usul mengucapkan syukur dan Menjujung Kasih atas Titah Ucapan Baginda tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa pada masa ini negara kita sedang menghadapi kemelesetan ekonomi. Pada masa ini juga banyak masalah telah timbul. Masalah skandal BMF, masalah Memali, CUEPACS dengan tuntutan gaji, masalah Sabah, masalah

Presiden MCA di Singapura dan perletakan jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Di dunia ini tidak ada masalah yang tidak dapat diselesaikan. Mengenai masalah BMF dan Memali pula Kertas Putih telah dikeluarkan. Begitu juga masalah CUEPACS, Sabah, Presiden MCA dan perletakan jawatan Timbalan Perdana Menteri dalam proses penyelesaian.

Tetapi kita menghadapi kemelesetan ekonomi negara yang amat penting bagi menentukan rakyat jelata tidak menanggung beban kemelesetan ini. Dahulu kita telah menghadapi masalah dadah yang begitu meningkat dari satu masa ke satu masa. Bagi pihak Kerajaan dan rakyat bersama-sama memerangnya dengan cara melancarkan kempen iaitu kempen anti dadah di seluruh negara. Tindakan ini telah reda.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita sedang dan akan menghadapi kemelesetan ekonomi ini, saya cadangkan supaya Kerajaan mengadakan satu kempen untuk menyelesaikan masalah kemelesetan negara. Sesungguhnya saya tahu, pihak Kabinet mengadakan satu Jawatankuasa untuk mencari jalan menyelesaikan masalah kemelesetan ekonomi negara ini. Namun demikian saya merasakan bahawa ini tidak mencukupi.

Kita mestilah menyedari rakyat keseluruhannya walaupun kaya atau miskin, tinggal di bandar atau luar bandar, yang berpangkat tinggi atau rendah, hakikatnya bahawa kemelesetan ekonomi ini adalah satu musuh negara yang amat besar pada masa ini.

Saya percaya kita ada lidah rasmi Kerajaan iaitu mass-media Kerajaan kita iaitu TV dan radio terus menerus diterangkan kepada rakyat jelata.

Kemudian kita ada pembangunan tanah negara kita ini, tanahnya sangat subur.

Sebagai yang disarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di sektor pertanian, pihak Kementerian Pertanian bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi menembelinkan usaha mengelakkan dari mengimport daging lembu, ikan, jagung, beras dan lain-lain barangan makanan dari luar negeri. Kita gandakan pemeliharaan lembu, kerbau, bagi mendapatkan hasil dagingnya, kolam-kolam bekas lombong pun banyak. Kita galakkan membuat kolam-kolam di belakang rumah di kampung-kampung bagi memelihara ikan. Tanah terbiar diusahakan dengan bercucuk tanam. Sebagaimana yang kita maklum tanah terbiar iaitu tanah-tanah yang dilanda oleh bekas-bekas lombong ini dibajak dan diproses bagi menanam jagung atau pisang, apa juga jenis sayur-sayuran dan lain-lain barang makanan digandakan bagi negara kita ini sehingga berlambak-lambak menjadi barangan kita ini murah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak payah kita import lagi barang-barang makanan seperti buah-buahan, yang buah-buahan kita yang diimport dari negara luar membelanjakan \$45.5 juta setahun. Mass-media kita janganlah hendak menunjukkan "makanlah buah-buahan tempatan, belilah barangan Malaysia", bukan itu maksudnya. Yang dimaksudkan biarlah digalakkan tiap-tiap hari. Ini sebulan baru jumpa iklan itu. Kadang-kadang dua bulan baru jumpa. Lepas itu lebur, diam. Ini tidak betul. Yang betulnya dibuka, ditunjukkan misalnya buah-buahan Malaysia ini seperti betik, pisang dan lain-lain buah-buahan yang tidak ada musim seperti jambu batu, ciku dan sebagainya. Terangkan apakah zat yang ada di dalam buah-buahan tempatan yang ada

di dalam negara kita ini, dibezakan. Ditunjukkan cara-cara resipi untuk membuat air, dijual alat-alat untuk mengambil air dengan cara ditekan, kalau orang-orang tidak mampu untuk membeli mesin.

Inilah banyak zatnya sebiji jambu batu misalnya bersamaan enam biji apple, Tuan Yang di-Pertua. Barulah kesedaran kepada rakyat bahawa buah-buahan di negara ini lebih manfaat dan lazat serta banyak zatnya. Ini ditunjuk: Makanlah buah-buahan tempatan, selepas itu ditarik balik. Bulan depan jumpa sekali lagi. Ini tidak bermakna. Pendek kata semua mengambil peranan penting di dalam semua Kementerian dan Jabatan mengambil peranan penting untuk menerangkan bahawa buah-buahan tanaman Malaysia ini banyak manfaat dan zatnya. Pihak kesihatan boleh menerangkan. Ini buah luar negeri, injek, taruh kimia dan sebagainya. Tanaman kita tidak. Jadi, tentulah orang suka makan dan minum air buah-buahan kita.

Di samping itu, kita hendaklah juga pergi berkempen supaya janganlah digunakan kimia-kimia ini. Ini adalah satu lagi perkara yang tidak patut dibuat oleh penanam-penanam pokok dan buah-buahan ini. Contohnya buah limau semasa Hari Besar Cina. Ada pokok limaunya. Bila ditaruh kimia, berbulu buahnya. Ini sudah masuk kimia di dalamnya. Dengan ini hasrat kita untuk membanyakkan rakyat negara kita ini mungkin tak tercapai. Umur tak cukup, belum tua sudah mati. Ini satu perkara lagi hendak diterangkan supaya rakyat kita ini sihat, makan buah-buahan tempatan iaitu buah-buahan negara kita ini sihat, makan buah-buahan tempatan iaitu buah-buahan negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mass-media kita ini eloklah bukan sahaja di TV, radio dan suratkhbar begitu juga Jabatan-jabatan Penerangan. Kali ini

kita berkempen habis-habisan untuk memakmurkan kemelesetan negara kita yang ada pada hari ini supaya pada masa yang akan datang negara kita tidak akan mengalami kemelesetan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengimportkan barang-barang ini lagi tentulah membazir kewangan kita dan menyelamatkan pertukaran wang luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya hendak bercakap di atas Kementerian Pengangkutan mengenai keselisaan kakitangan di Jabatan Pengangkutan Jalan. Saya telah dibawa melawat ke Jabatan ini di Jalan Duta. Rumahnya terdiri daripada rumah kayu dan sudah condong tiangnya. Ini haraplah mendapat perhatian. Kalau Persidangan PATA ini dibawa ke sana, mula kita. Bangunan kayu, orang bersesak-sesak. Kita tahu hasil pendapatan negara kita ini, nombor tiga dapatnya daripada hasil kutipan lesen-lesen mereka yang memandu kereta dan kenderaan. Tetapi perkara ini tidak dijaga dan dikawal.

Saya dapat menyaksikan sebagaimana yang saya katakan tadi di Jalan Duta. Di Kota Bahru sebuah bangunan yang kecil di pinggir padang. Saya dengar ceritanya di Bentong, Pahang pun dahulunya dibuat pasar (market), sekarang ini dijadikan bangunan JPJ. Di Tapah iaitu di kawasan saya daripada rumah kakitangan Kerajaan, sekarang dibuat Pejabat JPJ ini. Jadi, kalau beginilah keadaannya tempat yang banyak masuk hasil wang ditinggalkan, tempat-tempat lain untuk hendak ditayangkan, dicantik-cantikkan, tentulah tak seimbang dan selari dengan keadaan pentadbiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengenai papan letak tanda. Selalunya undang-undang ini kita buat, banyak

sangat undang-undang, masalahnya tidak dilaksanakan. Misalnya papan letak tanda. Katalah tanda: Jangan Buang Sampah. Pegawai Penguatkuasanya tak lalu di situ, sampah bertaburan. Jangan Lari Laju.

Yang lari laju ini, Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini saya ternampaklah lampu di atas lori, lampu di atas bas ekspres yang dikatakan tanda had laju. Mengelebang lajunya lori-lori ini. Bercahaya sepanjang masa. Siapa pun tak menangkapnya. Mengapa demikian? Tak usahlah kaitkan Persidangan PATA, orang-orang itu menyaksikan ini satu undang-undang. Lampu di hadapan lori itu dikenakan undang-undang tetapi lori itu berjalan dengan laju. Usah itu, kita sendiri hairan tengok, berkelip-kelip lampu. Kalau malam di mana Polis, di mana Penguatkuasa JPJ yang disediakan, entah di mana halanya. Inilah yang kita musykilkan. Undang-undang ada tetapi tak dilaksanakan. Bagaimana orang hendak menghormatinya. Yang seksa kereta kecil, orang berbasikal, orang berjalan kaki, bila orang tengok bas ekspres, ke tepi. Tengok lori, ke tepi.

Zaman dahulu iaitu zaman British memerintah negara kita, bila tentera British lalu semua orang ke tepi. Bukan takut kerana hendak menghormati tentera itu, tetapi takut dilanggarnya, takut mati katak pula kita. Tetapi sekarang takut dilanggar. Undang-undang yang ada diletakkan penguatkuasa itu tidak dijalankan had lajunya. Ini yang musykil.

Keadaan negara kita ini yang saya banyak musykilkan dan hendak saya ceritakan kepada Tuan Yang di-Pertua ialah Polis Trafik menahan kelajuan di tepi jalan. Sebulan kadang-kadang ada, tiga bulan tak ada. Sudah berapa tahun tak pernah ditangkap. Kali ini kena tangkap seseorang itu. Beginilah keadaannya. Kalau kita hendak jaga biarlah sepanjang masa, biar tertib

sahaja kereta-kereta di atas jalan raya. Ini tidak. Tidak sedar. Awak kena, awak laju, katanya. Semalam laju juga, bulan sudah laju juga, tahun dahulu laju juga. Mengapa tahun ini kena, di dalam hati dia kata. Kalau begini tentulah tak selaras, hendaklah dijaga dan dikawal betul-betul, jadi barulah tahu di jalan raya ini kita selamat dan jalan raya ini dihormati, tak payah dipampang: Hormatilah jalan raya supaya tuan-tuan selamat. Tak payah ditulis. Inilah yang kita kesali.

Selepas itu kita tanya pula pihak JPJ, berapa banyakkah Pegawai Penguatkuasa yang ada di negara ini. 190 orang ada di seluruh negara ini. Manalah hendak mengawal. Jalan-jalan kita ini banyak, daripada utara hingga ke selatan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, banyak pula di antara syarikat-syarikat yang terlibat tidak mahu bekerjasama dengan pihak-pihak tertentu iaitu pihak Polis dan JPJ tetapi sanggup pula bagi kepentingan mereka sahaja.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Keluang.

4.09 ptg.

Tuan Quah Wee Liam (Keluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini pada 10hb Mac, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, sedang kita berhimpun di dalam Dewan yang mulia pada hari ini negara kita masih terus menghadapi berbagai isu yang rumit.

Masalah-masalah di samping itu bertambah teruk akibat daripada kelembapan pertumbuhan ekonomi

kita berikutan daripada kemelesetan ekonomi dunia. Sebagai salah sebuah negara pengeluar bahan-bahan utama di dunia, kejatuhan harga bahan-bahan utama itu telah menjejaskan ekonomi kita. Akibat daripada itu hasil pendapatan dari bahan-bahan mentah seperti petroleum, getah, minyak kelapa sawit dan ketidakpastian harga timah telah berkurangan sejak kita bersidang di sini pada Mesyuarat yang lalu. Masalah-masalah ini telah merumitkan kehidupan rakyat jelata kita, kejatuhan teruk harga bahan-bahan mentah ini mempunyai kesan yang berlipat-ganda kepada hasil pendapatan rakyat kita.

Keadaan ekonomi yang buruk ini telah memaksa berbagai bidang industri membuang ramai pekerja-pekerjanya. Kemelesetan ekonomi dan proses pertumbuhan semula yang lambat itu telah menjejaskan setiap bidang ekonomi Malaysia. Namun demikian apakah tindakan-tindakan yang kita ambil untuk mengatasi masalah ini. Nampaknya kita seolah-olah telah terperangkap dengan sikap keabaiannya. Kita tidak berapa pasti sama ada ramalan kita ke atas ekonomi negara adalah tepat sebagaimana yang mungkin terjadi. Pada pertumbuhan ekonomi yang cemerlang pada tahun-tahun yang lepas telah berlalu. Tidak pernah dalam sejarah negara ini kita mengalami masalah yang serumit seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan ingin menggambarkan keadaan yang membimbangkan di sini, ini adalah satu keadaan yang hakikat yang patut kita terima. Kita tidak boleh selalu bergantung semata-mata kepada pemulihan semula ekonomi dengan kadar yang cepat. Kita juga tidak boleh setakat menunggu dan tidak melakukan apa-apa tindakan. Kita selalu terdengar akan rancangan-rancangan dan program-program raksasa yang dirumuskan oleh Kerajaan di tahun-tahun kebelakangan

ini. Dalam pada itu kita telah menggubal berbagai-bagai dasar dan berusaha untuk memastikan proses pembangunan negara yang sempurna dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita dapat berbuat sedemikian, saya percaya kita akan dapat menjangkakan semua masalah-masalah yang kita hadapi pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa terdapatnya banyak kelemahan asas dalam rancangan-rancangan kita. Jika tidak, kenapa kita gagal dalam ramalan kita terhadap apa yang kita akan alami pada hari ini. Sehubungan dengan itu saya percaya bahawa Kerajaan kita bertanggungjawab untuk meneliti dan mengkaji semula konsep asas dalam perancangan dan pelaksanaan program-program ekonomi itu. Kita patutlah bertanya kepada diri kita sama ada andaian-andaian asas kita adalah tepat atau tidak. Jika tidak kenapa. Sekiranya andaian-andaian asas kita mempunyai banyak kecacatan maka sebarang strategi yang dirumuskan kemudian juga pasti mempunyai banyak kelemahan.

Tuan Yang di-Pertua, buat ketika ini manusia telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang teknologi khususnya Sains Komputer. Dalam masa ini jugalah mustahak bagi kita mengumpul dan menyelaras segala informasi dan maklumat. Kita masih berupaya mengumpul informasi dan maklumat yang tepat mengenai proses pembangunan ekonomi dan aliran ekonomi dunia supaya kita dapat membuat ramalan yang tepat. Dengan ini dapatlah membantu negara kita membuat persediaan terlebih dahulu ketika menghadapi kemelesetan ekonomi serta mencari alternatif-alternatif lain supaya dapat mengurangkan masalah yang membebankan rakyat jelata kita. Kerajaan kita telah membelanjakan

berjuta-juta ringgit dalam proses pemodenan melalui komputerisasi dan memperolehi teknologi komputer. Adalah tidak menjadi keberatan untuk mendapatkan maklumat dan informasi lebih tepat dan sempurna demi melakukan ramalan yang lebih tepat. Ramalan terhadap kadar pertumbuhan dalam Belanjawan yang dibentangkan pada Oktober 1985 kini dijangka jatuh ke paras kekurangan daripada 50% dalam masa sesingkat, lima bulan sahaja, dan sama ada kejatuhan dalam kadar pertumbuhan akan berlaku pada masa-masa akan datang masih belum diketahui.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi negara kita sering menghadapi berbagai masalah semenjak mencapai kemerdekaan, akan tetapi kita mesti berazam untuk mengatasi masalah-masalah itu. Kita mesti bersikap berani dalam mencari penjelasan demi kepentingan rakyat. Dengan ini dapatlah kita mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang adil, liberal dan demokratik di mana aspirasi rakyat kita dapat dipenuhi. Peningkatan dalam aliran polarisasi kaum merupakan satu masalah yang membimbangkan masyarakat Malaysia. Apa yang sebenarnya yang salah, sungguhpun negara kita telah mencapai kemerdekaan sejak 29 tahun yang lepas. Ternyata kita patut mengkaji landasan-landasan yang ada dalam proses pembangunan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Cina telah membentangkan satu deklarasi bersama baru-baru ini di mana landasan-landasan untuk proses pembangunan nasional telah ditentukan, kita semua hidup dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum, berbilang budaya dan berbilang agama. Ini adalah satu hakikat. Saya percaya bahawa kita akan mendapat kekuatan daripada kepelbagaian itu. Kita mesti memeriksa landasan-landasan yang ada dalam proses pembangunan nasional itu menerusi

sebuah Majlis Perundingan Negara yang dianggotai oleh wakil-wakil dari semua lapisan masyarakat supaya dapat kita menyelesaikan sebarang perbezaan utama di samping mencapai satu persetujuan mengenai proses pembangunan negara. Sekiranya kita dapat berbuat demikian, saya yakin bahawa hasrat polarisasi kaum dapat diatasi. Forum nasional yang bebas dari sentimen kaum dan motif politik pasti berupaya mencari penyelesaian kepada perbezaan-perbezaan utama yang wujud dalam bidang sosial, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan politik.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran Kerajaan di peringkat negeri tidak patut dihadkan kepada segolongan yang tertentu sahaja. Masalah-masalah yang dihadapi oleh negara terutamanya masalah-masalah yang membabitkan kepentingan sah dan aspirasi komuniti yang berlainan itu mesti diuruskan dengan secara melalui satu forum yang bebas daripada sentimen kaum. Masanya sudah tiba di mana kita mesti menyelesaikan sekurang-kurangnya beberapa isu-isu utama yang masih menjadi keraguan dan kecurigaan di kalangan komuniti-komuniti negara ini. Keraguan ini mesti dihapuskan dengan secepat mungkin supaya tidak berakar umbi serta menghalang proses perpaduan di kalangan rakyat jelata kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya masyarakat Cina pasti berasa senang hati dalam membantu Kerajaan mengidentifikasikan bidang-bidang yang cenderung menimbulkan perasaan tidak puas hati. Tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh menghapuskan ketidakpuasan hati itu. Masyarakat Cina hanya meminta supaya masalah-masalah yang dihadapi mereka diselesaikan dengan cara adil. Di antara isu-isu utama yang menyelubungi masyarakat Cina termasuk Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1961. Masyarakat Cina

minta supaya seksyen ini dibatalkan sekiranya Kerajaan tidak bertujuan menukarkan sekolah-sekolah rendah Cina kepada sekolah-sekolah kebangsaan. Di sini saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri yang telah bersetuju untuk menimbangkan perkara ini dalam satu perjumpaan dengan kaum Cina di Perak.

Begitu juga dengan syarat kemasukan ke universiti-universiti tempatan di mana diharapkan supaya dijadikan lebih adil, isu tarian singa, papantanda perniagaan, kelonggaran Dasar Ekonomi Baru serta membasmikan konsep membezakan bumiputera dengan bukan bumiputera dan seterusnya, melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan secara adil tanpa sebarang penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, perasaan tidak puas hati dan kebimbangan ini perlu dihapuskan sebelum ia menimbulkan kekecewaan di kalangan mereka; sekadar memberi jaminan adalah tidak mencukupi kalau tidak diikuti dengan mengambil tindakan positif. Kita kini menghadapi masalah polarisasi kaum dan pelampau agama. Langkah-langkah yang efektif juga mesti diambil untuk mengesan kesilapan yang telah menyumbang kepada masalah-masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sejak saya dipilih sebagai Ahli Parlimen pada tahun 1982, saya tidak pernah berasa keciwa seperti apa yang saya rasakan pada hari ini. Kita mesti melakukan sesuatu. Kita mesti bertindak dengan pantas. Biarlah kita bersatu padu untuk manyahut cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara kita. Jika kita dapat berbuat sedemikian, maka saya yakin kita pasti berupaya menghidupkan semula kepercayaan rakyat jelata terhadap kita di samping menjamin kestabilan negara. Biarlah kita bertindak sekarang dan jangan membuang masa lagi.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Usul Terima Kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.15 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah s.a.w. kerana dengan limpah dan keizininannya maka saya berpeluang mengambil bahagian dalam perbincangan di Dewan yang mulia ini bagi membahas dan menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas limpah berkenannya menyampaikan Titah Ucapannya semasa merasmikan Persidangan Parlimen pada 10hb Mac yang lalu, yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang pada 11hb Mac yang lalu. Disamping itu saya juga akan mengambil bahagian dalam perbincangan dua Kertas Putih, iaitu Kertas Perintah 21/86 dan 16/86.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda telah memulakan Titah Ucapannya dengan menyatakan rasa kesyukuran kepada Allah s.a.w. kerana negara ini berada di dalam keadaan aman. Sebenarnya pada saya memanglah wajar mengapakah Baginda telah memberi tekanan yang penting terhadap keamanan. Kerana setiap pergerakan masyarakat di mana-mana negara di dalam dunia ini adalah memerlukan satu suasana yang aman dan tenteram. Tanpa wujudnya keamanan ini, tidak ada satu pun kemajuan yang boleh dicapai atau dilakukan oleh rakyat atau Kerajaan. Dengan demikian, keamanan boleh kita katakan sebagai

nadi pembangunan dan keamanan juga merupakan sebagai simbol kemajuan manusia di dunia ini. Akan tetapi wujudnya keamanan ini tidaklah seperti kata pepatah Melayu, "Yang bulat datang mengolek, yang pipih datang melayang", ianya perlu diusaha dengan berbagai-bagai kaedah dan cara.

Bagi kita di negara ini, pada pandangan saya, keamanan yang kita capai ini adalah bergantung kepada beberapa faktor-faktor yang tertentu. Yang pertama, kerana masih ramai lagi rakyat di Malaysia ini yang sanggup, mampu dan bersedia mentaati perintah-perintah Allah dan menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang negara. Ini sebab yang utama wujudnya keamanan di Malaysia. Oleh sebab itu, saya berharap Jabatan Perdana Menteri yang telah memastikan supaya Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri ini menjalankan satu konsep yang dinamakan "penerapan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran", mestilah melakukannya dengan bersungguh-sungguh. Kerana dengan adanya nilai-nilai yang baik di kalangan kakitangan-kakitangan Kerajaan di sektor awam ini akan dapat menyelamatkan setiap kemungkinan yang boleh menimbulkan huru-hara seperti kenehan yang berlaku di dalam skandal BMF yang sedang dibincangkan ini. Manusia-manusia yang sentiasa tunduk kepada kehendak hawa nafsu dan menjadi kuda tunggangan iblis dan syaitanlah yang sanggup menimbulkan huru-hara ini, tetapi manusia-manusia yang taqwa kepada Allah, yang takut kepada Allah, akan sentiasa menghormati kepentingan umum.

Adalah sungguh malang jika ada kakitangan-kakitangan Kerajaan ini yang mahu menyambut anjuran Kerajaan di dalam penerapan nilai-nilai Islam ini mereka telah dihalang dengan berbagai-bagai peraturan dan sekatan. Umpamanya kita seringkali

juga mendengar ada kakitangan-kakitangan wanita yang bekerja di dalam Kementerian Kesihatan telah ditimbulkan soalan di Parlimen ini yang mahu mengamalkan pakaian-pakaian yang selaras dengan kehendak-kehendak Islam tetapi mereka tidak dapat berbuat demikian kerana peraturan-peraturan yang telah sedia ada.

Saya tidak hendak menyalahkan pegawai-pegawai yang ada kerana mereka adalah benar, mereka menjalankan undang-undang atau peraturan yang sedia ada. Apa yang perlu, pihak Jabatan Perdana Menteri perlulah mencari satu jalan keluar yang lebih sempurna supaya jangan dituduh orang "bercakap tidak serupa bikin".

Perkara yang kedua, sebab keamanan ini wujud kerana kebijaksanaan rakyat negara ini memilih sebuah Kerajaan yang pada keyakinan mereka sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab kepada negara, bangsa dan agama. Kalau dahulunya Perikatan dan sekarang ini Barisan Nasional. Sebahagian besar rakyat yang menyokong menegakkan Kerajaan Malaysia ini ialah mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar, oleh sebab itu adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk berusaha dengan secepat mungkin, dengan seberapa daya yang boleh bagi memenuhi keperluan-keperluan asas yang dikehendaki oleh rakyat di kawasan luar bandar, seperti kemudahan-kemudahan bekalan api elektrik, kemudahan bekalan air yang bersih, kemudahan jalan yang selesa, kemudahan titi, kemudahan tempat beribadat, kemudahan tempat-tempat berbincang dan bermusyawarah dan sebagainya supaya keyakinan rakyat ini tidak akan terjejas. Ini adalah perkara yang penting yang perlu diberi perhatian oleh pihak Kerajaan.

Yang ketiga, kerana wujudnya semangat pengorbanan di kalangan pemimpin-pemimpin Kerajaan dan juga parti-parti yang mendukung Kerajaan, semangat yang mulia, iaitu semangat yang sanggup mengutamakan kepentingan negara dan bangsa mengatasi lain-lain kepentingan. Oleh yang demikian, haruslah disadari setiap mereka yang diamanah menjadi pemimpin Kerajaan, pemimpin parti sama ada di peringkat Pusat, Negeri dan di Cawangan-cawangan hendaklah memegang prinsip mengutamakan kepentingan rakyat, negara dan agama ini sebagai satu prinsip hidup selama mereka mahu menjadi pemimpin. Jika mereka tidak lagi sanggup mengamalkan prinsip hidup yang seumpama ini adalah lebih baik mereka mengundur diri kerana perbuatan yang seumpama itu, perbuatan mengutamakan kepentingan diri itu walaupun kecil adalah menjejaskan kewibawaan parti yang memerintah atau Kerajaan yang memimpin.

Di dalam hubungan ini, tidak hanya terbatas kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan atau parti-parti komponen di dalam Kerajaan. Saya berseru di dalam suasana negara menghadapi berbagai-bagai cabaran ini saya menyeru kepada pihak pemimpin-pemimpin persatuan, seperti CUEPACS, MTUC dan lain-lain seharusnya mendukung prinsip mengutamakan kepentingan negara, bangsa dan agama; sepatutnya mereka bersimpati dengan keadaan yang ada ini. Janganlah memberi kata dua; kalau 31hb Mac ini Kerajaan tidak memenuhi kehendak mereka, pada 1hb April langkah-langkah yang wajar akan diambil. Janganlah ingat hendakkan untung sekarang, wahai pemimpin-pemimpin CUEPACS, kelak kita akan rugi seguni.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, kerana Barisan Nasional berjaya mewujudkan satu barisan

perkhidmatan awam yang terdiri daripada sebahagian besar mereka yang jujur, amanah, dedikasi, cekap dan bertanggungjawab. Oleh sebab itu, setiap mereka yang mahu menjadi pegawai-pegawai Kerajaan di dalam sektor awam mestilah memegang konsep "Bersih, Cekap dan Amanah" menjadi satu pakaian hidup dan amalan sepanjang masa, sepanjang detik dan sepanjang ketika kerana mereka yang curang, mereka yang tidak bertanggungjawab walau bagaimana bijak dan cekap sekalipun, lambat-laun akan diketahui umum. Sepandai-pandai tupai melompat, ada kalanya jatuh ke tanah juga, kerana sepaling bijak manusia, mereka hanya boleh menyembunyikan segala keburukannya kepada manusia, tetapi mereka gagal untuk menyembunyikan keburukannya kepada Allah s.w.t. Allah maha adil. Siapa-siapa yang zalim akan dihukum. Ini terbukti peristiwa yang sedang kita bincang ini, Skandal BMF. Mereka yang menjadi pengkhianat bangsa ini, seperti Lorrain Osman, Hashim dan sebagainya adalah orang-orang yang menerima akibat kerana mereka bersedia menjadi kuda tunggangan iblis dan syaitan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kelima, kerana Kerajaan Barisan Nasional berjaya merangka dan melaksanakan dasar-dasar negara yang adil, liberal yang bertujuan memupuk semangat persefahaman, semangat bantu-membantu, tolong-menolong, kerjasama yang padu ke arah membentuk sebuah masyarakat yang bersatupadu dan menjamin ketahanan nasional yang bersendikan pepatah: bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Yang keenam, kerana Barisan Nasional sentiasa mengamalkan semangat musyawarah di dalam menyelesaikan dan mengatasi sebarang masalah dengan harapan yang keruh dapat dijernihkan, yang retak dapat ditangkup semula, yang putus dapat disambung, yang tegang dapat

dikendur, yang panas dapat disejukkan, yang longgar dapat diperketatkan dan yang bercerai dapat disatukan dan sebagainya.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat beri masa kepada kawan-kawan sedikit?

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Insya Allah. Oleh itu, saya berharap semangat dan sikap bermusyawarah ini haruslah dipupuk dan dikekalkan berterus-terusan kerana ia adalah satu jalan yang baik dan selaras dengan kehendak-kehendak agama Islam.

Yang ketujuh, dalam hubungan masyarakat antarabangsa, Kerajaan Barisan Nasional berpegang teguh kepada prinsip menghormati kedaulatan dan kebebasan manusia serta menjunjung tinggi Piagam Bangsa-bangsa Bersatu, di samping turut sama dengan lain-lain negara di dunia ini menentang sebarang kezaliman dan penindasan sesama manusia, tidak kira di mana tempat dan kedudukannya dan kegagahan empayarnya. Berdasarkan faktor-faktor inilah wujudnya keamanan di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri tentang tajuk ini, saya suka memetik ucapan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Di dalam penutup ucapan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah mengeluarkan satu sindiran, katanya:

“Kalau hujan menimpa kita di tengah padang, kita lari berteduh di bawah pokok; kalau pokok tiada dapat meneduh kita, kita lari balik ke rumah sendiri; tetapi kalau rumah sendiri mula bocor, biasanya orang buang atap lama untuk ditukar dengan atap baru.”

Saya bersetuju dengan sindiran ini, hanya apa yang saya hendak sebut, apabila tuan rumah hendak mengganti atap baru, gantilah atap jenis yang sama kerana atap yang bocor itu bukanlah kerana mutunya tidak baik, tetapi kerana sudah lama dipakai.

Kalau kita ganti atap jenis lain tentulah nampaknya tidak cantik dan barangkali mutunya tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat beri masa kepada kawan-kawan sedikit?

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Satu perkara lagi yang saya hendak cakap iaitu fasal Memali, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh fasal Memali.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau saya kuatkuasakan Peraturan Mesyuarat susah pula.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Izinkan saya hendak cakap sedikit sahaja fasal Memali.

Tuan Yang di-Pertua, berlakunya peristiwa Memali ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa akibat daripada kefahaman yang salah yang diberikan oleh Ibrahim Libya dan Ibrahim Libya telah berjaya menanamkan kefahaman yang salah di kalangan pengikut-pengikutnya kononnya menentang Kerajaan dan melawan Polis itu adalah tuntutan Islam dan siapa yang mati kerananya adalah mati syahid dunia akhirat yang mengharamkan dimandi dan sembahyangkan. Pendapat ini telah disangkal oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dan disokong oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Peringkat Kebangsaan bahawa itu adalah tidak benar dan Ibrahim Libya ini adalah sebagai penderhaka dan mati mereka bukan mati syahid.

Berasaskan fatwa ini apakah salah kalau ada orang berkata bahawa PAS telah menyeleweng daripada ajaran Islam. Selain daripada itu banyak peristiwa-peristiwa yang dilakukan oleh penyokong PAS dan diiktiraf oleh pemimpin-pemimpin mereka seperti sembahyang dua imam, tindakan memulaukan majlis kenduri orang-orang di luar PAS, sikap tidak mahu menyembahyangkan orang mati selain daripada ahli-ahli PAS. Bukankah ini menunjukkan unsur-unsur perpecahan di kalangan umat Islam? Pada hal Islam tidak langsung menggalakkan penganut-penganutnya bermusuhan dan berpecah-belah. Sebaliknya Islam menggalakkan penganutnya hidup berbaik-baik, bantu-membantu, tolong menolong dan penuh kasih sayang. Banyak sekali petunjuk yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. sama ada menerusi sabdanya atau menerusi firman Allah dalam Al-Quranul-karim, di antaranya firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 103 yang bermaksud:

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah atau Agama Islam dan jangan kamu bercerai-berai atau berpecah-belah.

Firman Allah dalam surah Al-Hudjrat ayat 10:

Sebenarnya orang-orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu yang bertelingkah.

Sabda Nabi: "Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari kemudian hendaklah ia berbuat baik kepada jirannya.

Firman Allah lagi dalam ayat Al Anfaal ayat 46:

Dan janganlah kamu berbantah-bantah, kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan.

Dari hujah-hujah ini dan dari panduan-panduan yang dibawa oleh Nabi Muhammad menerusi Al-Quran dan sabdanya jelaslah bahawa PAS telah jauh menyeleweng daripada ajaran-ajaran Islam yang sebenar. Sebab itu kita katakan PAS, P-A-S atau pa alif sin — Parti Ajaran Sesat. Buat penutupnya, saya menyokong atas usul menjunjung kasih ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok.

4.45 ptg.

Tuan Haji Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad serta Kabinetnya yang telah dapat membentangkan dua Kertas Putih Kerajaan bagi menerangkan kepada rakyat atas isu BMF dan isu Memali.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Kerajaan yang bertanggungjawab ke atas keselamatan negara dan juga kebajikan serta kesejahteraan rakyat yang telah mendedahkan ancaman pelampau-pelampau agama dan satu gerakan menentang Kerajaan dengan mengangkat senjata. Saya yakin dengan keadaan dan keberanian Pasukan Keselamatan, Polis dan sebagainya akan membendung lain-lain pertubuhan yang akan melancarkan gerakan menggulingkan Kerajaan dengan menggunakan senjata. Apa yang perlu diambil perhatian berat oleh Kementerian Dalam Negeri, ialah supaya lebih keras bekerja bagi mengetahui adanya gerakan-gerakan seperti itu lagi yang

akan dilancarkan secara besar-besaran. Kita harus menyedari pada hari ini bahawa Parti-parti Pembangkang yang terbesar pada hari ini sudah tidak berupaya lagi untuk mempengaruhi rakyat dengan dakyah-dakyah untuk memenangi pilihanraya dan sebagainya. Mereka itu pada hari ini sudah bersedia untuk merampas kuasa Kerajaan dengan cara kumpulan bersenjata yang akan membuatkan negara kita ini tidak lagi aman dan makmur. Secara tidak langsung untuk memperlihatkan kepada mata dunia bahawa Kerajaan sudah tidak dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri juga harus mengambil perhatian yang berat kepada masalah ulamak-ulamak dan guru-guru agama yang mengambil kesempatan menggunakan agama untuk kepentingan politik. Adakah Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri-negeri cuma melihat dan mendengar sahaja.

Satu contoh misalnya Jabatan Agama Negeri Terengganu yang sudah mengetahui bahawa PAS menggunakan Masjid Rusila sebagai pengkalan untuk menghasut rakyat menentang Kerajaan dan merampas kuasa, mengatakan Kerajaan yang ada pada hari ini adalah Kerajaan kafir. Sepatutnya jentera penerangan Jabatan Agama Negeri dengan dibantu oleh penceramah-penceramah Institut Dakwah Islamiah dan sebagainya menjelajah keseluruh pelusuk negara menerangkan kepada rakyat supaya kedudukan agama Islam dan tuntutan Islam kepada rakyatnya tidak disalahgunakan. Saya yakin dengan cara ini dapat mengimbangi kedudukan yang berlaku dan juga Jabatan Hal Ehwal Agama Islam hendaklah mengambil pasti kawasan-kawasan yang dipastikan ada anasir-anasir yang akan mengangkat senjata untuk menentang Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di dalam Kertas Putih Memali ini telah terbukti bahawa PAS telah menggunakan senjata untuk merampas kuasa di negeri Kedah dan mengancam keselamatan negara serta memecah-belahkan perpaduan umat dan perpaduan rakyat, maka saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Kedah ataupun Kerajaan Pusat mengharamkan Parti PAS khasnya untuk di dalam negeri Kedah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah membuktikan bukan tidak pernah pemimpin-pemimpin parti ditahan dan ditangkap oleh pihak berkuasa seperti contoh Allahyarham Dr Burhanuddin pemimpin PAS yang pertama dahulu pernah ditahan tetapi tidak pula menyiapkan saudara-mara dan penyokongnya, tidak pula menyiapkan senjata parang dan sebagainya untuk menentang Polis. Begitu juga daripada pemimpin parti UMNO pernah ditangkap, Datuk Harun misalnya dijenkan di Penjara Pudu. Tidak pernah dia menyuruh penyokong-penyokongnya menentang Polis dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ada golongan menyatakan bahawa Polis dan Tentera kita ini zalim. Rakyat kita harus sedar bahawa kita ada Polis dan Tentera untuk menjaga keselamatan kita. Kalau kita sudah tidak mahu mengikut undang-undang Polis dan Tentera, saya ingin bertanya adakah patut kita hapuskan Tentera dan Polis dan beri kepada komunis untuk bermaharajalela di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, sedikit saya menyentuh mengenai BMF. Saya mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri yang bersungguh-sungguh yang mempunyai iman yang teguh, kesabaran dan sebagainya menghadapi perkara ini, walaupun telah dituduh dan tuduhan itu tidak ada bukti sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri telah menunaikan janji yang telah diutarakannya yang mana telah menjalankan dasar "Cekap, Bersih dan Amanah" iaitu menunaikan kepada rakyat yang janjinya untuk membentangkan Kertas Putih BMF ini dan atas tindakan Kerajaan itu telah mengarahkan Bank Bumiputra untuk menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat dan Bank Bumiputra telah pun menjalankan tindakan itu dan Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin telah pun menjalankan tugasnya dengan begitu baik selama 2 tahun.

Kejayaan Tan Sri Ahmad Noordin sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan harus kita puji dengan telah membuat laporan yang begitu baik dan begitu lengkap untuk mengenalpasti pesalah-pesalah yang telah melakukan kesalahan dan di atas Laporan itu, pihak Bank Bumiputra, di bawah pimpinan yang disusun baru ini, telah menjalankan tindakan-tindakan seperti yang termaktub atau tercatat di dalam Kertas Putih BMF ini yang telah menjalankan tindakan undang-undang dan mahkamah, menangkap dan menahan mereka yang akan menerima hukuman sama ada di luar negeri ataupun di dalam negeri. Saya mengucapkan tahniah kepada Bank Bumiputra yang melantik panel peguam untuk mengkaji Laporan Akhir BMF ini dan terus mengambil tindakan terhadap mereka yang bersalah.

Cuma satu, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa ragu-ragu sedikit mengenai Laporan Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin ini yang memasukkan nama-nama pemimpin negara seperti Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri dan Dato' Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri

Kewangan ke dalam Laporan tersebut, walhal tidak ada sangkut-menyangkut langsung dan tidak didapati bukti apa yang mereka itu melakukan kesalahan dari segi jenayah BMF. Ini saya berasa amat dukacita dan amat sedih sekali. Apakah tujuan dan motif Jawatankuasa Penyiasat ini memasukkan nama-nama pemimpin negara tersebut? Saya tidak faham. Adakah ini untuk memberitahu rakyat supaya membenci pemimpin-pemimpin negara dan melibatkan pula nama parti UMNO supaya rakyat benci kepada pemimpin dan benci kepada UMNO? Ini saya tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak mengerti dan kalau dapat diberi jawapan mengenai kedudukan Tan Sri Ahmad Noordin ini, adakah dia ini seorang pegawai Kerajaan? Setahu saya, dia menjabat jawatan Ketua Audit Negara dan dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyiasat. Kalau beliau adalah sebagai seorang daripada pegawai Kerajaan, adakah ia nya terlepas daripada Perintah Am Bab "D", Bahagian VI di mana pegawai-pegawai Kerajaan tidak dibenarkan menerima hadiah-hadiah kecuali mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan.

Tan Sri Ahmad Noordin telah menerima hadiah daripada Filipina sebanyak US\$30,000 bermakna \$90,000 wang Malaysia dan hadiah Tun Abdul Razak sebanyak \$30,000. Ini berjumlah \$120,000, selain daripada hadiah yang menggelarkannya "Man of the Year", dengan izin. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, hadiah-hadiah ini pula diterima semasa beliau menjalankan tugas. Dan saya difahamkan bahawa beliau tidak pun meminta izin atau kebenaran daripada Perdana Menteri sebagai Ketua Pemerintah negara kita ini untuk menerima hadiah-hadiah tersebut.

Selain daripada itu, di dalam Laporan ini juga tidak disebutkan, tidak dicatitkan perbelanjaan yang telah kita gunakan sebanyak \$1.8 juta bagi Jawatankuasa Penyiasat ini. Rakyat tentu ingin tahu, apakah kita telah rugi \$2.5 billion, kemudian ditambah pula dengan perbelanjaan \$1.8 juta untuk diperuntukkan kepada Jawatankuasa tersebut.

Jadi, dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa peristiwa skandal BMF yang berlaku ini, kita tahu bahawa Bank Bumiputra adalah sebuah bank yang terkemuka di dunia dan disenaraikan sebuah bank yang terbesar di dunia. Mungkin penjenayah-penjenayah dan sebagainya itu ada motif-motif, anasir-anasir yang dengki dan tidak gembira melihat kemajuan bank dan sebagainya, seperti kata Perdana Menteri. Maka oleh sebab itu, kalau boleh, saya ingin tahu sepertimana yang saya katakan tadi, motif-motif apakah yang menyebabkan isu BMF ini diheret pula kepada isu politik. Adakah ianya datang daripada anasir-anasir luar? Adakah mereka yang terlibat mengait-ngaitkan nama Perdana Menteri dan pemimpin negara ini dan juga yang merosakkan wang BMF itu terdiri dari mereka yang satu masa pernah dahulu disebut-sebut, iaitu ahli-ahli daripada Kelab Freemason yang sentiasa hendak menjatuhkan kepimpinan Kerajaan dan juga sentiasa hendak meruntuhkan apa juga kemajuan yang dibuat oleh Kerajaan bagi membangunkan negara dan bagi kepentingan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya teruskan sedikit lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Sila. Jangan panjang.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana masalah rakyat sekarang ini sedang menghadapi begitu susah oleh sebab kemerosotan ekonomi dan sebagainya, saya sangat-sangat mengalu-alukan langkah Kerajaan di dalam Titah Ucapan DiRaja itu untuk mewujudkan suatu perladangan bercorak komersial khususnya melalui perladangan berkelompok. Saya mengucapkan tahniah dan juga terima kasih kepada Menteri Pertanian yang telah memberi pengakuan dan jawapan kepada saya mengenai rancangan menyelamatkan pekebun-pekebun kecil di seluruh negara, terutama kepada pekebun-pekebun kecil kelapa dan koko di seluruh negara. Sebagai tindakan selanjutnya, sukalah saya mencadangkan supaya Menteri Pertanian menubuhkan satu Jawatankuasa Tindakan Khas di peringkat kebangsaan yang dianggotai oleh Pengarah-pengarah Pertanian Negeri yang berkenaan serta Wakil-wakil Rakyat Parlimen dan Dewan Negeri yang bersangkutan di dalam kawasan tersebut, untuk melaksanakan cita-cita ataupun rancangan Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Pertanian.

Kementerian Pertanian juga harus mengkaji agensi-agensi yang bernaung di bawahnya yang tidak melakukan kerja-kerja yang bertindih dan pegawai-pegawai dan agensi-agensi ini yang mentadbirkan jabatan serta agensi mengikut kehendak sendiri dengan tidak berpadu di dalam melaksanakan kerja-kerja untuk kebaikan orang-orang kampung ataupun penduduk luar bandar. Kerana kita akan menghadapi rakyat luar bandar apabila kita mengadakan pilihanraya untuk mendapat sokongan maka amalan bahawa setiap jabatan dan agensi dan Kementerian Pertanian di setiap kawasan, saya suka mencadangkan supaya diadakan pertemuan atau bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan ataupun dua bulan sekali untuk

menyatupadukan tindakan bersama dan dengan demikian di segala kerja projek pembangunan untuk penduduk luar bandar tidaklah perselisihan faham antara satu jabatan dengan satu jabatan.

Saya masih ingat lagi pada suatu ketika dahulu pertubuhan perladangan kawasan dijadikan markas atau kompleks geraktani tetapi kini kompleks geraktani ini tertinggal nama sahaja. Apa yang perlu, perkara ini diperbetulkan semula dan diperbaharui. Saya yakin dengan gerakan pembaharuan ini akan dapat menyusun dan mencapai matlamat sepenuhnya.

Selain daripada itu — sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua — di dalam tahun 1986 hingga 1988, Kerajaan akan melaksanakan pembinaan tambahan kepada 80,000 unit rumah kos rendah untuk dijadikan rumah rakyat. Apa yang telah berlaku pada masa sekarang ini ialah harga rumah yang dikatakan murah itu ialah bernilai \$25,000 seunit. Setiap penghuni terpaksa mengansurkan bayaran rumah itu \$100.00 ataupun lebih sebagai ansuran. Saya memikirkan supaya target Kerajaan untuk memberi kemudahan kepada golongan berpendapatan rendah memiliki rumah ini akan tercapai dengan sebenar-sebenarnya. Saya minta Kerajaan supaya menentukan harga-harga rumah itu kalau boleh pada \$10,000 atau \$15,000 unit sahaja, dengan ansuran sebanyak \$60.00 ataupun \$70.00 sebulan. Ini adalah sesuai kepada rakyat ataupun pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah.

Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

5.00 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, seminggu telah lalu semenjak Laporan Jawatankuasa tiga orang yang diketuai oleh Tan Sri Ahmad Noordin mengenai skandal BMF diumumkan kepada orang ramai, reaksi umum adalah berbagai.

Ada yang merasa terkejut, gelisah, kurang percaya dan marah terhadap kes tersebut di mana wang sebanyak \$2.5 billion disalurkan ke luar negeri dan dibelanjakan secara tipu oleh pegawai-pegawai yang kotor atau ke atas projek-projek yang tidak kukuh.

Orang-orang biasa seperti peniaga-peniaga kecil merasa keciwa kerana sementara mereka tidak dapat memperolehi pinjaman dari bank walaupun pinjaman yang mereka ingin memperolehi adalah kecil tetapi badan-badan perniagaan yang besar di luar negeri boleh memperolehi dengan mudahnya beratus-ratus juta ringgit. Ini adalah satu hakikat yang pahit untuk diterima.

Ramai yang mengadu bahawa sekiranya wang \$2.5 billion itu dilaburkan dengan bijak, wang tersebut boleh digunakan kini untuk menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi yang melanda negara kita serta dapat membantu penganggur-penganggur dan mereka yang telah diberhentikan kerja.

Penghormatan yang diberikan kepada Bank Bumiputra sebagai flagship industri bank di Malaysia telah terjejas teruk disebabkan penipuan dan pencurian wang awam yang dilakukan oleh beberapa orang pegawai tinggi Bank Bumiputra.

Bank Negara juga adalah disoal disebabkan gagal dalam tugasnya untuk mencegah pengaliran wang berbilion ringgit dari Bank Bumiputra ke tangan beberapa orang yang kotor atau unscrupulous, dengan izin, di Hong Kong.

Bank Negara sebagai institusi yang mulia tidak memainkan peranan sebagai "watchdog" ke atas industri bank sementara pegawai-pegawai BMF mencuri secara terus terang dari Bank Bumiputra dalam tahun 1979-1983. Sekiranya Bank Negara berwaspada dan telah membuat homeworknya apabila diminta menyokong surat "comfort" yang kedua BMF kepada Pesuruhjaya di Hong Kong, Commissioner di Hongkong dalam bulan April, 1981 ia pasti akan mengesan skandal pinjaman tersebut di peringkat awal lagi.

Pemeriksaan buku-buku Bank Bumiputra dan BMF akan menunjukkan bahawa pada penghujung tahun 1981 wang sebanyak \$494.4 juta dipinjamkan kepada Kumpulan Carrian sedangkan modal saham rizabnya hanya \$5.8 juta dan modal saham serta rizab BBMB adalah cuma \$356.2 juta. Dengan lain perkataan, BMF telah meminjamkan 7,939% modal rizabnya kepada Carrian Holdings sahaja atau BMF meminjamkan 129% daripada modal saham dan rizab syarikat ibunya yakni BBMB kepada Kumpulan Carrian.

Saya mendapati sukar untuk mempercayai bahawa Bank Negara tidak mengetahui tentang keadaan begitu banyak pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF seawal tahun 1980. Saya berpendapat Bank Negara tahu akan perkara ini tetapi ia tidak mengambil tindakan kerana takut menimbulkan kemarahan "Tuan-tuan" sebenarnya Bank Bumiputra iaitu ahli-ahli politik.

Bank Bumiputra bukanlah sebuah bank yang biasa, ia diperbadankan sebagai sebuah institusi bank untuk membantu orang-orang bumiputera menyertai bidang perniagaan dan perusahaan. Ia bermula sebagai sebuah institusi di bawah portfolio Perdana Menteri sehingga kes Carrian didedahkan. Kini ia diletakkan di bawah jagaan Menteri Kewangan.

Sekiranya dalam tahun 1980 atau 1981 Bank Negara mengambil tindakan keras terhadap BMF ia pasti akan dituduh sebagai menjejaskan kepentingan orang-orang bumiputera. Gabenor Bank Negara tidak membuat apa-apa kerana tidak mahu dilabelkan sebagai pensabotaj. Sebagai contoh marilah kita memeriksa tindakan Tan Sri Aziz Taha dalam tempoh 1982/1983. Selepas pasukan Bank Negara memeriksa buku-buku BMF pada 30hb Jun, 1982, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Aziz Taha telah menemuduga pegawai-pegawai atasan BBMB serta memaklumkan kepada Perdana Menteri pada 16hb November, 1982 dan 5hb Januari, 1983.

Gabenor Bank Negara juga menulis sepucuk surat setebal 10 muka kepada Perdana Menteri bertarikh pada 2hb April, 1983. Apakah Gabenor telah mengambil tindakan selepas ini dan selepas menulis surat begitu panjang itu? Tidak. Beliau mempunyai kuasa untuk mengambil langkah-langkah yang perlu di bawah Akta Bank, 1973, akan tetapi beliau tidak berbuat apa-apa. Apakah yang berlaku antara beliau dan Perdana Menteri? Seorang hanya boleh membuat kesimpulan bahawa Gabenor Bank Negara disuruh supaya jangan campurtangan dalam hal tersebut. Perdana Menteri waktu itu menumpu perhatian terhadap penyelamatan Carrian atau rescue Carrian, dengan izin, serta menyembunyi skandal pinjaman BMF.

Untuk menjadi watchdog, dengan izin, yang berkesan, Bank Negara hendaklah bebas dari kawalan ahli-ahli politik. Jika tidak skandal seumpama BMF akan berlaku pada masa yang akan datang. Bank Negara hendaklah bebas dan Gabernonya hendaklah dilantik tanpa mengira fahaman politiknya tetapi berdasarkan kepada merit dan prestasinya.

Satu contoh yang baik ialah Federal Reserve System di Amerika Syarikat. Ketuanya Mr Walker adalah bebas dan beliau mengikut dasar-dasarnya sendiri bukan dasar yang ditentukan oleh Presiden Amerika Syarikat. Begitu juga Gabenor Bank Negara tidaklah patut disuruh membuat apa yang perlu oleh Perdana Menteri.

Pada Khamis lalu, bersamaan 14hb Mac, 1986, Ahli Parlimen dari kawasan Jasin telah berkata UMNO tidaklah terbabit dalam skandal BMF. Jika demikian beliau perlu diingatkan tentang projek Johor Bahru City Development, dengan izin. Menurut Laporan Tan Sri Ahmad Noordin, projek Johor Bahru City Development sepatutnya dijalankan secara usaha sama oleh UMNO Negeri Johor dan Carrian yang sepatutnya merupakan konsep ibukota dalam ibukota, dengan izin, city within a city, dengan sebuah hotel, pejabat-pejabat, kompleks-kompleks beli-belah, dewan budaya dan kondominium. Projek tersebut dianggarkan menelan belanja \$430 juta.

George Tan dalam suratnya telah berkata bahawa beliau akan menderma 20% keuntungan bersih dari projek tersebut kepada tabung pembinaan ibu pejabat UMNO. Buku catatan Jalil Ibrahim bertarikh 19hb Mei, 1983 mengandungi satu item yang disebut sebagai Johor Bahru Project Papers, dengan izin. Dengan tumbangannya Carrian, projek tersebut dihentikan tetapi sebelum sempat ini dibuat, wang sebanyak \$1.5 juta telah dibayar oleh

Carrian kepada Mohamed Ariffin bin Mohamed Yusof sebagai Deposit for account of Johore Bahru Project, dengan izin.

Mungkin juga Ahli Yang Berhormat dari Jasin itu juga ingin tahu bahawa bayaran sebanyak \$95,000 telah dibayar kepada Fleet Group dari Syarikat Knife ? Dagger atau Silver Present. Adalah diketahui bahawa Fleet Group adalah dimiliki atau dikuasai oleh UMNO atau penama-penama (nominee), dengan izin. Dato Abdul Ajib Ahmad, Menteri Besar Johor telah menafikan isi kandungan Exhibit 316 dalam Jilid V, Ikhtisar Khas Bahagian III, tetapi beliau tidak menafikan pembayaran deposit \$1.5 juta terhadap projek Johor Bahru yang disentuh dalam Exhibit 313, 314 ITU, dan apakah wang tersebut dibayar ke dalam akaun UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun tahu Laporan BMF tidak ada semua jawapan untuk beritahu siapa-siapa yang bersalah, kalau kita mahu tahu, kita mesti adakan satu Suruhanjaya (Commission of Inquiry).

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan keadaan di Sabah yang disebut oleh saudara saya Ahli dari Kota Melaka, keadaan sekarang di sana sangat tegang, dan tadi kita dengar Ahli Parlimen dari Kuala Terengganu bercakap negara kita demokrasi berparlimen, ikut cara berparlimen, kalau ikut cara berparlimen tidak ada kelakuan seperti sekarang di Sabah. Di sini parti DAP merayu supaya keadaan di Sabah stabil, kita berharap dan merayu kepada Perdana Menteri hendaklah dengan serta-merta melawat Sabah untuk meredakan keadaan politik di sana. Juga kita merayu pihak berkuasa hendaklah mengambil tindakan yang keras dan tegas untuk menghentikan dengan serta-merta kempen terancang untuk meningkatkan ketakutan, rasa tidak selamat, gegelisahan dan kekerasan.

Tuan Yang di-Pertua, kita merayu Kerajaan Pusat memberi jaminan tegas bahawa ia tidak akan menyetujui dengan agitasi mereka yang bertanggungjawab ke atas kempen terancang itu, untuk mengisytiharkan darurat dan pengambilalihan oleh Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Pusat memberi jaminan bahawa pilihanraya umum negeri Sabah akan diadakan menurut Perlembagaan dan undang-undang. Dan kita berharap Kerajaan Pusat memberi satu rancangan comprehensive untuk menghantar balik 300,000 pelarian Filipina di Sabah supaya mereka berhenti menjadi anasir-anasir perpecahan dan kemusnahan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

5.13 ptg.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan Usul Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong, kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen yang Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, ada 2-3 perkara yang ingin saya sentuhkan di dalam ucapan saya pada petang yang berbahagia ini.

Yang pertama, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada masalah kemiskinan di negara kita terutama di sektor pertanian.

Di dalam Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, kadar kemiskinan bagi sektor ini ialah 54.9% bagi tahun 1983.

Satu peratusan yang masih lagi tinggi, justeru itu adalah dirasakan pihak Kerajaan perlu memperhebatkan usaha-usaha ke arah mambanteras keadaan ini. Dalam hubungan ini arah atau porla program pembangunan Kerajaan perlulah ditumpukan ke sektor ini. Ini bagi membolehkan sektor tersebut memainkan peranan yang lebih aktif dalam proses pembangunan negara. Selaras dengan itu pula usaha-usaha harus dibuat bagi mengelak aliran penghijrahan desa ke bandar yang berterusan. Ini perlu kerana antara sebab-sebab merosotnya peranan sektor pertanian sejak akhir-akhir ini adalah kerana kekurangan buruh lantaran penghijrahan golongan muda khususnya ke bandar-bandar. Dalam hubungan ini juga Kerajaan mungkin boleh merangka satu program galakan bagi mendorong mereka untuk menumpukan usaha dan tenaga demi memajukan sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, yang saya ingin sentuh ialah mengenai keadaan pengangguran di negara kita sekarang ini. Kadar pengangguran negara adalah sekitar 7%, satu kadar yang boleh dikatakan tinggi. Keadaan ini diburukkan lagi dengan tindakan syarikat-syarikat khususnya Syarikat Elektronik membuang pekerja-pekerja mereka ekoran dari suasana kemelesetan ekonomi dunia, adalah dianggarkan 400,000 orang kini sedang menganggur. Persoalan yang harus diteliti dalam konsep pembuangan pekerja-pekerja ini ialah apakah mereka dibuang semata-mata kerana kemelesetan ekonomi sebagaimana yang didakwa oleh syarikat-syarikat tersebut yang telah menjejaskan syarikat. Dari apa yang diperhatikan suasana kemelesetan sekarang tidaklah seburuk kemelesetan pada tahun 1970, yang mana pada tahun tersebut syarikat-syarikat swasta masih boleh terus berfungsi tanpa mendatangkan kesan seperti yang berlaku sekarang.

Apa yang berlaku sekarang mungkin syarikat-syarikat tersebut mendapat keuntungan yang kurang daripada biasa, dan mengambil kesempatan daripada keadaan sekarang dengan bertindak membuang pekerja dan di masa yang sama mengekalkan paras keuntungan. Apa yang disesalkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah mereka seperti tidak mahu masalah yang bakal dihadapi oleh negara dengan langkah tersebut. Sikap tidak mahu bersama-sama dengan Kerajaan dan rakyat Malaysia dalam mengatasi masalah kemelesetan ini amatlah dikesalkan, sedangkan keuntungan yang mereka nikmati selama ini adalah hasil dari kerjasama Kerajaan dan rakyat negara ini. Jika mungkin dalam konteks ini saya sukalah menyarankan agar dibentuk satu Jawatankuasa bersama antara Kerajaan dan pihak-pihak swasta yang terlibat bagi membincangkan cara-cara yang lebih positif. Dalam menghadapi suasana kemelesetan ekonomi sekarang, kita tidak seharusnya membiarkan terusan rakyat negara ini terutama yang telah membantu kejayaan operasi pihak swasta menjadi mangsa ketidakadilan. Perlu juga diingatkan iaitu kebanyakan pekerja-pekerja yang dibuang adalah dari Syarikat-syarikat Elektronik yang mana pekerja-pekerja ini tidak ada satu badan atau Kesatuan Sekerja yang boleh memperjuangkan nasib mereka. Akibatnya bilamana mereka dipaksa berhenti mereka menjadi terpinga-pinga seperti anak ayam kehilangan ibu, tidak tahu ke mana hendak mengadu, kesannya meletuslah tunjuk-tunjuk perasaan. Jelas di sini bahawa soal ini bukan sahaja melibatkan pekerja, tetapi juga merupakan satu masalah negara. Memandangkan keadaan ini juga saya rasa Kerajaan perlu mewujudkan suatu skim atau program untuk membantu golongan ini, mungkin boleh diadakan kursus atau Program Latihan berhubung dengan industri kecil, kegiatan memproses hasil-hasil pertanian dan sebagainya, dengan cara

ini kita harap mereka akan mendapat peluang untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyebut mengenai usaha Kerajaan untuk membina 80,000 unit rumah kos rendah setahun sehingga tahun 1988 bagi mengatasi masalah pengangguran dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru. Usaha ini amatlah dialu-alukan berserta dengan cadangan-cadangan untuk pembinaan jalan dan pembangunan pertanian, kerja-kerja pembinaan yang menggunakan ramai pekerja di kawasan-kawasan yang mundur dan kemudahan untuk sektor swasta mendapatkan tanah bagi maksud pertanian dan memajukan industri-industri kecil.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini perlu saya tegaskan bahawa dalam mengatasi masalah perumahan di negara ini Kerajaan memerlukan sokongan daripada pihak swasta yakni para pemaju perumahan. Sehingga ini sumbangan mereka masih belum memuaskan. Sebagai contoh hingga Jun 1984 sektor swasta hanya berjaya membina 15.9% rumah kos rendah berbanding dengan 95,000 unit yang diperuntukkan kepada mereka dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Keadaan ini berpunca daripada sikap pihak pemaju yang terlalu memberi tumpuan kepada pembinaan rumah-rumah kos mewah dalam rangka mengaut keuntungan yang banyak. Sikap mereka ini amat dikesali kerana di ketika Kerajaan memerlukan kerjasama mereka untuk mengatasi masalah perumahan di negara ini mereka seperti tidak begitu menunjukkan minat.

Sementara itu di pihak Kerajaan pula dalam Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 116,131 unit rumah

kos rendah telah diluluskan. Malangnya hanya 14,321 unit sahaja yang siap dibina, 16,482 dalam pembinaan dan 53,592 masih di peringkat pelaksanaan; yang selebihnya tidak dapat dipastikan.

Memandangkan kepada keperluan rumah yang begitu mendesak sekarang terutamanya rumah-rumah kos rendah, saya rasa Kerajaan perlu meningkatkan lagi usaha-usaha bagi menjamin keperluan asas rakyat ini dipenuhi sesuai dengan Dasar Perumahan Negara yang mahukan setiap rakyat memiliki rumah. Keperluan ini bertambah mendesak apabila Kerajaan bercadang mengadakan dasar baru dalam sektor perumahan awam ini untuk mewujudkan pekerjaan bagi menampung rakyat yang menganggur dan yang diberhentikan kerja sejak kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir sekali yang ingin saya menyentuh di dalam perbincangan saya pada petang ini ialah mengenai isu BMF.

Menyentuh berkenaan dengan anak syarikat BBMB di Hong Kong ini iaitu BMFL yang telah memberi pinjaman sebanyak \$2.5 billion. Saya rasa telah banyak diperkatakan di dalam Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ucapan tahniah kepada Kerajaan yang telah pun sudi dan bersetuju menyiarkan Laporan BMF ini untuk pengetahuan umum. Apa yang jelas daripada Laporan Jawatankuasa Penyiasat BMFL ialah pinjaman tersebut telah diberi dengan tidak mengikut amalan dan peraturan-peraturan bank. Saya juga turut mengecam pegawai-pegawai yang terlibat memberi pinjaman kepada Syarikat Shell atau syarikat-syarikat yang modal berbayar hanya \$2.00. Daripada Laporan Jawatankuasa Penyiasat juga kita dapati pinjaman-pinjaman kepada syarikat-syarikat

tersebut berjumlah beratus-ratus juta ringgit. Sungguhpun begitu ada di antara pinjaman-pinjaman tersebut tidak dikehendaki cagaran ataupun cagaran yang diberi tidak memuaskan. Dan ada juga pinjaman-pinjaman yang diluluskan tetapi permohonan-permohonan untuk mendapat pinjaman tersebut tidak dapat dikesan oleh Jawatankuasa Penyiasat. Semua ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak akan berlaku jika semua Ahli-ahli Lembaga Pengarah BBMB dan BMFL terdiri daripada orang-orang yang jujur, amanah dan menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab.

Tetapi apa yang nyata daripada peristiwa yang berlaku ialah ada beberapa orang Ahli-ahli Lembaga Pengarah BBMB dan BMFL pada masa yang berkenaan sama sekali tidak amanah. Kita boleh juga membuat kesimpulan bahawa Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang berkenaan telah merancang dari awal-awal lagi untuk menipu BBMB dan BMFL dengan cara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang yang telah melakukan kesalahan, tindakan undang-undang pasti diambil untuk membawa mereka ke muka pengadilan. Bagi orang-orang yang didapati bersalah di sisi undang-undang hukuman yang seberat-beratnya hendaklah dikenakan kepada mereka.

Jika keterangan-keterangan tidak cukup untuk mendakwa mereka itu di bawah undang-undang yang ada maka perlulah pihak Peguam Negara berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mendapatkan keterangan-keterangan yang mencukupi. Jika sekiranya pula undang-undang yang ada tidak mencukupi untuk mendakwa mereka itu di mahkamah maka saya rasa perlu digubalkan undang-undang untuk menghukum mereka itu dengan secepat mungkin. Perlu juga kita menggubal undang-undang atau

meminda undang-undang yang ada supaya dapat mengawal perjalanan bank-bank di masa yang akan datang untuk menjamin peristiwa-peristiwa seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat berkata demikian pada hari ini oleh sebab kita dapat menoleh ke belakang dan mempelajari peristiwa yang telah berlaku. Dan kepada Jawatankuasa Penyasat BMFL saya ingin merakamkan penghargaan kerana dapat memberi maklumat yang penting ini dengan adanya Laporan Jawatankuasa tersebut. Walau bagaimanapun, penghargaan saya ini adalah penghargaan yang "qualified", dengan izin. Oleh sebab yang pertamanya, ada keterangan-keterangan di dalam Laporan tersebut yang tidak berkeputusan. Yang keduanya, penyasatan-penyasatan tidak jelas dan tidak sempurna apabila membabitkan nama pemimpin-pemimpin negara. Dan yang ketiganya, tindakan dan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa tersebut iaitu oleh Tan Sri Ahmad Noordin telah terkeluar daripada syarat perlantikan ataupun, dengan izin, "terms of reference."

Tuan Yang di-Pertua, kepada pihak Pengurusan Bank Bumiputra yang ada sekarang ini saya ingin mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya di atas segala tindakan yang telah dan akan diambil terhadap mereka yang terlibat untuk mendapat balik sebahagian daripada wang yang hilang daripada pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh BMFL di Hong Kong. Kepada pihak Kerajaan Malaysia pula saya ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kerana telah mengambil tindakan yang "drastic", dengan izin, untuk menyelamatkan Bank Bumiputra dan memberi keyakinan kepada orang ramai bahawa BBMB masih berkemampuan dan kukuh untuk menghadapi apa-apa kemungkinan.

Saya juga mengucapkan syabas kepada Kerajaan yang telah mengambil tindakan-tindakan yang perlu dan memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada pihak berkuasa Hong Kong untuk membawa pihak-pihak yang terlibat ke muka pengadilan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin menyokong Usul untuk Menjujung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat, Parlimen Keenam. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Bolehkah Yang Berhormat bercakap pendek sedikit supaya boleh seorang dua lagi berucap?

5.30 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Baiklah, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut bersama-sama Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong Usul Menjujung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda ketika membuka mesyuarat Dewan Rakyat bagi Penggal Keempat, Parlimen Keenam yang berlangsung pada 10hb Mac, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan mesti sudah sedar akan keraguan dan kebimbangan masyarakat kaum Cina terhadap Akta Pelajaran, 1961, Bab 21, Bahagian II. Untuk membuktikan Kerajaan menghindarkan hasrat rakyat dan untuk menjamin Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan Cina akan terus

berkembang tanpa sebarang gangguan, maka bahagian Akta Pelajaran ini haruslah dimansuhkan dan tidak sepatutnya dikekalkan.

Halangan-halangan terhadap Tarian Singa di negeri kita adalah terlalu banyak. Sekiranya keadaan Tarian-tarian Singa tidak mengganggu lalulintas dan tidak menjejaskan keselamatan negara, Kerajaan haruslah memberi kebebasan sepenuhnya kepada Tarian Singa seperti mana kebebasan penuh diberi kepada kompong Melayu.

Tarian Singa adalah menjadi sebahagian tradisi dan kebudayaan kaum Cina dan mempunyai ciri-ciri kebudayaan Malaysia. Maka saya berharap dan merayu kepada Kerajaan membenarkan Tarian Singa berkembang dengan bebasnya sebagai salah satu cara untuk menyelesaikan perselisihan yang sering berlaku terhadap Tarian Singa.

Tuan Yang di-Pertua, cara pengambilan masuk pelajar-pelajar ke universiti tempatan dan kakitangan ke dalam perkhidmatan awam masih menjadi punca kebimbangan dan keraguan bagi kaum Cina kerana ia tidak mencerminkan kadar peratus mengikut kaum di negeri kita. Masalah ini telah lama wujud di negeri kita dan masih belum diselesaikan. Saya menggesa Kerajaan membenarkan lebih ramai rakyat kaum Cina memasuki universiti tempatan dan perkhidmatan awam kerana kaum Cina pun adalah banyak menyumbang kepada perkembangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Kampung-kampung Baru Cina dan di kawasan-kawasan setinggan adalah terdiri dari golongan yang kurang mampu. Sungguhpun mereka adalah membayar cukai tetapi sepanjang masa ini mereka tidak dapat menikmati kemajuan polisi pemansuhan kemiskinan di negeri kita. Keadaan

seperti ini tidak seharusnya dibenarkan berterusan. Masanya sudah sampai bagi Kerajaan menitik-beratkan kemajuan di Kampung-kampung Baru Cina dan kawasan-kawasan setinggan. Kerajaan haruslah menyalurkan lebih banyak peruntukan bagi memajukan kawasan-kawasan ini agar taraf hidup antara rakyat di kawasan-kawasan desa dan bandar tidak akan banyak berbeza. Ini adalah tugas utama Kerajaan pada saat sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, skandal BMF yang menarik perhatian orang ramai telah mengakibatkan Kertas Putih dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Rakyat berharap Kerajaan Barisan Nasional akan mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap mereka yang terlibat dalam skandal BMF.

Sekiranya bukti-bukti telah mencukupi mereka yang terlibat haruslah dituduh di mahkamah tanpa mengira kedudukan politik atau sosial mereka. Rakyat adalah berhak membuat permintaan ini dan Kerajaan adalah berkewajipan bertindak sedemikian untuk mengelakkan kejadian seperti ini daripada berlaku pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, ingin saya mengesa Kerajaan menghadapi pergolakan politik di Sabah dengan gagah dan berani dan bertindak untuk mengawal keselamatan nyawa dan harta rakyat di situ. Kerajaan tidak sepatutnya membiarkan keadaan di Sabah merusuh. Krisis Sabah harus diselesaikan berdasarkan pada hak-hak asasi dan prinsip-prinsip demokrasi rakyat Sabah agar keadaan di Sabah tidak akan menjejaskan imej negara kita di masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini ingin saya menegaskan bahawa saya menyokong sepenuhnya usul ini. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Terap.

5.38 ptg.

Tuan Baharom bin Haji Bakar (Padang Terap): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam pembahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini pada 10hb Mac, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menghadapi suasana ekonomi meleset dan lembab, negara kita juga dibebankan dengan pelbagai masalah ekoran daripada keadaan tersebut seperti masalah kadar pengangguran meningkat, masalah penurunan harga barang-barang utama dan lain-lain lagi. Jaminan Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah perlu untuk mempertingkatkan taraf ekonomi para penduduk dalam menghadapi kelembapan ekonomi serta juga untuk meneruskan pelbagai projek besar yang berfaedah kepada rakyat adalah sangat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengangguran yang kian meningkat di dalam negara kita perlulah diberi perhatian berat oleh Kerajaan. Mengikut ramalan pada tahun ini dijangka kadar pengangguran negara akan melebihi 8%. Itupun tidak termasuk daripada kalangan mereka yang tidak berdaftar. Sebab-sebab ketara yang menambah kadar pengangguran negara ialah kesan daripada peristiwa pembuangan pekerja beramai-ramai yang telah dilakukan oleh majikan-majikan di sektor perkilangan, perlombongan dan sebagainya.

Antara alasan yang diberi oleh setengah majikan yang terlibat ialah mereka terpaksa memberhentikan para pekerja akibat daripada kemelesetan ekonomi negara. Dengan kemelesetan ekonomi ini mereka terpaksa mengurangkan kadar pengeluaran dan disebabkan permintaan berkurangan. Mereka itu juga mengalami kerugian sekiranya tindakan demikian tidak diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat alasan-alasan ini adalah tidak wajar. Oleh kerana sebelum ini mereka telah mengaut keuntungan yang banyak, majikan-majikan atau pengusaha-pengusaha berkenaan sebenarnya bukan mengalami kerugian yang besar tetapi mereka tidak mendapat keuntungan sepertimana sebelumnya. Atas alasan-alasan inilah para pengusaha berkenaan akan menutup kilang-kilang perusahaannya dan seterusnya berpindah ke negara-negara lain setelah mendapat taraf perintis daripada Kerajaan. Pengusaha-pengusaha ini akan berpindah kepada negara-negara yang lain yang dapat menawarkan kos gajit tenaga buruh yang murah. Dari sini jelaslah kepada kita bahawa peristiwa pemberhentian kerja beramai-ramai oleh majikan-majikan secara langsung mendedahkan sedikit-sebanyak kelemahan terhadap strategi perindustrian negara yang dijalankan sekarang ini.

Bersabit dengan berlakunya peristiwa ini juga, kajian semula haruslah dibuat dengan teliti terhadap pelan induk perindustrian yang diumumkan baru-baru ini. Kajian semula ini haruslah dibuat dengan tujuan untuk memastikan bahawa segala bentuk peristiwa pembuangan serta kebajikan para pekerja di sektor perindustrian tidak akan berulang lagi. Di samping itu juga pelaksanaan dasar buruh negara juga dikaji dan diperkembangkan lagi agar ianya dapat

memberi lebih banyak faedah serta manfaat kepada buruh-buruh dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini didapati kadar pertambahan kepada kemasukan para buruh asing atau import kian meningkat tanpa sekatan yang dibuat. Penggalakan kemasukan buruh import ini memberi kesan yang hebat kepada buruh tempatan dan seterusnya meningkatkan lagi kadar pengangguran dalam negara.

Adalah diharapkan agar Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Buruh dapat memperketatkan lagi syarat-syarat kemasukan serta lain-lain kelonggaran yang diberikan kepada mereka. Sekarang ini sudah sampai masanya untuk Kerajaan mengkaji semula kedudukan para buruh asing khususnya dari segi jumlahnya dalam negara. Sekiranya perlu segala permit kebenaran untuk membawa masuk para pekerja asing yang diberikan kepada agen-agen atau syarikat-syarikat yang menjaga kemasukan pekerja-pekerja asing ditarik balik. Langkah-langkah tegas perlu dibuat kepada mana-mana agen atau syarikat yang memberi pekerjaan kepada buruh-buruh luar ini. Sekiranya tindakan tegas tidak diambil oleh Kerajaan bukan sahaja menghadapi berbagai masalah untuk menampung keperluan mendapat kerja di kalangan buruh atau pekerja dalam negara yang dibuang kerja, malah Kerajaan juga harus memastikan para pekerja Malaysia yang dihantar pulang oleh Kerajaan Singapura tempoh hari juga diberi pembelaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah buruh asing juga boleh menimbulkan berbagai masalah sosial dan gejala-gejala yang kurang sehat. Banyak sudah peristiwa-peristiwa jenayah serta rompak yang berlaku di dalam negara ini adalah datangnya daripada kaum buruh asing yang mendatang.

Antara masalah lain yang harus diberi perhatian oleh Kerajaan sekarang ini adalah masalah kadar pengangguran di kalangan siswazah atau di kalangan lepasan pusat pengajian tinggi. Kadar pengangguran di kalangan ini begitu ketara sekarang. Adalah disyorkan sekiranya perlu Kerajaan harus mengadakan atau membentuk satu jawatankuasa petugas bagi membela nasib golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Kementerian Kesihatan perlulah memperbanyakkan lagi kemudahan-kemudahan perubatan kepada masyarakat luar bandar di pendalaman khususnya, hasrat Kementerian berkenaan untuk memperbanyakkan lagi Pusat Kesihatan serta Klinik-klinik Kecil adalah dialu-alukan. Di samping itu langkah Kementerian Kesihatan untuk menghantar doktor-doktor serta Pegawai-pegawai Perubatan yang pakar di kawasan pendalaman haruslah dipercepatkan. Saya yakin seluruh rakyat di kawasan pendalaman di luar bandar menyambut baik akan usaha ini kerana para penduduk di luar bandar juga memerlukan doktor-doktor serta Pegawai-pegawai Perubatan yang pakar seperti kemudahan yang didapati oleh penduduk-penduduk dalam bandar. Adalah juga diharapkan agar Kementerian Kesihatan dapat memberikan keutamaan untuk mendirikan sebuah hospital baru di Daerah Padang Terap kerana cadangan untuk mendirikannya telah lama dibuat. Adalah terlalu sukar untuk para penduduk di pendalaman Padang Terap untuk mendapat kemudahan rawatan khususnya di waktu-waktu berlakunya kecemasan kerana ianya terletak agak jauh dengan Hospital Besar Alor Setar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam isu BMF pula, saya ingin mengucapkan tahniah di atas sikap berani dan rasa bertanggungjawab Kerajaan untuk membentangkan Kertas Putih BMF.

Tahniah juga diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Penyiasat BMF yang diketuai oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Noordin serta rakan-rakannya bekerja keras menyiapkan laporan ini. Dengan pendedahan ini adalah diharapkan terhapuslah segala bentuk keraguan serta anggapan setengah-setengah pihak bahawa Kerajaan tidak berani untuk membentangkan Kertas Putih ini oleh kerana banyak para pemimpin tertinggi Kerajaan terlibat. Sesungguhnya banyak kejayaan membentangkan Kertas Putih ini menunjukkan bahawa Kerajaan tetap mengamalkan dan mempraktikkan konsep Bersih, Cekap dan Amanah. Dalam laporan Kertas Putih ini kita dapati terdapat segelintir para pegawai bank yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan mengurus dan mentadbirkan bank berkenaan telah menyalahgunakan kuasa yang diberikan untuk memuaskan nafsu mengikut kepentingan diri sendiri. Golongan ini sanggup melakukan penipuan, penyalahgunaan wang dan sehingga sanggup mengenyahkan Undang-undang dan Peraturan-peraturan Bank seperti yang telah dipertetapkan.

Sesungguhnya peristiwa BMF ini juga melibatkan persoalan kewibawaan dan moral mereka yang telah dipertanggungjawabkan oleh rakyat dan negara tetapi telah menyalahgunakan kuasa. Dengan pembentangan Kertas Putih ini Kerajaan tentunya telah dapat mengumpul banyak maklumat serta mengorak langkah bagi mengambil tindakan selanjutnya untuk memastikan wang yang hilang dapat diperolehi kembali. Keduaanya, bagaimana untuk mengambil tindakan susulan selanjutnya dan, ketiganya untuk memastikan supaya perkara BMF tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kertas Putih Memali, saya ingin merakamkan tahniah kepada

Kerajaan, khususnya Kementerian Dalam Negeri yang bertindak tegas lagi berani untuk membentangkan Kertas Putih berhubung dengan peristiwa berdarah di Kampung Memali, Baling, Kedah pada 19hb November 1985 yang lalu. Dengan pembentangan ini menunjukkan bahawa Kerajaan begitu bertanggungjawab terhadap berlakunya peristiwa tersebut dan ingin memberikan gambaran yang lebih jelas akan sebab-sebab berlakunya dan tercetusnya peristiwa Memali.

Di samping itu juga untuk membuktikan bahawa Kerajaan begitu bertanggungjawab bagi memelihara kesucian agama Islam, ketenteraman awam dan keselamatan negara. Dengan pembentangan Kertas Putih ini juga adalah diharapkan dapat menghapuskan sebarang kekeliruan di kalangan orang ramai serta pihak-pihak yang tertentu yang beranggapan serung terhadap Kerajaan berhubung dengan tercetusnya peristiwa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang terkandung dalam Kertas Putih itu jelaslah kepada kita bahawa di dalam negara ini telah pun wujud golongan pelampau, ekstrimis agama atau bertopengkan agama untuk mengganggu-gugat keamanan, ketenteraman dan kedamaian negara ini. Golongan-golongan ini sanggup menodai kesucian agama Islam untuk kepentingan diri dan politik mereka. Golongan ini bukan sahaja sanggup menggunakan sentimen agama, malah sanggup menjatuhkan imej agama serta imej bangsa Melayu di bumi Melayu sendiri. Nyatalah kepada kita bahawa betapa tingginya hasrat serta cita-cita golongan ini untuk memerintah negara sehingga sanggup menggunakan kekerasan dan mengenyahkan undang-undang serta sanggup pula melakukan pertumpahan darah. Setelah menyedari hakikat bahawa sistem demokrasi berparlimen dan raja berpelembagaan yang

diamalkan di dalam negara ini tidak dapat menjanjikan golongan ini untuk memegang tampuk pemerintah, malah juga tidak mendapat restu serta sokongan daripada kalangan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pembentangan Kertas Putih ini maka terhapuslah juga dakwaan pihak-pihak tertentu yang bersimpati dan bertanggungjawab tercetusnya peristiwa ini yang telah membaling batu dan menyembunyikan tangan bahawa peristiwa ini berlaku secara kebetulan iaitu akibat daripada tindakan operasi penangkapan ke atas Ibrahim Libya yang telah dijalankan oleh pasukan keselamatan. Bukti-bukti jelas menunjukkan bahawa peristiwa ini berlaku bukannya secara kebetulan malah seperti mendapatkan persiapan serta perancangan-perancangan yang sudah disusun rapi serta menggunakan senjata-senjata tajam yang merbahaya termasuk senjatapi. Mewujudkan para pengawal yang dikenal sebagai pengawal Mujahideen atau pengawal Jihad dan rancangan-rancangan untuk menawan balai polis berdekatan, menawan para pemimpin UMNO serta juga untuk menawan Wisma Negeri dan Menteri Besar Kedah. Di samping itu juga rancangan untuk membentuk sebuah Kerajaan revolusi Islam di dalam negara ini. Jelaslah bahawa segala bentuk persiapan dan rancangan adalah diatur terlebih dahulu bukan hanya secara kebetulan.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada peristiwa hitam ini Kerajaan haruslah berwaspada dan perlu mengambil langkah-langkah dan tindakan yang lebih tegas lagi kepada mana-mana pihak yang cuba menimbulkan huru hara di dalam negara. Saya beranggapan bahawa peristiwa Memali tercetus akibat daripada sikap Kerajaan sendiri yang begitu berlembut dan tidak membuat sesuatu tindakan awal yang berkesan.

Adalah tidak dinafikan bahawa peristiwa Memali adalah ekoran daripada peristiwa berdarah di Lubuk Merbau yang berlaku semasa kempen pilihanraya kecil di Padang Terap pada 18hb Januari, 1985 yang lalu. Dari situlah bermula titik permulaan terhadap berlakunya peristiwa Memali. Sesungguhnya peristiwa Memali ini merupakan satu peristiwa yang patut menyedarkan kita tentang betapa pentingnya sesuatu tindakan tegas amat perlu dilakukan dari semasa ke semasa supaya kejadian-kejadian seperti ini tidak akan berulang lagi.

Sebagai seorang beragama Islam, saya amat merasa sedih di atas berlaku peristiwa Memali ini. Kita haruslah mengambil teladan terhadap berlaku peristiwa ini kerana tidak siapa pun yang beruntung malah rakyat biasa yang dihasut dan dibakar dengan semangat jihad dan mati syahid yang disalah tafsirkan untuk kepentingan diri yang murah. Di dalam hal ini saya yakin bahawa para pemimpin PAS haruslah bertanggungjawab di dalam ucapan-ucapan dan ceramah-ceramah mereka agar tidak melampaui batasan dan hendaklah meletakkan perpaduan ummah di atas segala kepentingan lain sama ada kepentingan diri atau politiknya.

Para pemimpin PAS haruslah menyedari bahawa segala bentuk kerjasama mereka adalah amat penting di dalam mewujudkan keharmonian hidup di dalam masyarakat Malaysia, janganlah cuma mengharapkan tindakan Kerajaan semata-mata bagi mengatasi masalah ini sedangkan mereka hanya pandai mengkritik itu tidak betul dan ini tidak betul tanpa berusaha untuk mengatasinya. Saya yakin Kerajaan akan menerima segala kritikan dan teguran-teguran yang membina daripada para pemimpin PAS mengikut saluran-saluran tertentu tetapi adalah dikesalkan para-pada pemimpin PAS mengambil tindakan yang sebaliknya iaitu tindakan melulu

tanpa memikirkan kesan buruk yang akan dihadapi. Tindakan-tindakan seperti menabur fitnah, tohmah yang bukan-bukan sehinggalah sanggup membakarkan semangat perjuangan dengan kekerasan, malah juga sanggup menuduh Kerajaan yang memerintah sebagai Kerajaan kafir dan zalim, ini adalah bukan caranya. Yang sebenarnya mewujudkan perpaduan ummah di kalangan umat Islam malah tidak dituntut oleh agama Islam. Saya yakin muzkarah di antara UMNO dan PAS yang sedang dirancangan akan dapat diadakan segera walaupun tidak dapat mengatasi semua masalah tetapi adalah diharap sedikit sebanyak dapat menyelesaikan masalah perpaduan ummah di antara UMNO dan PAS yang telah mencapai satu tahap yang membimbangkan sekarang ini. Suka saya mengulangi bahawa dalam apa cara sekalipun perjuangan PAS tidak akan mempunyai apa-apa makna jika mereka terus mengkafirkan sesama Islam dan meneruskan fatwa-fatwa yang boleh memecahbelahkan perpaduan ummah yang akan membawa kepada keruntuhan orang-orang Melayu yang beragama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu melalui Dewan yang mulia ini supaya semua pihak mengambil contoh teladan dan iktibar dari peristiwa Memali ini supaya ianya akan memberikan keinsafan kepada kita semua dalam mencari perpaduan ummah dan meletakkan negara ini di dalam keadaan harmoni selama-lamanya.

Akhirnya, saya menyokong Usul mengucapkan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda di dalam merasmikan mesyuarat Penggal Parlimen kali ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat hendak menjawab?

Perdana Menteri: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

5.48 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan syorsyor yang membina terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan Titah Ucapan Diraja pada tahun ini nampaknya tidak tertumpu kepada isi kandungan ucapan dasar yang penting itu tetapi lebih tertumpu kepada dua peristiwa yang memikat hati Ahli-ahli Yang Berhormat terutama Ahli-ahli dari parti Pembangkang. Kerajaan telah mengeluarkan Kertas Putih berkenaan dengan peristiwa Memali dan skandal BMF bersama-sama dengan laporan lengkap Jawatankuasa Penyiasat BMF dengan tujuan supaya rakyat dapat maklumat yang sebenar berkenaan dengan kejadian-kejadian ini. Malangnya kebenaran tidak mendapat perhatian, sebaliknya Ahli-ahli daripada parti Pembangkang berminat bahkan asyik dengan mengadakan "witch-hunt", dengan izin. Orang yang jelas bersalah tidak dipedulikan. Begitu juga kehilangan duit yang banyak tidak mendapat perhatian. Yang menarik ialah aspek-aspek yang boleh dipolitisasikan untuk tujuan-tujuan tertentu.

Cadangan telah dibuat supaya diadakan Suruhanjaya Diraja dan Special Prosecution Team. Ini seolah-olah tidak percaya kepada laporan yang telah dibentang atau kepada agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mendakwa segala jenayah dalam negara kita. Sebenarnya Jawatankuasa Penyiasat telah menyiasat lebih daripada bidang

tugasnya. Jika Suruhanjaya Diraja terlindung dari tindakan undang-undang Jawatankuasa Penyiasat juga terlindung. Pendapat peguam di Malaysia ialah jika sesiapa berani membuat saman malu terhadap Jawatankuasa tersebut ia akan disoal dalam mahkamah sehingga lebih banyak keburukannya akan terdedah. Dia juga boleh dituduh dengan tuduhan palsu kerana, kata peguam, dengan izin, "defamatory statements made in the interest of the public are privileged and this would hold good even if the information contained are false."

Ramai juga yang sanggup mempertahankan Jawatankuasa Penyiasat jika ia disaman. Tidaklah benar bahawa Jawatankuasa Penyiasat tidak terlindung. Apakah gunanya Suruhanjaya Diraja selain dari menerusi "witch-hunt" dengan maksud-maksud tertentu. Duit yang telah hilang tidak akan dapat diperolehi semula kerana "witch-hunt" ini, tetapi dengan pergolakan dan publisiti berikutnya maka kepercayaan rakyat dan dunia terhadap bank-bank Malaysia dan ekonominya akan terjejas. Pelaburan baik oleh orang tempatan, mahupun orang asing akan berkurangan. Seterusnya pemulihan ekonomi negara yang sedang meleset akan menjadi lebih sukar lagi. Kerajaan tidak berniat untuk melepaskan sahaja mereka yang menyamun duit negara. Apa juga tindakan yang perlu diambil telah diambil dan akan diambil, tetapi walaupun kita ingin mendera orang yang salah, janganlah kita mendakwa siapa sahaja untuk melepaskan geram kita. Setiap tuduhan mesti diasiat dengan rapi supaya tidak sesiapa teraniaya kerana hendak memuaskan selera orang-orang tertentu.

Laporan Jawatankuasa Penyiasat bukan "investigation paper police" kerana Jawatankuasa Penyiasat bukanlah Polis. Siasatannya tidak

lengkap dan tidak teliti, sebab itu surat yang mengandungi tandatangan palsu diterima bulat-bulat sebagai "exhibit" yang sah dan tuduhan dilemparkan. Begitu juga surat dari penjenayah, catitan dalam diary dan surat peribadi, semua diiktiraf sebagai benar. Nampaknya jika seseorang menyebut nama-nama tertentu, maka bagi Jawatankuasa Penyiasat ini bermakna penama itu salah. Jika demikianlah asas pengadilan, maka seseorang hanya perlu menulis nama sesiapa sahaja yang ia benci berkenaan dengan sesuatu jenayah, maka sasarannya akan didakwa dan dihukum.

Sebenarnya pihak yang bertanggungjawab dalam Kerajaan, iaitu Peguam Negara dan Polis harus menyiasat dengan lebih teliti sebelum mendakwa sesiapa. Hanya jika pihak mereka berpuas hati ada kes barulah dakwaan akan dibuat. Tidak ada sebab kenapa "Special Prosecution Team" hendak diadakan, melainkan kita ingin membelakangkan proses biasa dan menggantikannya dengan sebuah "kangaroo court" seperti yang terdapat di beberapa negara komunis dan dictatorship.

Seperkara yang agak diketepikan ialah jenayah ini berlaku di Hong Kong dan Kerajaan Malaysia tidak mempunyai "jurisdiction" di sana. Hanya yang boleh dibuat ialah memberi kerjasama kepada Kerajaan Hong Kong dan ini telah dan sedang dibuat. Namun demikian, di mana sahaja kita berhak, kita telah mengambil tindakan. Sebab itu, harta mereka yang jelas terlibat telah dibekukan atau diambil-alih oleh bank. Percubaan untuk mengekalkan publisiti terhadap skandal BMF kerana kononnya begitu marah skandal tersebut tidak akan mendatangkan kebaikan kepada negara. Yang perlu sekarang ialah tindakan yang diambil untuk menghukum orang yang salah dan jika boleh, mendapat balik sebahagian dari wang yang telah

hilang. Semua ini sedang diurus oleh Bank Bumiputra. Jika pihak Pembangkang ada maklumat yang boleh menolong Bank Bumiputra, sila sampaikan kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kata bahawa akan bergantung kepada pihak Polis dan Peguam Negara untuk menentukan sama ada jenayah-jenayah yang boleh diambil tindakan di negara ini. Bagaimana pihak Polis akan boleh memulakan siasatan, kalau Special Brief I, Special Brief II, Special Brief Part III kesemuanya tidak dikemukakan kepada pihak Polis yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Ahmad Noordin bahawa perkara ini dirujuk dan dilaporkan kepada pihak Polis.

Kedua, mengenai jenayah dilakukan di Hong Kong dan di negara kita tidak boleh ambil apa-apa tindakan, bukankah benar bahawa di bawah Akta Mencegah Korupsi atau Prevention of Corruption Act, peruntukan ada di mana "extra-territorial" ialah di mana jenayah rasuah yang berlaku di luar negeri boleh bertindak di negara kita dan kenapa peruntukan ini tidak mahu digunakan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah jelaskan tadi segala tindakan yang perlu diambil telah diambil oleh pihak bank dan pihak Kerajaan. Kalau Ahli Yang terhormat berpendapat bahawa ini belum diambil, itu adalah maklumat yang terdapat kepada dia, tetapi bukanlah maklumat yang terdapat kepada saya. Hendak bercakap lagi? (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Bahagian yang kedua!

Perdana Menteri: Bahagian yang kedua, itu juga termasuk dalam tindakan yang sedang diambil, tetapi sebelum diambil, perlulah kita membuat kajian sama ada kita akan berjaya ataupun tidak. Kalau Ahli Yang Berhormat mendengar penjelasan saya tadi tak payahlah membuat soalan, kerana jawapannya sudahpun ada, iaitu tindakan sedang dan telah diambil (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah satu jawapan yang tepat diberi sama ada Special Brief Part I, Special Brief Part II dan Special Brief Part III dilaporkan kepada pihak Polis yang direkomen oleh Jawatankuasa Ahmad Noordin, spesifik sahaja.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, semua laporan itu bukan sahaja terdapat kepada Polis, tetapi orang ramai pun boleh dapat laporan semua ini. Jadi, saya tak nampak macam mana Ahli Yang Berhormat membuat anggapan bahawa itu tidak terdapat kepada pihak Polis. Walaupun demikian, semua perkara akan disampaikan kepada Polis apabila pihak bank berpuas hati bahawa ada kes sebelum ianya membuat laporan dan saya tidak dapat memberi maklumat sama ada bank telah membuat laporan ataupun tidak, tetapi saya percaya bahawa mereka telah mengambil tindakan yang perlu diambil oleh mereka sekarang ini. Puas hatikah? (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Tak puas hatilah, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa dalam perkara ini sudah 3 bulan dan apabila Laporan Terakhir dikemukakan dengan Special Brief III itu dan sampai sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Ketua dalam Kerajaan tidak boleh memberi satu jawapan yang tepat, satu jawapan yang kabur (*vague*) sahaja.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, laporan itu bukanlah satu novel, ianya setebal itu dan ianya perlu dikaji oleh loyar-loyar bank dengan secara teliti. Sepertimana Tuan Yang di-Pertua tentu maklum, sebagai seorang yang menjadi loyar dan juga telah biasa menjadi Hakim, membaca sesuatu dokumen untuk dikemukakan ke dalam mahkamah bukan boleh dibaca begitu sahaja, tetapi mesti diteliti tiap-tiap satu perkataan yang ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat banyak yang berpendapat bahawa masa tidak cukup untuk membaca, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat membaca cuma sebagai satu laporan sahaja, pihak bank bukannya membaca sebagai satu laporan biasa, tetapi satu laporan yang ada kaitannya dengan perjalanan bank. Jadi, kalau bank mengambil tindakan tanpa mendapat nasihat daripada peguam-peguam yang berkebolehan, maka mungkin bank akan mengambil tindakan yang tidak tepat yang akan mencemar nama-nama orang yang tidak bersalah.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata berapa lama Bank Bumiputra mahu ambil sebelum satu keputusan dibuat. Dan oleh kerana siasatan dibuat oleh Jawatankuasa Ahmad Noordin adalah butir-butiran dan "recommendation" yang spesifik, bukannya lebih munasabah, lebih wajar selepas perbelanjaan \$2 juta, dua tahun oleh tiga orang anggota bahawa perakuan-perakuan Jawatankuasa diterima bahawa laporan dibuat dengan rasmi kepada pihak Polis oleh Bank Bumiputra supaya Polis boleh memulakan siasatan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya, Ahli Yang Berhormat belum tahu sama ada laporan dibuat dan polis telah menjalankan kajian atau tidak. Tetapi berkenaan dengan Laporan yang

dibuat oleh Jawatankuasa Ahmad Noordin yang dikatakan tepat dan sebagainya, satu daripada Lapornya ialah seorang peguam di Malaysia ini telah menandatangani satu dokumen yang apabila ditunjuk kepada peguam ini dan dibandingkan dengan tandatangan biasanya didapati tak sama-sama sekali; dan ini telah diterima oleh Jawatankuasa Ahmad Noordin sebagai bukti bahawa lawyer ini terlibat. Oleh kerana ada kesilapan-kesilapan semacam ini yang melibatkan nama-nama orang yang tertentu, maka perlulah pihak Bank mengkaji dengan teliti dokumen ini tentang berapa lama, ini terpulang kepada pihak Bank. Mungkin ada orang yang boleh baca report setebal itu dalam masa satu hari, tetapi itu kerana mereka adalah orang yang begitu pandai sekali. Tetapi orang lain yang menjalankan tugas dan membaca buku agak memakan masa yang lama sedikit. Jadi saya tidak boleh buat ukuran yang tepat tentang berapa lama masa yang akan diambil.

Tetapi harus diingat bahawa untuk menyediakan Laporan ini juga mengambil masa dan membacanya juga akan mengambil masa. Apa yang harus diingat ialah pihak Kerajaan tidak sama sekali ingin membiarkan penyamun-penyamun yang menyamun duit kita ini terlepas begitu sahaja. Tetapi walaupun demikian, tidaklah menjadi niat Kerajaan untuk menyalahkan orang itu dan orang ini tanpa mendapat bukti-bukti yang benar. Kita bukan berhajat untuk mendera sesiapa sahaja sebagai scapegoat, kita nak cari orang yang betul-betul terlibat. Itulah tugas Kerajaan — berbeza sedikit daripada tugas Ahli daripada parti lawan (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan saya mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Datuk Ahmad Noordin dan Jawatankuasanya. Tidak sesiapa dapat menafikan bahawa

Laporan yang disediakan adalah comprehensive dan berguna. Pendedahan terhadap kecurangan dan penipuan yang dibuat oleh orang-orang tertentu adalah hasil usaha yang terpuji. Jika tidak kerana beberapa sindiran terhadap orang-orang yang tidak dapat mempertahankan diri dengan publisiti, Laporan ini boleh menjadi satu classical work yang tidak ada bandingannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai Ahli Yang Berhormat terpicak dengan BMF, Kertas Putih berkenaan dengan Memali tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Sebenarnya peristiwa Memali tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Sebenarnya peristiwa Memali tidak kurang buruknya daripada scandal BMF. Jika BMF ialah cerita penipuan yang besar, Memali mendedahkan jenayah yang paling bahaya kepada negara. Dalam Peristiwa Memali satu kumpulan fanatik telah mencabar kewibawaan Kerajaan. Mereka tidak akui hak polis untuk menguatkuasakan undang-undang. Mereka mengadakan pasukan kawalan peribadi yang bersenjata yang sanggup membunuh. Mereka melengkapkan diri dengan anika jenis senjata yang tidak pernah digunakan di Malaysia, seperti Molotov Cocktail, anak panah beracun dan jamung ataupun firebrand. Mereka memperalatkan wanita tua dan muda dan kanak-kanak sebagai perisai bagi lelaki yang pengecut. Mereka menipu diri dengan kepercayaan mereka kebal. Mereka dilatih untuk melindungi diri daripada berbagai alat yang digunakan oleh pihak polis.

Hari ini peristiwa ini berlaku di Memali, pihak Polis tidak bebas bertindak kerana takut mencederakan orang. Sudah ada kumpulan-kumpulan lain yang berpendapat jika mereka beramai-ramai menentang polis, maka polis akan menjadi kaku kerana takut mencederakan orang. Oleh itu mencabar polis mungkin dibuat oleh

kumpulan-kumpulan yang lain. Jika polis berasa serba-salah dan takut dikatakan bengis, maka polis sebagai ejen keselamatan tidak akan berkesan lagi. Dengan ini masyarakat di tempat-tempat tertentu tidak akan berasa selamat. Dalam keadaan ini samseng mungkin bermaharajalela seperti di zaman dahulu. Inilah bahayanya peristiwa Memali. Teladan yang buruk telah ditunjukkan. Jika pasukan polis yang sanggup mati untuk menjaga keamanan kita tidak dihargai, maka semangat mereka akan menjadi lemah. Alhamdulillah, ini belum berlaku, tetapi kita tidak boleh terlalu yakin ini tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandau dan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang telah membangkitkan masalah di Sabah. Kerajaan berasa bimbang dengan perkembangan yang sedang berlaku, tetapi terpaksa berhati-hati dalam mengambil tindakan kerana bukan sahaja soal keselamatan (security) yang terlibat tetapi ada juga penglibatan politik bersama. Keadaan di Sabah adalah tegang. Perniagaan telah terhenti di beberapa buah bandar utama. Sekolah ditutup kerana ibu bapa tidak senang hati untuk menghantar anak mereka ke sekolah. Penduduk di beberapa buah tempat tidak berani meninggalkan rumah, bahkan ada yang bersiap sedia untuk mempertahankan diri ataupun mengadakan serang-balas. Namun demikian Kerajaan Persekutuan tidak bercadang mengisytiharkan darurat jika ini dapat dielakkan.

Kita telah cuba mencari penyelesaian politik. Malangnya ada pihak-pihak yang tidak begitu tertarik dengan cara ini. Mereka mempunyai cara penyelesaian yang tersendiri. Kerajaan Persekutuan berharap cara yang disyorkan oleh pihak ini tidak akan. oleh pihak ini akan berjaya. Sebagai Kerajaan Persekutuan kita tidak akan memihak

kepada mana-mana pihak tetapi akan menentukan keamanan wujud dan pilihanraya diadakan. Pihak polis akan menjalankan tugas mereka seperti biasa tanpa pilih kasih. Sehingga sekarang, polis telah menahan hampir 800 orang. Mereka yang ditahan ini yang bukan warganegara telah dikeluarkan dari Sabah. Tindakan undang-undang akan diambil terhadap sesiapa juga yang didapati terlibat dengan kegiatan jenayah.

Saya ingin menyatakan bahawa walaupun keadaan di Sabah tegang tetapi keselamatan keseluruhannya adalah terkawal. Pihak polis mampu menjaga keselamatan. Jika perlu pasukan-pasukan tambahan akan dihantar dari Semenanjung. Sementara itu segala usaha akan dibuat untuk mententeramkan keadaan dan memulih semula keamanan supaya pilihanraya baru dapat diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membuat satu kenyataan yang memberi implikasi bahawa Peguam Negara dalam hal tindakan pendakwaan bertanggungjawab kepada Perdana Menteri dan Kabinet yang pada fahamannya perlu dirujuk dan dirundingi sebelum tindakan dakwaan dibuat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, tanggungjawab Peguam Negara dalam hal-hal pendakwaan adalah mengikut Perkara 145 (3) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan itu memberi kuasa kepada Peguam Negara dengan menggunakan budi-bicaranya untuk memulakan menjalankan atau menghentikan apa-apa proceeding jenayah. Ini bermakna bahawa dalam hal-hal pendakwaan Perlembagaan memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk bertindak secara bebas menurut prinsip undang-undang tanpa perlu merujuk atau berunding dengan Perdana Menteri ataupun Kabinet.

Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong Karang telah menyentuh mengenai usaha-usaha berjimat cermat dalam perbelanjaan projek-projek pembangunan Kerajaan. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri sentiasa mengkaji semula keutamaan projek-projek untuk kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat terutama projek-projek besar yang masih belum dilaksanakan. Dalam hal ini, pelaksanaan projek-projek yang rendah keutamaannya dari segi kepentingan negara dan rakyat keseluruhannya dan projek-projek yang melibatkan perbelanjaan yang besar terus ditangguhkan untuk disesuaikan dengan keadaan ekonomi negara. Di samping itu, kos dan mutu bagi projek-projek juga akan terus dikawal supaya tidak berlaku pembaziran apabila dilaksanakan.

Sebagai langkah penjimatan untuk menyelaraskan bayaran gaji para pekerja awam dengan hasil-hasil pengeluaran mereka, Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah Suruhanjaya khusus untuk menyemak kadar gaji para pekerja awam. Sebenarnya Kerajaan memang telah mengumpul data dari masa ke semasa kadar gaji pekerja-pekerja awam di negara-negara lain di rantau ini dan juga di negara-negara yang telah maju. Data-data ini digunakan untuk kajian perbandingan. Pada masa ini Kerajaan tidak memikirkan perlu satu Suruhanjaya ditubuh.

Di samping itu, Kerajaan sedang dan akan terus mengambil beberapa langkah penjimatan yang sesuai dalam Perkhidmatan Awam. Langkah-langkah ini ialah pembekuan jawatan-jawatan kosong yang tidak begitu penting dan penswastaaan agensi-agensi dan projek-projek Kerajaan yang sesuai. Di samping itu, kajian sedang dibuat untuk mengurangkan saiz Perkhidmatan Awam dan meningkatkan produktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Lambir telah membangkitkan berkait dengan kerja-kerja berat yang ditawarkan oleh PETRONAS. Pada tahun 1984/1985 sebanyak 45.8% daripada jumlah nilai kontrak telah diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan. Sungguhpun sebahagian besar daripada kerja-kerja berat seperti fabrikasi telah diberikan kepada syarikat-syarikat asing, PETRONAS telah mengenakan syarat kepada kontraktor-kontraktor berkenaan supaya menggunakan badan-badan tempatan, melainkan jika barang-barang yang diperlukan tidak dikeluarkan di Malaysia.

Di samping itu, pembelian bahan-bahan yang diimport, hendaklah dibuat melalui syarikat-syarikat tempatan. Tidaklah wajar untuk mensyaratkan supaya semua bahan-bahan yang diperlukan diperolehi di dalam negeri kerana sebahagian daripada bahan-bahan tersebut memerlukan spesifikasi teknikal yang tinggi untuk dikeluarkan di dalam negeri.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk meningkatkan dari semasa ke semasa penglibatan kontraktor-kontraktor tempatan bagi kerja-kerja berat yang ditawarkan oleh PETRONAS. PETRONAS juga sentiasa mengawasi dari masa ke semasa jenis-jenis kerja yang boleh dijalankan oleh pemborong-pemborong dan pembekal-pembekal tempatan. Di samping itu, sekiranya keperluan teknikal dapat dipenuhi, PETRONAS memang berusaha supaya kontrak-kontrak besar dipecahkan kepada beberapa bahagian kecil bagi membolehkan kontraktor-kontraktor tempatan mengambil bahagian.

Mengenai usaha sama di antara syarikat-syarikat asing dan syarikat-syarikat tempatan, PETRONAS

sentiasa menasihati syarikat-syarikat asing ke jalan ini. Malah di bawah peraturan bagi mendapatkan lesen di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974, sekurang-kurangnya 70% saham haruslah dimiliki oleh rakyat Malaysia dan sekurang-kurangnya 30% saham dari jumlah saham dimiliki oleh bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ajaran sesat telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang. Memang ada ajaran sesat yang sebar oleh orang luar. Oleh kerana kemasukan mereka ini bukan sebagai pendakwah adalah sukar untuk mengawal kemasukan mereka. Walaupun begitu, pihak berkuasa agama Islam Kerajaan Negeri mempunyai kuasa yang mencukupi untuk mencegah penyebaran ajaran sesat dan mengambil tindakan undang-undang terhadap orang yang menyebarkan atau menyebarkan untuk mengajar agama Islam tanpa kebenaran dan orang yang menyebarkan ajaran salah. Walau bagaimanapun, kumpulan orang yang berzikir dan berhijrah dari masjid ke masjid bukanlah penganut ajaran songsang atau ajaran sesat.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta mendakwa bahawa pelaksanaan beberapa dasar Kerajaan oleh pegawai-pegawai Kerajaan telah banyak membawa kesan yang buruk dan menyebabkan peningkatan polarisasi kaum. Kenyataan ini terlalu umum. Dasar-dasar manakah yang dikatakan telah menimbulkan kesan yang buruk dan meningkatkan polarisasi kaum itu? Dasar-dasar utama Kerajaan telah digubal dan dilaksanakan dengan tujuan untuk mewujudkan perpaduan, bukan sebaliknya. Pelaksanaan dasar-dasar ini dalam masyarakat majmuk kita sudah semestinya memerlukan masa yang agak panjang. Yang penting kita ingatkan ialah rakyat Malaysia dari semua keturunan telah menikmati hasil daripada pelaksanaan dasar-dasar

tersebut khususnya Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Oleh itu, tidaklah adil bagi kita terlampau mempersoalkan pelaksanaan dasar-dasar itu seolah-olah dasar-dasar itu membawa keburukan sahaja kepada rakyat negara ini tanpa apa-apa kebaikan.

Perkara rasuah selalu sangat diperkatakan oleh orang ramai seperti Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat, ada yang bangun.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.26 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesainya jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Dewan ditangguhkan selepas itu.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada Usul bahawa persidangan ini tidak ditangguhkan sehingga selesainya jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada petang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesainya jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Dewan ditangguhkan selepas itu.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI- PERTUAN AGUNG

Perbincangan disambung semula.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara rasuah selalu sangat diperkatakan oleh orang ramai seperti Ahli Yang Berhormat dari Petaling, oleh kerana bercakap mengenainya lebih mudah daripada mengambil tindakan untuk menghapuskan. Sebenarnya, amalan rasuah negara kita adalah terkawal. Badan Pencegah Rasuah sentiasa melipatgandakan usaha-usaha memerangi rasuah terutama dari segi siasatan, perisikan dan juga pencegahan.

Sebagaimana yang telah ditegaskan beberapa kali di Dewan yang mulia ini, usaha-usaha menghapuskan rasuah bukanlah satu kerja yang mudah kerana ianya memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua anggota masyarakat. Kerjasama anggota masyarakat untuk tampil ke hadapan memberikan keterangan-keterangan serta bukti-bukti yang secukupnya adalah perlu, kerana kes-kes rasuah selalunya susah untuk dibuktikan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Kit Siang: Apakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa kalau satu, dengan izin, "opinion poll", dibuat tanya rakyat sama ada sebelum Kerajaan 2M masalah rasuah lebih besar atau sekarang Kerajaan 1M, rakyat akan kata bahawa masalah rasuah sekarang lebih bermaharajalela. Dan bukankah ini satu masalah yang patut diterima perhatian yang berat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, khasnya apabila beliau memulakan pentadbirannya dengan slogan ABC — Beramanah, Bersih dan Cekap?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat akan mendapat peluang ini bila kita ada pilihanraya dan dia boleh menjadikan soal rasuah ini sebagai satu isu dan kita akan lihat sama ada dia dapat menjadi Kerajaan ataupun tidak (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kegiatan-kegiatan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa iaitu ISIS Malaysia yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, sukalah saya menjelaskan bahawa ISIS telah ditubuhkan pada 8hb April, 1983 untuk memberi idea-idea dan pandangan-pandangan kedua mengenai isu-isu semasa yang penting dan berkaitan dengan dasar-dasar Kerajaan.

Selaras dengan tujuan tersebut, ISIS telah mengaturkan beberapa kegiatan yang meliputi persidangan, colloquium, forum, perbincangan umum dan lain-lain bentuk penyelidikan yang berkaitan dengan kepentingan nasional. Suka saya memaklumkan bahawa hal-hal berkaitan dengan ekonomi, sememangnya menjadi satu perkara yang diberi perhatian oleh ISIS. Adalah menjadi amalan ISIS untuk mengemukakan hasil-hasil kajian kepada Kerajaan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas telah membangkitkan masalah polarisasi kaum yang mana ini harus dikaji dan ditentukan landasan-landasan pembangunan nasional. Saya amat bersetuju tentang pembangunan nasional.

Masalah yang kita hadapi di dalam negara kita ini ialah kita mempunyai penduduk yang berbagai kaum dan ada setengah-setengah orang yang berpendapat bahawa adanya kaum-kaum yang berbeza-beza di dalam negara kita ini memberi peluang kepada mereka menggunakan perasaan perkauman untuk mendapat sesuatu.

Sebab itu ada parti-parti yang telah ditubuhkan dengan tujuan memainkan isu-isu perkauman, membesar-besarkan perkara-perkara yang kecil. Dengan adanya parti-parti yang semacam ini, yang tidak pernah lupa akan tugasnya untuk membakar perasaan berkenaan dengan perkauman ini, maka amat sukarlah bagi kita untuk menyatu-padukan rakyat dan mewujudkan satu perasaan untuk pembangunan nasional.

Selagi parti-parti seperti ini ada di Malaysia ini, selama itulah kita akan menghadapi masalah polarisasi kaum ini. Jadi tugas utama kita untuk menentukan bahawa tidak ada polarisasi kaum ialah dengan cara rakyat menghapuskan parti-parti yang selalu sangat membangkitkan soal kaum ini (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Padang Serai telah menuntut supaya pembukaan tanah digalakkan oleh pihak yang terlibat dengan pertanian dalam negara kita. Ini memang menjadi satu daripada usaha-usaha Kerajaan sejak kita mencapai kemerdekaan, kita telah membuka banyak ladang-ladang dan usaha ini dijalankan, terutamanya oleh

pihak Felda dan pihak-pihak lain juga telah mendapat peluang untuk membuka ladang-ladang yang baru.

Di samping itu, memandangkan bahawa sekarang ini kita menghadapi masalah kemelesetan ekonomi, maka pihak Kerajaan bercadang untuk menimbangankan permohonan yang wajar daripada pihak-pihak tertentu untuk mendapat tanah untuk tujuan-tujuan yang boleh menolong mewujudkan peluang-peluang kerja bagi rakyat di negara kita ini.

Sehubungan dengan ini, ingin saya jelaskan bahawa soal tanah di bawah State List dan pihak Kerajaan Negeri mestilah memberi persetujuannya sebelum kita dapat meneruskan rancangan baru oleh pihak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai juga telah berkata bahawa Rancangan Buku Hijau telah gagal. Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar kerana Rancangan Buku Hijau ini diadakan pada satu ketika dahulu di waktu mana kita menghadapi kemelesetan ekonomi dan kita berpendapat bahawa dengan adanya bercucuk-tanam bahan-bahan makanan, maka ini dapat mengurangkan perbelanjaan rakyat dan ramailah yang telah mengambil peluang untuk bercucuk-tanam, tetapi malangnya ada yang berfikir bahawa Rancangan Buku Hijau ini adalah bertujuan untuk mengadakan pasaran yang besar dan kita dapati bahawa

terlalu banyak bahan-bahan makanan yang dikeluarkan sehingga tidak dapat dipasarkan. Oleh kerana itu, kita sendiri terpaksa mengurangkan pengeluaran bahan-bahan makanan itu supaya dianya tidak menjadi sia-sia sahaja, menjadi pembaziran sahaja.

Jadi kalau didapati bahawa Rancangan Buku Hijau ini telah terhenti, ini ialah kerana soal pasaran dan bukan soal Rancangan Buku Hijau itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan dan syor-syor yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri dan juga Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri. Di mana saya tidak dapat menjawab ataupun menyentuhnya dan menyebut Ahli Yang Berhormat yang membangkitkannya, saya memohon maaf. Walau bagaimanapun, segala perkara yang ditimbulkan itu telah dicatatkan dan akan diberi perhatian (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.